

**Jilid III  
Bil. 6**



**Hari Isnin  
20hb April, 1981**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN NEGARA**

*SENATE*

**PARLIMEN KELIMA**

*Fifth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**

*Third Session*

## **KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 641]**

**USUL-USUL:**

**Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985 [Ruangan 686]**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat  
[Ruangan 739]**

**Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 780]**

MALAYSIA  
**PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN TAHIR, S.M.T., B.C.K., P.J.K. (Kedah).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ TUAN DAIM BIN ZAINUDDIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ DATO HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).
- „ PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM *alias* HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

- Yang Berhormat DATO SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P.,  
D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P.  
(Perak).
- „ TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ DATO HAJI ISMAIL BIN HASSAN, D.P.M.J., P.I.S. (Johor).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN SYED KAMARULZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD,  
K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- „ DATO HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, D.S.D.K., K.M.N.,  
S.D.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TUAN LEE JONG KI (Dilantik).
- „ TUAH LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P.  
(Pahang).
- „ DATO HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI  
MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA  
(Dilantik).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K.  
(Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M.,  
P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATO HAJI MOHD. NOR MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T.,  
S.M.S., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N.,  
J.P. (Dilantik).
- „ TUAN M. MUTHU PALANIAPPAN, A.M.N., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P.  
(Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).

- Yang Berhormat, DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN ROGAYAH ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- „ DATO SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN HAJI YAACOB BIN HAJI ENSKU YUNUS, P.P.N. (Kelantan).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting : Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

## MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

---

Isnin, 20hb April, 1981

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN

HOSPITAL BESAR, KUALA  
TRENGGANU—PEMBINAAN

1. Puan Hasnah binti Mohd. Kassim minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah akan disiapkan Bangunan Hospital Besar, Kuala Trengganu; dan adakan Kementerian sedar bahawa setengah daripada wad-wad yang ada sekarang adalah dari bangunan lama yang tidak sesuai lagi untuk menempatkan pesakit-pesakit yang kian hari kian bertambah untuk mendapatkan rawatan.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa bangunan Hospital Besar Kuala Trengganu di jangka siap tahun 1986. Kementerian Kesihatan sedar bahawa setengah-setengah daripada wad-wad yang ada sekarang adalah bangunan lama. Sementara menunggukan bangunan hospital baru disiapkan beberapa wad sementara perlu dirancang dan akan dilaksanakan. Di antaranya ialah dua Wad Sementara, sebuah Wad Bersalin dan sambung kepada Klinik Bersalin sedang dirancang. Di samping itu sambungan kepada Wad Kelas I hampir siap dibina.

**Dato Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah pihak Menteri menerangkan apakah sebagai

hospital di Kuala Trengganu ini begitu sekali nasibnya berpanjangan. Saya nampak tidak adalah sebuah hospital pun dalam Malaysia yang usianya begitu lanjut di dalam pembangunan atau pembinaannya. Jadi, saya ingin mendapat tahu berapa tahunkah sudah dirancang sehingga tahun 1986 baru hendak siap padahal hospital ini boleh dikatakan sebuah hospital yang patut diutamakan daripada hospital-hospital lain kerana di dalam Kuala Trengganu tidak ada hospital dengan Wad Kelas I melainkan baru hendak diadakan. Sebagaimana yang dikatakan oleh Menteri itu Wad Kelas I yang dibuat itu cuma atas dasar sementara, hingga berapa puluh tahunkah Wad Kelas I ini bersifat sementara?

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengakui memang masa untuk melaksanakan hospital ini memang lama dan ini disebabkan beberapa faktor, kebanyakan daripada faktor-faktor ini tidaklah dapat dielakkan.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1974 Kementerian Kesihatan telah berhajat mengambil tanah dan sudahpun ditetapkan sekeping tanah di tempat hospital yang ada sekarang iaitu di tapak yang ada sekarang di mana kita hendak membina hospital baru ini. Akan tetapi dalam tahun 1974 pula Kerajaan Negeri bercadang supaya tapak ini ditukarkan ke tempat yang lain lebih kurang 3 batu jauhnya dari tempat yang ada sekarang dengan syarat mereka memberi 60 ekar tanah pula untuk mendirikan hospital ini. Walau bagaimanapun, ini telah ditukar balik dalam tahun 1976 di mana telah diputuskan supaya tempat yang ada sekarang digunakan untuk menjadi hospital. Dengan itu segala rancangan yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan telah tergendala sekurang-kurangnya dua tahun.

Selepas itu kita telah menjalankan beberapa kajian dan akhirnya kita telah membuat keputusan dengan persetujuan Kerajaan Negeri mendirikan hospital di tempat yang ada sekarang. Rancangan-rancangan untuk merancang tapak dan juga kajian-kajian tanah (soil study) mengambil masa yang panjang dan selain daripada itu ada beberapa masalah yang tidak dapat dielakkan, masalah cuaca dan lain-lain. Walau bagaimanapun, bagi pihak Kementerian Kesihatan memang sentiasa berusaha untuk mempercepatkan penyiapan hospital ini.

Sementara menunggu hospital ini disiapkan maka Kementerian ini mengambil beberapa langkah sepertimana yang saya sebutkan tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir.

**Tuan Haji Fadzil bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 2.

#### GURU-GURU KHAS MENGAJAR ORANG CACAT

2. **Tuan Haji Fadzil bin Ahmad** (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Menteri pelajaran menyatakan sama ada guru-guru khas yang mengajar orang cacat ini telah mendapat latihan yang cukup dan daripada mereka berapakah yang mendapat latihan khas di luar negeri.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, guru-guru khas yang mengajar orang cacat ini latihan yang cukup sebelum mereka dihantar untuk mengajar orang-orang cacat. Guru-guru khas ini adalah terdiri daripada mereka yang sudah memiliki latihan perguruan asas dan pengalaman mengajar kanak-kanak biasa.

Semenjak 1962, Maktab Perguruan Ilmu Khas menawar Kursus sepenuh masa selama setahun dalam pendidikan kanak-kanak buta dan pekak. Sukatan pelajaran kursus ini meliputi semua aspek pendidikan kanak-kanak buta dan pekak. Manakala pensyarah-pensyarah dalam Unit ini mempunyai kelayakan iktisas tempatan dan dari seberang laut serta mempunyai pengalaman yang luas mengajar di dalam bidang ini.

Sayugia dimaklumkan bahawa Kementerian Pelajaran, dari masa ke semasa memberi biasiswa kepa guru-guru khas ini untuk mengikuti latihan tambahan di universiti-universiti di seberang laut. Pada masa ini terdapat dua (2) orang guru khas yang mengikuti kursus orang buta dan seorang guru khas mengikuti kursus orang pekak di Universiti di United Kingdom.

Kementerian Pelajaran juga menganjurkan kursus pendek kepada guru-guru khas dalam masa cuti penggal pada tiap-tiap tahun. Kursus-kursus seperti ini adalah dianjurkan sama ada oleh Kementerian Pelajaran atau oleh Kementerian bersama dengan agensi-agensi lain seperti Royal Commonwealth Society for the Blind (RCSB).

Untuk makluman Yang Berhormat guru-guru khas yang mendapat latihan khas di luar negeri adalah seperti berikut:

1. Guru-guru khas yang mengajar murid-murid pekak jumlahnya ialah 124 orang.
2. Guru-guru khas yang mengajar murid-murid buta jumlahnya ialah 6 orang.

**Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:** Bersabit dengan kanak-kanak cacatbuta dan pekak ini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya setakat ini berapa ramaikan dalam negara kita ini telah didaftarkan dan telahpun dimasukkan ke sekolah orang buta dan pekak.

Yang kedua, adakah Kementerian akan bersedia membuat tambahan sekolah bagi kanak-kanak yang tidak bernasib baik ini dan tolong nyatakan selain daripada pekak dan buta adakah cacat-cacat yang lain dimasukkan ke dalam sekolah tersebut.

**Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan daripada Ahli Yang Berhormat ini memerlukan notis kerana dia minta angka-angka. Saya tidak mahu beri angka kecuali dengan tepat di dalam Dewan yang mulia ini.

Mengenai cadang sama ada Kementerian akan menambahkan lagi bilangan sekolah-sekolah unuk murid-murid cacat, sukacita

saya memaklumkan perkara ini memang sentiasa dikaji dari semasa ke semasa dan sekiranya difikirkan perlu akan ditambah pada masa-masa yang akan datang.

**Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** Murid-murid yang cacat ini kalau sekiranya pihak ibubapanya tidak menghantarkan mereka ke sekolah adakah menjadi satu kesalahan kepada ibubapa atau kepada penjaganya dan adakah satu peraturan ataupun undang-undang berkenaan dengan kanak-kanak cacat mesti disekolahkan dan kalau mereka itu tidak berkemampuan adalah menjadi tanggungjawab kepada pihak Kerajaan supaya menanggungnya.

**Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada peruntukan sedemikian.

#### PENGERUSI LEMBAGA PERPADUAN NEGARA—JAWATAN

**3. Dato G. Pasamanickam** minta Perdana Menteri memberitahu bilakah kekosongan jawatan Pengerusi, Lembaga Perpaduan Negara akan diisi dan sama ada telah ada seorang calon yang sesuai untuk mengisi kekosongan tersebut.

**Timbalan Menteri Undang-undang (Dato Abdullah bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan adalah sedang menimbang dan mengkaji semula kedudukan jawatan Pengerusi Kerja itu.

**Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Lembaga Perpaduan saya rasa satu perkara yang penting dalam negeri kita ini. Bolehkah kita dapat tahu, apakah jenis-jenis usaha Lembaga Perpaduan Negara ini bagi memperkuatkan perpaduan dalam negara kita, misalnya adakah berjumpa sahaja antara tiga kaum bercakap-cakap begitu dan begini, adakah itu sahaja ataupun berapa perkara yang telah dibuat oleh Lembaga Perpaduan Negara bagi memenuhi maksud perpaduan negara kita.

**Dato Abdullah bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

#### SKIM PINJAMAN BUKU TEKS

**4. Dato Hajjah Fatimah binti Haji Salim** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah wang yang terlibat dalam rancangan buku-buku teks di seluruh negara dan sama ada beliau akan terus meminjamkan buku-buku ini kepada semua murid-murid memandangkan bahawa setengah daripada buku-buku tersebut tidak dapat dibeli sama ada di kedai-kedai mahu pun di Dewan Bahasa dan Pustaka sendiri.

**Dato Mohamad Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, sejak Skim Pinjaman Buku Teks dilaksanakan pada tahun 1975, Kementerian Pelajaran telah membelanjakan wang sejumlah \$196,371,332.23 hingga tahun 1980, dan perbelanjaan bagi tahun 1981 ini adalah dianggarkan sebanyak \$25 juta.

Pada masa sekarang, semua murid di Sekolah Rendah Kebangsaan adalah layak menerima bantuan pinjaman buku teks, dan murid-murid di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil dan Sekolah Menengah adalah juga layak jika ibubapanya berpendapatan kurang dari \$500 sebulan. Walau bagaimanapun, ada di antara murid-murid yang layak menerima bantuan ini telah memilih untuk membeli buku-buku teks sendiri. Kementerian saya memang sedar jumlah keperluan buku-buku teks bagi murid-murid yang layak tetapi memilih untuk membeli sendiri dan bagi murid-murid yang tidak layak menerima bantuan, maka arahan-arahan telah dikeluarkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka dan penerbit-penerbit buku supaya mencetak buku-buku dengan mencukupi. Saya percaya kesusahan tidak timbul bagi murid-murid membeli buku-buku mereka di kedai-kedai buku ataupun di Dewan Bahasa dan Pustaka. Oleh itu, walaupun Skim ini akan diteruskan oleh Kerajaan, Kementerian Pelajaran tidak bercadang hendak memperluaskan lagi Skim ini untuk meliputi semua murid di semua sekolah.

**Tuan Abdullah bin Salleh:** Soalan tambahan. Bagaimanakah kedudukan Skim Pinjaman Buku Teks setelah dasar 3M dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 1983.

**Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Pinjaman Buku Teks ini akan diteruskan walaupun kita akan meminda kurikulum untuk sekolah-sekolah rendah, sebenarnya tidak ada kaitan.

**Tuan Ishak bin Abdul Rahman:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kementerian Pelajaran bercadang supaya tahap \$500 untuk mendapatkan pinjaman buku teks kepada waris-waris kanak-kanak dinaikkan kepada \$1,000 ataupun mana-mana yang lebih daripada itu.

**Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kita tidak bercadang hendak menaikkan jumlah itu.

#### JETI DI TANJUNG KLING, MELAKA— PERKHIDMATAN

5. **Tuan Loh Kee Peng** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk menggalakkan lebih banyak kapal-kapal besar untuk menggunakan perkhidmatan Jeti di Tanjung Kling, Melaka yang telahpun siap dan dibuka kepada pengangkutan laut.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, Jeti di Tanjung Kling Melaka mempunyai kemudahan untuk merapatkan kapal-kapal seberat 15,000 deck weight dan dapat mengendalikan kargo am dan juga kargo cecair. Jeti Melaka ini merupakan satu jeti yang memberi kemudahan tambahan kepada pelabuhan-pelabuhan besar yang sedia ada iaitu Pelabuhan Kelang dan Pelabuhan Pasir Gudang, Johor. Pada ketika ini Kementerian sedang giat menyusun pentadbiran jeti ini supaya dapat memberi perkhidmatan yang mencukupi untuk menggalakkan kapal-kapal singgah ke jeti ini. Sayugia dimaklumkan juga bahawa kegunaan sepenuh jeti ini bergantung rapat kepada perdagangan import-eksport dari kawasan persekitaran jeti Melaka.

#### PETROLEUM YANG DIIMPORT— MENGURANGKAN PENGGUNAAN

6. **Tuan Alexander Y. T. Lee** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan memandangkan kos pengeluaran petroleum yang diimport meningkat yang berkecenderungan untuk menaikkan kadar inflasi dan kadar perbelanjaan hidup dalam negara, sama ada Kerajaan akan menggalakkan penggunaan sumber-sumber tenaga gantian seperti kuasa air, angin solar arang batu, gas biogas, kuasa nuklier dan gelombang untuk kedua-dua sektor awam dan swasta.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang pernah saya perkatakan baik dalam Dewan ini ataupun di luar Dewan bahawa Kerajaan telah membuat keputusan untuk mengurangkan penggunaan negara ini ke atas minyak dengan menggunakan sumber-sumber alternatif seperti gas asli, hidro dan arang batu. Misalnya, dalam penjanaan elektrik, menjelang tahun 1984 sebuah stesen janakuasa elektrik yang menggunakan gas asli dijangka siap didirikan di Paka, Trengganu. Selain daripada itu juga mengikut rancangan, gas asli ini juga akan dipaipkan ke pantai barat untuk stesen janakuasa elektrik di Pelabuhan Kelang, Jambatan Connaught Kelang dan stesen Tuanku Jaafar, Port Dickson dan jika didapati ekonomik dan مناسب adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk memperluaskan lagi kegunaan gas ini ke stesen janakuasa Prai di Pulau Pinang dan Pasir Gudang di Johor.

Kajian-kajian mengenai kemungkinan gas asli mampat (CNG) dan gas asli petroleum cecair (LPG) digunakan sebagai bahanapi bagi kenderaan awam sedang dijalankan. Kajian-kajian ini meliputi semua aspek iaitu dari segi ekonomi, logistik serta praktiknya. Kerajaan juga sedang meneliti pengalaman-pengalaman dari penggunaan LPG dan CNG di negara-negara lain terutamanya di Jepun.

Di Jepun penggunaan LPG di sektor pengangkutan kian meningkat. LPG juga telah digunakan di Singapura dan di negeri

Thai sebagai bahanapi bagi teksi-teksi. CNG pula sedang digunakan oleh sebilangan kenderaan-kenderaan pengangkutan di New Zealand. Pengalaman-pengalaman tersebut akan menjadi panduan dan dikaji dengan teliti sebelum penggunaan LPG dan CNG dapat diperkenalkan di Malaysia.

Selain daripada itu beberapa projek hidro sedang dalam proses pelaksanaan, iaitu Kenyir di Trengganu, Bersia dan Kenering di Perak, Semenanjung Malaysia. Di Sarawak pula kajian kemungkinan atas potensi punca hidro sedang dijalankan oleh sebuah gabungan firma-firma perunding Jerman. Menurut laporan awal kajian tersebut, tapak-tapak yang paling sesuai untuk dimajukan ialah di Pelagus dan Balui. Manakala projek hidro Batang Air pula sedang dilaksanakan. Di samping itu, projek-projek mini hidro juga akan dilaksanakan. Dalam tahun ini sebanyak 22 projek mini hidro dimajukan dan 3 darinya sedang dalam pelaksanaan dan dijangka siap menjelang akhir tahun ini. Projek-projek yang berkenaan ialah seperti berikut:

- (i) Sungai Ulu Dong Raub, Pahang.
- (ii) Sungai Chepir, Kedah.
- (iii) Sungai Gebul, Kuala Kangsar, Perak.

Sungguhpun arang batu belum lagi dipergunakan di negara ini. Kerajaan menganggap sumber tenaga ini merupakan pilihan yang memberi harapan yang baik. Sebuah pusat arang batu yang bertujuan untuk menampung keperluan semua industri yang mengalih kepada penggunaan sumber tenaga ini sedang dirancang. Antara lain pusat ini akan memberi kemudahan simpanan, pengedaran dan sebagainya. Dua tapak bagi pusat ini telahpun dicadangkan iaitu di Pelabuhan Klang atau di Lumut.

Lain-lain sumber seperti tenaga suria, angin, biomas, biogas dan lain-lainnya tidak kurang peri mustahaknya. Kerajaan telah memberi galakan sepenuhnya kepada kegiatan penyelidikan dan pembangunan di universiti-universiti dan intitusi-institusi tempatan di dalam bidang ini.

**Dato Haji Mahmoud Salim bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam jawapan Timbalan Menteri tidak tak ada menyebut berkenaan dengan kemudahan masak memasak di negara kita ini, satu daripada cara masak memasak ialah dengan menggunakan gas cecair iaitu sebahagian daripada minyak petrol juga. Oleh kerana dengan naiknya harga minyak petrol di negara kita ini maka gas masakan ini telah naik harganya lebih kurang \$2.70 sen setong iaitu daripada \$16.80 kepada \$19.50. Jadi saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan, banyak kilang-kilang telah didirikan di negara kita tetapi pihak Kementerian Tenaga ini nampaknya tidak ada menjemput pelabur-pelabur dari luar negeri supaya mendirikan kilang-kilang yang boleh menggunakan cahaya matahari untuk alat memasak, pada hal perkara ini telah diperkenalkan di lain-lain negara seumpama India, Jepun dan sebagainya. Kalau sekiranya ada kilang yang mengeluarkan tenaga cahaya matahari, kita boleh mendapat keuntungan yang besar. Kenapakah pihak Kementerian Tenaga begitu sekali tidak mengambil berat dalam perkara yang boleh menguntungkan negara kita, pada hal negara kita ini terletak di bawah khatulistiwa, tempat yang tidak putus-putus cahaya matahari. Maka dengan peristiwa yang berlaku pada masa sekarang ini di mana kita masih menggunakan gas dan menggunakan petrol, maka perkara ini akan naik seumpama sekarang di mana dengan tidak semena-mena dalam masa setahun telah naik tiga kali, sekali naik sampai \$2.70. Saya ingin bertanya, apakah sebabnya pihak Kementerian tidak memikirkan perkara yang menguntungkan negeri kita seumpama ini dan tidak dijemput pelabur-pelabur dari luar supaya melabur dan mendirikan kilang-kilang yang seumpama ini yang menguntungkan.

**Dato Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan yang tadi saya telahpun menerangkan bahawa Kerajaan menggalakkan penyelidikan dalam segi menggunakan cahaya matahari (suria) tetapi untuk kegunaan suri-suri rumahtangga untuk memasak ini, jika digunakan, ia akan menguntungkan, bukan sahaja pihak penjual alat-alat ini bahkan juga kepada suri-suri rumahtangga, saya percaya dengan tidak ada

dorongan dari pihak Kerajaan pun, pihak-pihak tertentu ini tentulah masuk ke negara ini untuk memperkenalkan alat-alat itu. Walau bagaimanapun pada pendapat saya alat-alat ini masih lagi tidak begitu cekap dan tidak begitu murah harganya dan mungkin payah hendak digunakan dan oleh sebab itu memandangkan ada lagi bahan-bahan lain daripada cahaya matahari maka alat-alat itu tidak pun diperkenalkan lagi dengan secara besar-besaran kepada masyarakat kita.

#### PEJABAT IMIGRESEN RAUB— KESESAKAN

7. **Tuan Ibrahim bin Salleh** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan mendirikan Bangunan Imigresen di Raub; dan sama ada beliau sedar bahawa pegawai-pegawai dan kakitangan di Imigresen Raub tidak mencukupi; jika sedar apakah tindakan beliau akan ambil untuk mengatasi masalah ini.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan belum bercadang untuk mendirikan Bangunan Imigresen di Raub kerana Pejabat Imigresen sekarang ini yang bertempat di Pejabat Daerah, Raub akan memperolehi ruang yang lebih luas apabila beberapa jabatan yang berada di tempat yang sama akan berpindah ke sebuah bangunan Kerajaan yang sedang dalam pembinaan.

Pihak Kementerian mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memperingati mengenai kurangnya pegawai dan kakitangan Pejabat Imigresen di Raub. Setelah kajian selesai dibuat dan jika didapati perlu, pihak Kementerian akan menambahnya.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir:** Soalan tambahan. Berkait dengan Jabatan Imigresen bukan sahaja di Raub barangkali di seluruh negara ini terdapat beberapa kekurangan yang begitu ketara sekali terutama Jabatan Imigresen yang berhampiran dengan sempadan Kedah/Thailand, bila mana kita sampai di situ terdapat jabatan ini yang berbau dengan berbagai bau—saya sebutkan

bau busuk, selain daripada air ikan yang berhenti dekat dengan Jabatan Imigresen dan juga Kastam. Dan lagi satu tempat buang air kecil dan besar di situ juga tidak dipelihara dan diketahui ini juga adalah di bawah jagaan Jabatan Imigresen. Adakah Timbalan Menteri sedar atas hal ini kerana keadaan di situ boleh menggambarkan satu pandangan bila mana orang luar (foreigners) masuk ke negara kita maka mereka sudah mendapat satu gambaran bahawa kawalan-kawalan yang berhampiran dengan jabatan itu tidak sempurna.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Tuan Yang di-Pertua, itu bukan di Raub.

#### PENAGIH DADAH

8. **Tuan Ismail bin Hashim** minta Menteri Kebajikan Am menyatakan:

- (a) jumlah penagih-penagih dadah yang terdapat di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak sehingga 31hb Disember, 1980; dan
- (b) sejauh manakah penagih-penagih dadah ini dapat dipulihkan semula.

**Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani):** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masalah pemulihan penagih dadah ini di bawah Kementerian Kebajikan Am maka saya akan menjawab soalan ini:

- (a) Suka saya menyatakan bahawa, jumlah penagih-penagih dadah yang mendaftar dengan Kementerian Kebajikan Am untuk pemulihan bagi tempoh dari 1-10-1975 hingga 31-12-1980 ialah 11,496 orang. Jumlah yang terdaftar dengan Unit Penyelidikan Dadah, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang dari tahun 1970 sehingga 31-12-1980 pula ialah 55,240 orang. Angka-angka ini berbeza kerana selain daripada perbezaan tempoh, unit tersebut menerima maklumat mengenainya daripada pihak Kementerian Kebajikan Am, Polis dan Hospital.

(b) Suka saya menyatakan bahawa, dari maklumbalas yang diterima oleh Kementerian Kebajikan Am kira-kira 35% daripada penagih-penagih dadah yang dipulih dalam pusat-pusat pemulihan dadah Kementerian Kebajikan Am telah kembali menyalahguna dadah. Sepertimana yang telah saya jelaskan juga 18% lagi tidak dapat dikesan dan jika mereka yang tidak dapat dikesan ini dapat dianggap tidak kembali menyalahguna dadah maka ini bermakna sejumlah lebih kurang 65% adalah berjaya dipulihkan.

Sungguhpun begitu Kementerian saya sentiasa mengkaji atau mencari jalan bagaimana supaya rancangan-rancangan pemulihan ini dapat diperbaiki lagi dan juga pusat-pusat yang lengkap akan dibina dan bilangan kakitangan juga akan ditambah supaya dapat memperkuatkan lagi dan memperelokkan lagi perkhidmatan-perkhidmatan yang ada pada masa ini.

#### **RANCANGAN MAKANAN TAMBAHAN KEPADA MURID-MURID**

**9. Dato Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar atau tidak bahawa jenis dan mutu makanan dan minuman yang diberikan kepada murid di dalam Rancangan Makanan tambahan adalah berbeza di antara satu negeri dengan satu negeri yang lain dan nyatakan juga kategori murid-murid yang boleh diberikan dengan percuma makanan sahaja atau minuman susu sahaja.

**Dato Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran telah memberi peruntukan pada kadar 25 sen bagi seorang murid sehari pada semua negeri termasuk Sabah dan Sarawak. Untuk memastikan bahawa mutu makanan yang diberikan kepada murid-murid di dalam rancangan makanan tambahan tidak berbeza dan terjamin pihak Kementerian telah menyediakan buku panduan untuk sekolah di

mana terdapat 5 jenis menu yang didapati dari Institut Penyelidikan Perubatan. Menu-menu tersebut adalah terdiri daripada makanan seimbang yang boleh memberi lebih kurang 400 kalori tenaga bagi seorang murid. Bagi sekolah-sekolah yang kecil iaitu di bawah 200 orang murid semua murid-murid diberi makanan tambahan. Bagi sekolah-sekolah yang lebih daripada 200 orang murid pemilihan adalah dibuat berdasarkan kepada kriteria dan keutamaan seperti berikut:

Pertama, murid-murid yang ada menunjukkan tanda-tanda salah pemakanan (malnutrition).

Kedua, kanak-kanak dari keluarga-keluarga berpendapatan rendah serta keahliannya adalah besar.

Ketiga, kanak-kanak dari golongan berpendapatan rendah.

Keempat, murid-murid yang datang dari rumah-rumah yang jauh dari sekolah.

**Dato Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** Soalan tambahan. Terima kasih, saya dapat penjelasan lagi. 25 sen tiap-tiap seorang murid kemudian pihak Timbalan Menteri menerangkan keadaan murid-murid tadi. Saya ingin bertanya kebanyakannya ada perbezaan di antara murid-murid di dalam bandar dan di luar bandar. Apa yang dikatakan oleh pihak Kementerian tadi tidak ada beza di antara murid di dalam bandar ataupun di luar bandar, jadi bagaimanakah kita hendak tahu murid-murid itu yang patut ditambah ataupun yang tidak patut ditambah pemberiannya ataupun kadar pemakanan pada dia. Adakah ini melalui pemeriksaan doktor ataupun dengan akuan Guru Besar sahaja, mana lebih baik kalau sekiranya murid-murid yang di luar bandar yang kita tahu murid-murid ini memang kekurangan zat makanan dan kebanyakannya berpenyakit, itu dilebihkan daripada murid-murid dalam bandar dengan tidak dikirakan bilangan murid itu sama ada 250 ke atas ataupun 250 ke bawah dengan dasar dalam bandar luar bandar; apa kata pihak Kementerian tidakkah boleh dicadangkan begitu.

**Dato Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, takrif di antara sekolah luar bandar dan dalam bandar agaknya sulit hendak dipraktikkan, oleh sebab itu maka kita tidak bercadang hendak membezakan sepertimana yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat. Tetapi sekadar kita memberi sekolah-sekolah yang kecil iaitu di bawah 200 orang murid semua dapat diberi makanan tambahan.

Untuk makluman Yang Berhormat banyak sekolah-sekolah di dalam bandar pun mengalami kesulitan tidak cukup khasiat di kalangan kanak-kanak di sekolah-sekolah tersebut. Kadar 25 sen ini akan dinaikkan tidak berapa lama lagi memandangkan kenaikan harga barang-barang.

#### KEMEROSOTAN AKHLAK DI KALANGAN PELAJAR

**10. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein** minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang telah diambil terhadap kemerosotan akhlak di kalangan pelajar-pelajar kita.

**Dato Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan pertanyaan yang hampir serupa telahpun saya berikan semasa menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin pada 15hb April yang lalu. Saya tidak bercadang untuk membuat sebarang tambahan kepada jawapan yang telah diberikan itu.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan mengatakan sudah menjawab soalan ini, saya mintalah dengan apa belas kasihannya menjawab sekali lagi soalan ini kerana itu bulan April yang lepas, sekarang saya ingin tahu bagaimanakah dalam soalan tambahan saya langkah-langkah yang telah diambil terhadap kemerosotan akhlak yang dihadapi sekarang.

**Dato Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab saya tidak beri jawapan maknanya saya tidak boleh memberi jawapan kepada soalan tambahan kepada jawapan yang saya tidak berikan.

#### LESEN PAJAKGADAI BAGI KOPERASI

**11. Tuan S. Subramaniam** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau akan mengecualikan Koperasi-koperasi dari Akta Pajakgadai (Pawnbrokers Act) untuk membenarkan Koperasi-koperasi mengambil bahagian dalam perniagaan ini dengan tujuan membantu ahli-ahli yang berpendapatan rendah.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, di bawah Seksyen 46 (a) Akta Pemegang Pajakgadai, 1972, semua syarikat kerjasama yang didaftarkan di Malaysia adalah dikecualikan daripada lesen pajakgadai.

#### MARA—TINDAKAN MAHKAMAH TERHADAP PEMINJAM

**12. Tuan K. Kumaran** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada tindakan mahkamah diambil terhadap peminjam-peminjam yang tidak membayar balik pinjaman daripada MARA, jika ya, nyatakan jumlah orang dan wang yang terlibat.

**Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, tindakan mahkamah telah dan sedang diambil terhadap peminjam-peminjam yang tidak membayar balik pinjaman yang mereka perolehi daripada MARA. Tindakan-tindakan Mahkamah ini khasnya diambil menerusi Unit Penguatkuasa MARA di seluruh negara. Dalam tahun 1980 sahaja jumlah tindakan mahkamah di Semenanjung Malaysia berjumlah sebanyak 898 kes. Ini melibatkan jumlah tuntutan sebanyak \$2,491,445.70 sen. Kedudukan jumlah di Sabah dan Sarawak masih belum didapati kerana semua kes saman dijalankan oleh

peguam lantikan. Pecahan bilangan tindakan-tindakan dan jumlah yang terlibat mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan</i>	<i>Jumlah</i>
Wilayah Persekutuan	17	\$117,395.00
Perlis . . . . .	37	49,397.16
Kedah . . . . .	144	327,050.64
Pulau Pinang . . . . .	55	111,180.06
Perak . . . . .	36	99,506.30
Selangor . . . . .	167	520,408.61
Negeri Sembilan . . . . .	65	112,089.31
Melaka . . . . .	104	295,334.42
Johor . . . . .	88	388,667.66
Pahang . . . . .	104	295,334.42
Trengganu . . . . .	57	81,561.35
Kelantan . . . . .	24	93,520.77
Jumlah . . . . .		<u>\$2,491,445.70</u>

**Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:** Sejumlah \$2 juta lebih orang yang berhutang daripada MARA dan telahpun disaman sebanyak 898 kes oleh mahkamah. Saya suka hendak bertanya apabila di bawa ke mahkamah ini berapa di antaranya yang 898 sekarang ini yang sudah dijelaskan.

Yang kedua, bagaimana yang tidak dijelaskan, adakah orang ini sudah dimasukkan dalam jel atau bagaimana.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, daripada kes-kes yang dibawa ke mahkamah itu 286 kes telah berjaya, kerana bilangan ini adalah jumlah yang dinamis maka tidaklah dapat kita perolehi angka yang tepat buat masa ini, mungkin pada masa akan datang dapat saya berikan.

Mengenai bawa ke jel sebenarnya tindakan dibuat oleh mahkamah ialah pertamanya kalau setelah kita dapat judgement daripada mahkamah maka mahkamah akan buat perintah supaya pihak yang berkenaan itu membuat bayaran ataupun penjamin-penjamin membuat bayaran dan bayaran ini bolehlah dibuat sama ada sekali gus ataupun secara beransur. Sekiranya gagal juga tuntutan ini dipertunaikan, maka sekali lagi MARA bawa pihak ini ke mahkamah dan tindakan bolehlah diambil dari segi membuat atau mendapatkan, dengan izin, judgement debtor summons iaitu supaya meminta

peminjam tadi membuat bayaran secara ansuran ataupun tindakan seizure and sale iaitu rampas dan lelong ke atas harta benda peminjam yang kena tuntutan tadi.

Ketiga, tindakan bankruptcy ke atas yang kena tuntutan dan keempat, garnishment iaitu MARA akan merampas wang kepunyaan peminjam jikalau ada wang tuntutan yang masih MARA perlu membayar balik kepadanya. Jadi ini adalah perkara-perkara yang boleh dituntut daripada pihak peminjam, tidak masuk jel.

### KEMALANGAN PEKERJA TELEKOM DI BATU CAVES

**13. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan langkah-langkah beliau akan ambil untuk mengelakkan daripada berlaku kemalangan jiwa sebagaimana yang terjadi kepada empat orang pekerja telekom di Batu 7, Batu Caves pada 18-3-1981 dan apakah bantuan yang telah diberikan kepada keluarga mangsa-mangsa tersebut.

**Dato Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, pekerja-pekerja telekom yang menjalani kerja-kerja luar sentiasa diberi latihan untuk menjaga keselamatan diri dari ditimpa kemalangan. Buku Kerja, dengan izin, Field Handbook diberikan dan cara-cara menjaga keselamatan untuk memasuki lorong kabel (manhole) dan memanjat tiang juga diterangkan dalam buku ini. Jabatan Telekom juga mengeluarkan arahan-arahan Jabatan dinamakan Malaysian Telecoms Instructions sebagai panduan untuk kesemua pekerja. Di dalam panduan ini diterangkan bahaya-bahaya yang mungkin akan dialami semasa bekerja dan apakah langkah-langkah yang patut diambil. Arahan-arahan yang diberikan kepada pekerja-pekerja Telekom khususnya untuk pekerja luar adalah mencukupi dan sekiranya dipatuhi dengan teliti akan dapat menghindarkan daripada kemalangan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, wang sebanyak \$14,400 sebagai bayaran Pampasan Pekerja (Workmen's Compensation) akan diberi kepada tiap-tiap keluarga mangsa tragedi di

Batu Caves itu. Balu mendiang S. Krishnamurthy ketua Kumpulan yang telah berkhidmat selama 13 tahun akan juga mendapat bayaran pencen dan bayaran ganjaran. Tiga pekerja yang lain iaitu Allahyarham Ahmad bin Alias, Allahyarham Abdul Rahman bin Othman dan mendiang Subramaniam a/l Ramakrishnan hanya telah bekerja selama 4 bulan dan mengikut peraturan perkhidmatan mereka tidak layak mendapat bayaran pencen ataupun bayaran ganjaran.

Pihak Jabatan Telekom telah memberi bantuan kilat sebanyak \$200 seorang kepada tiap-tiap keluarga yang malang itu dan untuk belanja pengkebumian. Di samping itu juga pihak Jabatan Telekom telah melancarkan derma ikhlas ke seluruh Telekom Malaysia.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain:** Soalan tambahan bersabit dengan masalah Telekom ini, janganlah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab pula soalan lain. Satu, ingin saya tahu bersabit dengan Telekom ini apakah sebab gangguan telefon selalu berlaku bila kita sedang mengangkat telefon, bercakap selalu ada orang lain bercakap di pertengahannya. Kedua, tidakkah dapat diawasi supaya jangan ada gangguan-gangguan ini?

**Dato Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah itu soalan lain (*Ketawa*).

#### JABATAN PENUNTUT MALAYSIA DI NEW DELHI

**14. Tuan S. I. Rajah** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian akan mengadakan sebuah Pusat Penuntut Malaysia yang berpatutan besarnya di Madras, India dan mengapa seorang Pegawai Kebajikan Penuntut tidak dilantik untuk bertugas di New Delhi ataupun di Madras.

**Dato Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat sebuah Jabatan Penuntut telahpun ada di New Delhi dan seorang Pegawai Kebajikan Penuntut telah ditempatkan di sana sejak tahun 1972 lagi. Sementara itu di Madras, belum ada lagi, tetapi akan dipertimbangkan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya pernah takut Menteri jawab itu soalan lain. Berapa ramaiakah penuntut kita di Madras, India sekarang kerana soalan ini berkehendakkan seorang Pegawai Kebajikan Penuntut.

**Dato Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, bilangannya ramai dan kebanyakan penuntut-penuntut itu telah pergi dengan secara persendirian, jadi pihak Kementerian Pelajaran tidak ada rekod yang sebenarnya.

#### PROJEK PEMBANGUNAN— KERJASAMA RAKYAT

**15. Tuan V. V. Aboo** minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau berpuashati dengan penyertaan dan kerjasama rakyat di dalam projek-projek pembangunan yang dianjurkan oleh Kerajaan yang meliputi segala bidang dan adakah sebarang cadangan atau rancangan untuk menggalakkan rakyat memberi kerjasama atau menyertai projek-projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

**Dato Abdullah bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedar bahawa usaha-usaha pembangunan sewajarnya berbentuk dua hala iaitu tindakan bagi memajukan negara memerlukan bukan sahaja input dari Kerajaan bahkan juga penyertaan dan kerjasama sepenuhnya dari rakyat sekiranya kejayaan hendak diperolehi.

Setakat ini Kerajaan berpuashati di atas penyertaan dan kerjasama yang diberi oleh rakyat di dalam projek-projek pembangunan yang dianjurkan dan dilaksanakan oleh Kerajaan. Turunnya kadar kemiskinan di kalangan rakyat di dalam sektor pertanian dari 63% pada tahun 1975 kepada 46.1% pada tahun 1980 dan dalam sektor bukan pertanian pula dari 26.2% kepada 16.8% dalam tahun-tahun yang sama adalah menjadi bukti yang nyata tentang penerimaan dan kerjasama rakyat terhadap projek-projek Kerajaan. Saya percaya bahawa kejayaan itu tidak akan dapat tercapai tanpa penyertaan dan kerjasama yang positif dari rakyat

sendiri. Walau bagaimanapun, Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa mengkaji cara-cara bagaimana rakyat boleh menyertai dan memberikan kerjasama yang lebih berkesan dalam projek-projek yang dianjurkan sesuai dengan kehendak dan corak pembangunan yang dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Di antara usaha-usaha yang telah dan sedang dijalankan ke arah mencapai matlamat ini ialah dengan cara mengubah sikap dan melengkapkan rakyat dengan pengetahuan dan kemahiran yang perlu supaya mereka lebih bersedia serta dapat bekerjasama melibatkan diri secara positif dalam projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

Dari segi perancangan projek pula Kerajaan menitikberatkan kepada projek-projek yang memerlukan penyertaan dan kerjasama rakyat. Di antara projek-projek yang saya maksudkan ialah rancangan pembukaan tanah, kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti jalanraya, balairaya, parit, taliair, pekan-pekan sehari, penyertaan dalam perniagaan, rancangan rumah murah, bekalan air dan elektrik, pembukaan kawasan-kawasan industri, Kempen Kebersihan dan kecantikan kawasan rumah dan bandar, dan lain-lain lagi.

Setakat ini penyertaan dan kerjasama rakyat terhadap projek-projek yang dianjurkan dan dilaksanakan oleh Kerajaan adalah sangat menggalakkan dan bermakna ianya telah dapat menggabungkan usaha-usaha Kerajaan dan rakyat sendiri. Di kawasan-kawasan luar bandar pula Kerajaan menggalakkan penyertaan penduduknya melalui Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dengan memainkan peranan dalam perkara-perkara berikut:

- (i) Mengambil bahagian dalam perancangan dan menentukan keutamaan projek-projek yang hendak dilaksanakan.
- (ii) Menyumbangkan sebahagian dari bahan-bahan atau peralatan pembinaan.
- (iii) Menyumbang dan mengadakan tenaga pekerja secara bergotong-royong.

Penyertaan dan kerjasama rakyat melalui cara-cara yang dinyatakan di atas itu telahpun dapat dilaksanakan dengan jayanya dan diterima menjadi amalan bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan Kerajaan yang dilaksanakan di kawasan-kawasan luar bandar.

Dengan kesediaan bekerjasama dan penyertaan positif yang ditunjukkan oleh rakyat sekarang ini, saya berasa yakin bahawa rakyat akan terus menyokong dan memberikan kerjasama sepenuhnya terhadap projek-projek yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan di dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat ini untuk faedah dan kebaikan mereka dan juga negara amnya.

## KILANG SIMEN

**16. Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapa banyakkah kelulusan yang sudah diberi kepada pengusaha-pengusaha kilang simen untuk mengusahakannya di negeri kita ini dan di mana tempat-tempatnya dan berapa buah di antaranya yang telah memulakan pengusahaannya dan di mana.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini, Kerajaan telah meluluskan sembilan projek simen dan lima daripadanya telahpun memulakan pengeluaran iaitu empat di Semenanjung Malaysia dan satu di Malaysia Timur. Kilang-kilang yang telah memulakan pengeluaran ialah Tasek Cement Berhad di Kawasan Perusahaan Tasek, Perak; Associated Pan Malaysia Cement Sdn Bhd di Rawang, Selangor dan di Kantan, Perak; Cement Industry of Malaysia Bhd di Chuping, Perlis; Malayan Industrial & Mining Corporation Bhd di Batu Caves, Selangor dan Cement Manufacturers Sarawak Sdn Bhd di Kuching Sarawak. Empat lagi kilang yang belum memulakan pengeluaran ialah Simen Perak Sdn Bhd di Gopeng Perak; Pahang Cement Sdn Bhd di Kuantan, Pahang, Perak Halla Cement Sdn Bhd di Padang Rengas, Perak dan Kedah Cement di Langkawi.

**Tuan Ibrahim bin Abdullah:** Apabila menyebutkan Padang Rengas fasal kilang simen tadi, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bilakah kilang simen ini akan dibuka di Padang Rengas.

**Dato Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini syarikat ini telah mengadakan satu perjanjian dengan satu syarikat di Korea untuk berusahasama dan sekarang dalam proses mendapatkan tanah untuk membina kilang itu.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya usaha-usaha dan daya pengeluaran yang agak menggalakkan, bolehkah pihak Kementerian memberi sedikit kenyataan dalam bentuk harga-harga supaya dapat dikawal supaya tidak dinaikkan di masa hadapan seperti mana yang berlaku di masa-masa yang lampau.

**Dato Lew Sip Hon:** Harga simen itu bukan bergantung semata-mata atas pengeluaran atau jumlah bekalan simen tetapi lebih pentingnya atas kos pengeluaran, dan seperti saya katakan di Dewan yang mulia ini pada masa yang lampau 40% dari kos pengeluaran simen ini terdiri daripada kegunaan fuel oil dan elektrisiti dan jika harga fuel oil itu naik dan kos ini tidak dapat diserapkan oleh kilang-kilang ini, harga simen terpaksa naik.

## BURUH WANITA

**Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) jumlah buruh dalam negara mengikut kaum sehingga awal tahun 1980; dan
- (b) sama ada benar bilangan buruh wanita pada masa ini melebihi bilangan buruh lelaki dan jika ya, sama ada Kerajaan ada rancangan untuk mengurangkan pengambilan buruh wanita untuk memberi peluang kepada buruh lelaki.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya menyatakan bahawa soalan Ahli Yang

Berhormat itu tidaklah berapa jelas, terutama sekali mengenai perkataan 'buruh' yang digunakan itu. Jika yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah jumlah pekerja-pekerja iaitu yang bekerja di bawah kontrak perkhidmatan (contract of service) pada tahun 1980, jumlah pekerja-pekerja di dalam perkhidmatan Kerajaan dianggarkan seramai 710,000 orang. Dukacita saya tidak dapat memberi angka-angka ini mengikut kaum.

Sementara di sektor swasta pula mengikut maklumat yang ada di tangan Kementerian saya jumlah pekerja-pekerja di Semenanjung Malaysia pada penghujung tahun 1980 ialah seramai lebih kurang 1,152,000 orang iaitu terdiri daripada 38% kaum Melayu, 41% keturunan Cina, 20% keturunan India dan 1% dari lain-lain kaum. Sementara mengikut seks pula seramai 710,600 orang iaitu 62% dari kaum lelaki 38% sahaja dari kaum perempuan. Dari angka-angka ini adalah jelas bahawa bilangan pekerja-pekerja wanita tidaklah lebih daripada pekerja-pekerja lelaki.

Pengambilan pekerja-pekerja wanita atau lelaki adalah bergantung kepada kesesuaian jenis pekerjaan itu dan mengikut kadar penduduk. Umpamanya, di kilang-kilang elektronik atau kilang-kilang kain mungkin terdapat lebih ramai pekerja wanita tetapi sebaliknya di industri-industri yang lebih berat, maka jumlah pekerja-pekerja lelaki adalah melebihi pekerja-pekerja wanita. Angka-angka yang saya berikan tadi jelas menunjukkan bahawa lelaki tidaklah terjejas oleh wanita-wanita kita.

**Tuan Ibrahim bin Abdullah:** Soalan tambahan. Saya cukup terkejut bila Timbalan Menteri Buruh yang berkenaan menyatakan ayat saya ini tidak faham dia kata umum, pula. Saya hendak bacakan:

- (a) jumlah buruh dalam negara mengikut kaum sehingga awal tahun 1980—buruh itu maknanya baik buruh bekerja dengan Kerajaan atau swastakah termasuklah. Kalau itu dia tidak faham, dikatakan saya pula yang salah, saya terkejutlah.

Kedua, soalan (b) ini saya hendak bertanya sebab ada masalah sekarang. Di kampung-kampung terlampau banyak wanita-wanita muda kita sekarang keluar meninggalkan kampung. Dalam bekerja di kilang di mana-manapun tidak kiralah baik kilang ringan, ada juga kilang berat wanita bukan tiada. Tetapi boleh dikatakan sekarang terlampau ramai yang pihak swastanya baik yang lain yang menerima pekerja ini dia hendak perempuan sahaja lelaki kurang suka. Jadi di sini saya pandang jauh, Tuan Yang di-Pertua, apa sudahnya sekarang kalau kebanyakan perempuan sahaja diterima bekerja, apa sudahnya kaum lelaki.

Kedua, ibu bapa selalu gaduh kadang-kadang berlaku bermacam perkara di kilang-kilang, di swasta-swasta berkenaan dengan wanita-wanita ini. Kalau wanita-wanita tua tidak apalah, tetapi yang diterima kebanyakan wanita-wanita muda. sudah sampai masanya Kementerian Buruh membuat analisa yang wajar supaya mengseimbangkan. Pada pendapat saya tidak patut terlampau ramai kilang-kilang ataupun pejabat-pejabat mengambil wanita sahaja. Sudahlah di pejabat-pejabat hendak mencari yang manis sahaja menjadi setiausahanya, itu tidak hairanlah yang lelaki tidak mahu diterima langsung, tetapi pandangan saya kalau Kerajaan sendiri tidak mengambil inisiatif yang sungguh-sungguh menjaga di antara menerima buruh perempuan yang berganda-ganda sekarang ini, saya rasa negara kita dalam masa yang tidak jauh akan menjadi masalah berkenaan dengan kedudukan pekerja-pekerja dalam negeri ini.

Saya tidak nafikan kalau misalnya di sekolah diambil wanita menjadi guru itu sepatutnya, bagus. Tetapi di kilang-kilang, buruh yang lain ini terlampau banyak sangat mengambil wanita-wanita terutama dari kampung-kampung. Bolehkah Yang Berhormat Menteri membuat analisa yang ke hadapan ini dipertimbangkan supaya terlampau ramai wanita ini akan memberi satu masalah kepada negara kita di masa akan datang.

**Datuk K. Pathmanaban:** Saya tidak rasa bahawa wanita akan menjadi masalah dalam negara kita tetapi soal pertama itu saya rasa

Yang Berhormat tadi telah salah faham apa yang saya katakan itu. Perkataan 'buruh' yang digunakan oleh beliau dalam soalan itu adalah sangat am sekali kerana buruh itu mengandungi juga pekerja-pekerja yang bekerja sendiri (self-employed) dan lain-lain. Dan jika hendak angka-angka itu pula yang diberikan tadi adalah berlainan. Perkara itu adalah satu perkara yang teknikal kepada kita. Sekiranya Menteri hendak menjawab dengan jelas dan tepat soalan itu mesti jelas dan tepat. Itu sahaja.

Yang kedua itu pihak Kerajaan atau Kementerian tidak bimbang bahawa peluang-peluang untuk pekerjaan bagi lelaki di negara kita, pemuda-pemuda di negara kita akan terjejas oleh wanita.

Seperti saya katakan tadi pengambilan wanita atau lelaki ini bergantung kepada kesesuaian peluang pekerjaan yang muncul di satu-satu tempat dan pihak Kerajaan memang sudah menggalakkan bermacam-macam perusahaan, termasuk baru-baru ini di bawah Rancangan Malaysia Keempat perusahaan-perusahaan 'heavy industry' yang memang akan menggunakan tenaga pekerja-pekerja lelaki lebih daripada wanita-wanita dan angka-angka yang saya beri tadi jelas menunjukkan bahawa sehingga ini majority adalah masih ada lelaki 62%.

**Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ini ada satu masalah walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tidak ada masalah fasal wanita. Sekarang cuba menaikan dalam Majlis ini siapa dapat menafikan, saya hendak bertanya satu soalan. Oleh sebab kebanyakan wanita bekerja sekarang, akibatnya berapa ramai anak-anak kecil dirumah yang tak ada orang hendak membelanya, hendak mencari wanita membela sendiripun banyak wanita hendak pergi bekerja di kilang-kilang. Jadi akibatnya generasi kita akan datang, anak-anak yang tidak dibela, emak-bapa pergi bekerja, tidak ada penjaga di rumah, ini bukan soalan kecil tetapi sangat membahayakan. Ini yang saya hendak bertanya, perkara-perkara semacam ini memang berlaku sekarang, jadi kita takut makin bertambah lagi. Apa didikan anak-anak kita pada masa akan datang.

**Puan Rahmah binti Othman:** Sedikit penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa tersinggung sedikit mendengar pertanyaan daripada rakan saya. Beliau rasa risau sedikit kerana wanita-wanita banyak sekarang ini bekerja di kilang-kilang dan di tempat-tempat lain. Agaknya rakan saya itu kurang faham dengan pembangunan negara yang sedang kita usahakan hari ini kerana.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim Abdullah.

**Dato K. Pathmanaban:** Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, bahawa sudah ada suara dalam Dewan ini juga yang dapat menjelaskan keadaan kerana kita tidak bolehlah macam zaman dahulu mengatakan bahawa wanita-wanita kita yang mempunyai pelajaran dan kemahiran yang tertentu dan lain-lain yang kita menggalakkan itu bahawa mereka mesti duduk di rumah tetapi saya menerima hujah Ahli Yang Berhormat itu mengatakan bahawa dengan adanya ramai wanita yang pergi bekerja di kilang-kilang jauh dari tempat rumah mereka bahawa timbullah satu masalah yang baru, iaitu anak-anak di rumah itu tidak ada orang menjaga dan hendak dapat menggajikan orang untuk menjaga anak pun susah kerana peluang-peluang untuk pekerjaan wanita adalah meningkat naik juga tetapi Kerajaan memang sedar tentang perkara ini dan sedang membincangkan dengan majikan-majikan di berbagai-bagai tempat untuk memulakan satu rancangan yang teratur bagi mengadakan tempat asuhan kanak-kanak, khususnya kanak-kanak dari keluarga di mana ibunya terpaksa atau hendak ingin pergi bekerja di kilang-kilang dan lain-lain tempat. Perkara ini adalah dalam perhatian.

## PEMAKAIAN SISTEM METRIK

**18. Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada persiapan dan persediaan yang dibuat oleh Kerajaan adalah cukup, dan sikap rakyat ditinjau dan diyakini, sejak beberapa tahun

ini ke arah pemakaian sistem metrik supaya tidak akan ragu-ragu menggunakannya dalam tahun 1982.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya telah dan sedang mengambil langkah-langkah yang perlu bagi menyediakan orang ramai ke arah pemakaian sistem metrik yang akan dilaksanakan dengan sepenuhnya pada 1hb Januari, 1982.

Kementerian saya telah mengeluarkan beberapa buku-buku panduan, risalah metrik, poster-poster, carta-carta dan kad-kad pertukaran untuk memberi maklumat tentang pertukaran tersebut dan ini telah diedarkan kepada orang awam, sekolah-sekolah, firma-firma, Jabatan-jabatan Kerajaan, Persatuan-Persatuan Pengguna, Dewan Perniagaan dan sebagainya. Kementerian saya juga telah mengadakan seminar-seminar, taklimat-taklimat, ceramah-ceramah pameran-pameran dan pertunjukan filem-filem di beberapa bandar di Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak untuk memperkenalkan pelaksanaan sistem metrik ini.

Laporan-laporan yang diterima oleh Kementerian dan dari pegawai-pegawai luar Jabatan Penerangan Malaysia menunjukkan bahawa kesedaran orang ramai kepada sistem metrik ini adalah sangat menggalakkan, melainkan mereka bimbang tentang peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab akan mengambil peluang untuk menipu pengguna yang tidak begitu faham sistem ini pada masa peralihan.

Oleh yang demikian, Kementerian saya akan mempergiatkan lagi kempen publisiti melalui 'mass media' seperti akhbar-akhbar, radio dan teliviesyen untuk memberi maklumat-maklumat lebih lanjut tentang penggunaan sistem metrik ini. Rancangan-rancangan yang sedang dan akan dijalankan oleh Kementerian saya adalah seperti berikut:

- (a) Taklimat-taklimat dan penjelasan kepada Persatuan-persatuan. Dewan-dewan Perniagaan dan orang awam

tentang pelaksanaan sistem metrik khususnya di bidang perniagaan runcit dan borong.

- (b) Poster-poster kesedaran, jadual-jadual dan kad-kad pertukaran metrik seperti pertukaran dari harga kilogram ke harga kati, harga meter ke harga ela dan juga perbandingan berat dari kilogram ke kati, meter ke ela dan sebagainya akan disediakan dan diedarkan kepada semua kedai-kedai dan tempat-tempat perniagaan untuk menolong orang awam membeli belah dalam kiraan metrik.
- (c) Pertunjukan filem-filem trailer yang memperkenalkan unit-unit metrik yang akan biasa digunakan oleh orang-orang awam yang menunjukkan perkembangan penggunaan sistem metrik di beberapa bidang ekonomi negara kita dan yang memberi nasihat kepada para pengguna tentang cara membeli-belah di dalam sistem metrik.
- (d) Satu lagu metrik telahpun disediakan untuk disiarkan melalui Radio dan Televisyen. Tujuan lagu metrik ini adalah untuk memperkenalkan dan membiasakan orang-orang awam dengan unit-unit metrik yang mereka akan selalu menggunakan. Walau bagaimanapun, pertukaran dari sistem sekarang kepada sistem metrik apabila dilaksanakan tetap akan menimbulkan masalah dan kekeliruan yang cuma akan lenyap setelah sistem ini berjalan beberapa masa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 19 hingga 35 adalah diberi di bawah ini.)*

### PROGRAM PERANCANGAN KELUARGA

**19. Dr Choo Kooi Fook** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau ada rancangan untuk membubarkan segala rancangan perancangan keluarga di negara

ini memandangkan bahawa peratusan pertumbuhan penduduk telah turun dari 3% ke 2.7%.

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Matlamat kadar pertumbuhan penduduk pada tahun 1985 ialah 2%. Dengan kadar tersebut jumlah penduduk akan berlipat ganda dalam masa 35 tahun. Program perancang keluarga sekarang telah diintegrasikan dengan aktiviti-aktiviti pembangunan, dengan memberi penekanan lebih kepada kemajuan kesihatan dan kekeluargaan dari hanya menyediakan perkhidmatan kontraseptif. Penyampaian melalui program-program seperti ini didapati lebih berkesan dalam memajukan perkembangan sosio-ekonomi dan juga kesihatan ibu dan anak dan didapati bahawa integrasi pembangunan dan perancangan keluarga adalah satu pendekatan yang menggalakkan. Oleh yang demikian, isu membubarkan keseluruhan program perancang keluarga di negara ini seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak timbul.

### INTEGRASI DI KALANGAN BELIA

**20. Tuan M. Mahalingam** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk mewujudkan integrasi di kalangan belia-belia di Malaysia dengan mengadakan berbagai aktiviti, kemudahan dan bantuan agar membentuk kematangan dan kerohanian yang sihat dan berdisiplin.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato Mokhtar bin Haji Hashim):** Adalah menjadi dasar dan tujuan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk mewujudkan integrasi di kalangan belia-belia di Malaysia. Antara langkah-langkah yang diambil ke arah mencapai matlamat ini ialah dengan menggalakkan pertubuhan persatuan-persatuan belia yang mana anggota-anggotanya terdiri daripada semua kaum.

Di mana keadaan-keadaan tidak mengizinkan ada juga pertubuhan-pertubuhan di mana sebahagian besar

daripada ahli-ahlinya adalah terdiri daripada satu kaum. Tetapi ini adalah juga satu cara permulaan. Rancangan-rancangan adalah diatitkan untuk persatuan-persatuan belia seperti ini supaya berhubung rapat, bekerjasama dan bertukar aktiviti di antara satu dengan lain untuk mencapai matlamat perpaduan melalui seminar, Kursus kepimpinan, lawatan sambil belajar, khemah kerja dan lain.

Pertubuhan-pertubuhan belia adalah juga digalakkan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi seperti pertanian dan perniagaan kecil supaya ahli-ahli mereka yang terdiri dari berbilang kaum dapat bekerjasama dengan lebih rapat.

Kementerian telah membentuk sebuah badan penyelarasan tertitggi belia iaitu Majlis Belia Malaysia dengan tujuan untuk menyatupadukan semua Pertubuhan belia dan ahlinya.

#### KEMALANGAN JET TEBUAN

**21. Tuan Abdullah bin Salleh** minta Menteri Pertahanan menyatakan mengenai kemalangan Jet Tebuan yang membunuh pelatih juruterbang Lt. Muda (U) Mohd. Razif bin Abdullah di Laut China Selatan baru-baru ini, sama ada ia merupakan kemalangan "biasa" atau kemalangan yang disebabkan oleh Jet Tebuan yang digunakan oleh tentera udara itu sebenarnya sudah lama dan tidak boleh digunakan lagi.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato Abu Hassan bin Haji Omar):** Saya telahpun menjawab soalan yang sama ketika saya menjawab pertanyaan dari Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Dr Choo Kooi Fook dan Senator Hajjah Fatimah binti Haji Salim pada 13hb dan 17hb April di Dewan Yang Mulia ini. Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan-jawapan saya itu.

#### KEWARGANEGARAAN—UJIAN BAHASA MALAYSIA

**22. Dato G. Pasamanickam** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memberitahu sama ada beliau bercadang untuk melonggarkan lagi syarat wajib lulus dalam Bahasa Malaysia untuk calon-calon yang menghadiri temuduga

kerana memandangkan setengah pemohon-pemohon yang memohon kewarganegaraan terdiri daripada mereka yang buta huruf dan bekerja sebagai buruh dan sebagainya dan mereka ini tidak dapat menjawab dengan fasih dalam Bahasa Malaysia.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Kerajaan tidak bercadang untuk melonggarkan syarat-syarat wajib lulus dalam ujian Bahasa Malaysia, kerana ujian tersebut adalah merupakan salah satu daripada syarat-syarat yang termaktub dalam Perlembagaan dan yang mesti dipenuhi sebelum melayakkan seseorang mendapatkan kewarganegaraan.

#### KEMALANGAN AKIBAT LORI BALAK

**23. Dato Hajjah Fatimah binti Haji Salim** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa lori-lori balak biasa mendapat kemalangan di mana kayu-kayu balak tersebut jatuh dari muatan lori tersebut dan jika sedar sama ada beliau akan mengarahkan atau membuat Undang-undang supaya lori-lori balak hendaklah menggunakan wayar besi (wire rope) dan tidak rantai besi sahaja seperti yang ada sekarang.

**Dr Goh Cheng Teik:** Mengikut rekod kemalangan jalanraya tidak ada terdapat kemalangan jalanraya yang melibatkan lori-lori balak disebabkan oleh kayu-kayu balak terjatuh. Dalam tahun 1980 terdapat 150 kemalangan jalanraya di mana lori-lori balak turut terlibat dan faktor-faktor yang menyebabkan kemalangan ini berlaku ialah lari melebihi had laju, memotong cara merbahaya, kesalahan meletakkan lori-lori dan sebagainya.

Berhubung dengan syor Yang Berhormat untuk menggunakan wayar besi bagi kegunaan mengikat kayu balak, dari segi keselamatan dan teknikal rantai besi (steel chain) adalah lebih sesuai dan lebih tahan. Adalah didapati bahawa lembaran (strands) wayar besi seperti yang dicadangkan mudah tersentak dan pecah selepas sedikit masa sahaja dan juga mudah terputus lebih cepat

daripada rantai besi. Kemungkinan ada terdapat kejadian kayu balak terjatuh daripada lori-lori, perkara ini mungkin terjadi kerana kayu tersebut telah diikat dengan rantai besi yang lebih kecil daripada saiz yang lebih selamat iaitu  $\frac{1}{2}$  diameter.

### MENJIMATKAN PENGGUNAAN TENAGA

**24. Tuan Alexandar Lee** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan memandangkan usaha-usaha Kerajaan untuk menjimat tenaga apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menjimatkan penggunaan tenaga oleh sektor awam dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk mendidik dan menggalakkan cara-cara menjimatkan tenaga bagi sektor swasta termasuk perindustrian, perdagangan dan pengguna-pengguna 'residential'.

**Dato Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman:** Sebagaimana Yang Berhormat telah maklum, Kerajaan telah melancarkan kempen penjimatan tenaga pada 2-12-80. Ini merupakan langkah pertama bagi Kerajaan untuk menggalakkan orang ramai supaya tidak membazirkan penggunaan tenaga. Kempen ini telah dijayakan melalui televisyen, pendidikan di sekolah-sekolah dan buku-buku penerbitan. Ini telah ditujukan bukan sahaja kepada murid-murid sekolah tetapi juga kesemua orang ramai. Untuk mencapai matlamat yang lebih berkesan, Kementerian saya sedang merumuskan langkah-langkah yang lebih konkrit untuk dilancarkan sebagai fasa kedua dalam kempen penjimatan tenaga.

Sementara itu, Kerajaan telah meminta kerjasama dari pihak swasta, seperti mengurangkan lampu-lampu iklan, menggunakan penghawa dingin dengan berpatutan, menutup lampu selepas waktu pejabat dan menahan diri daripada melakukan aktiviti-aktiviti yang membazirkan tenaga elektrik dan bahan tenaga yang lain.

### PUSAT PEMULIHAN DADAH

**25. Tuan Ismail bin Hashim** minta Menteri Kebajikan Am menyatakan bilangan pusat-pusat pemulihan dadah yang ada di negara ini.

**Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani):** Kementerian Kebajikan Am telah mengadakan empat buah pusat pemulihan dadah yang boleh memuatkan pada sesuatu masa 590 orang penghuni seperti berikut:

- (a) Pusat Pemulihan Dadah, Kuala Kubu Bharu, Selangor dengan muatan maksima 260 orang penghuni;
- (b) Pusat Pemulihan Dadah, Besut, Trengganu dengan muatan maksima 130 orang penghuni;
- (c) Pusat Pemulihan Dadah, Bukit Mertajam dengan muatan maksima 100 orang penghuni;
- (d) Pusat Pemulihan Dadah, Tampoi, Johor dengan muatan maksima 100 orang penghuni.

Di samping itu Jabatan Penjara menguruskan sebuah Pusat Pemulihan Dadah di Kuching, Sarawak yang boleh memuatkan seramai 500 orang penghuni pada sesuatu masa. Sebuah pertubuhan sukarela iaitu Yayasan Pusat Pertolongan adalah juga menguruskan sebuah pusat pemulihan untuk 200 orang penghuni di Batu Gajah, Perak.

### PROJEK MAKANAN TAMBAHAN KE SEKOLAH-SEKOLAH

**26. Datuk Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad** minta Menteri Pelajaran menyatakan bantuan yang diperuntukkan kepada tiap-tiap negeri di Semenanjung Malaysia untuk Projek Makanan Tambahan ke sekolah-sekolah dalam tahun 1980 dan bilangan sekolah dan jumlah murid-murid yang menerima bantuan dan nyatakan juga rancangan bantuan untuk tahun 1981 ini.

**Dato Mohamad Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Peruntukan yang diberi bagi Rancangan Makanan Tambahan di Sekolah

bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut:

TAHUN: 1980.

<i>Negeri</i>	<i>Bil. Sekolah</i>	<i>Bil. Murid</i>	<i>Peruntukan</i> \$
1. Johor .. .. .	742	77,900	2,337,000
2. Kedah .. .. .	458	56,800	1,704,000
3. Kelantan .. .. .	322	53,000	1,590,000
4. Melaka .. .. .	217	25,900	777,000
5. Negeri Sembilan .. .. .	300	33,200	996,000
6. Pahang .. .. .	399	52,400	1,572,000
7. Perak .. .. .	763	106,300	3,189,000
8. Perlis .. .. .	55	7,400	222,000
9. Pulau Pinang .. .. .	234	27,100	813,000
10. Selangor .. .. .	441	50,700	1,521,000
11. Trengganu .. .. .	255	35,500	1,065,000
12. Wilayah Persekutuan .. .. .	142	90,500	585,000
<b>JUMLAH ..</b>	<b>4,328</b>	<b>545,700</b>	<b>16,371,000</b>

\* Peruntukan bagi 1980 ialah pada kadar 20 sen seorang murid sehari selama 150 hari.

TAHUN: 1981

<i>Negeri</i>	<i>Bil. Sekolah</i>	<i>Bil. Murid</i>	<i>Peruntukan</i> \$
1. Johor .. .. .	761	70,100	2,628,750
2. Kedah .. .. .	465	53,100	1,991,250
3. Kelantan .. .. .	323	50,600	1,897,500
4. Melaka .. .. .	218	24,200	907,500
5. Negeri Sembilan .. .. .	303	30,200	1,132,500
6. Pahang .. .. .	395	48,000	1,800,000
7. Perak .. .. .	763	97,200	3,645,000
8. Perlis .. .. .	56	6,700	251,250
9. Selangor .. .. .	439	45,600	1,710,000
10. Trengganu .. .. .	253	34,500	1,293,750
11. Wilayah Persekutuan .. .. .	142	17,600	660,000
<b>JUMLAH ..</b>	<b>4,352</b>	<b>502,200</b>	<b>18,832,500</b>

\* Peruntukkan bagi 1981 ialah pada kadar 25 sen seorang murid sehari selama 150 hari.

**BANDAR-BANDAR BARU**

**27. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilangan bandar-bandar baru yang akan didirikan serta kemudahan-kemudahan yang akan diadakan di bandar-bandar baru tersebut di bawah Dasar Ekonomi Baru.

**Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perancangan dan pelaksanaan Bandar-bandar Baru adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri serta Kementerian Tanah dan Kemajuan Wilayah. Walau bagaimanapun, perancangan dan pelaksanaan bandar-bandar baru memang sepatutnya mencerminkan matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru. Jabatan Perancang Bandar dan Desa di bawah Kementerian saya sentiasa membantu Kerajaan Kemajuan Negeri merancang menubuhkan bandar-bandar baru di kawasan-kawasan berpotensi. Bandar-bandar Baru yang telah dan akan dirancangan termasuklah seperti berikut:

1. Negeri Pahang .. .. .	15
2. DARA .. .. .	32

3. Melaka .. .. .	1
4. Negeri Sembilan .. .. .	3
5. Selangor .. .. .	3
6. Pulau Pinang .. .. .	2
7. Kelantan .. .. .	2
8. KESEDAR .. .. .	8
9. Perlis .. .. .	1
10. Kedah .. .. .	2
11. Perak .. .. .	2
12. Trengganu .. .. .	1
13. KETENGAH .. .. .	7

**GURU-GURU DALAM MAKTAB LATIHAN**

**28. Tuan Tan Chang Soong** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan maktab-maktab latihan guru dalam negara dan bilangan pelatih-pelatih mengikut bangsa bagi tempoh 1975-1981 dan angka pengeluaran guru-guru terlatih untuk tempoh yang sama.

**Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Bilangan Maktab-maktab Latihan Guru 1975-1981:

*Tahun*

	1975	1976	1977	1978	1979	1980	1981
Bilangan Maktab .. .. .	20	24	25	25	25	25	26

Bilangan pelatih-pelatih mengikut bangsa bagi Maktab-maktab Perguruan Malaysia 1975-1981:

*Tahun*

<i>Bangsa</i>	1975	1976	1977	1978	1979	1980	1981
Bumiputera .. .. .	5,648	7,457	9,863	10,629	10,648	9,955	*
Bukan Bumiputera .. .. .	1,887	2,778	3,763	3,439	2,616	3,182	
<b>JUMLAH ..</b>	<b>7,535</b>	<b>10,235</b>	<b>13,626</b>	<b>14,068</b>	<b>13,264</b>	<b>13,137</b>	

\* Bilangan pelatih mengikut bangsa untuk tahun 1981 tidak dapat diberikan sebab penempatan untuk tahun pertama 1981 masih di dalam peringkat penyelenggaraan.

Bilangan angka pengeluaran guru-guru terlatih dari tahun 1975-1981:

Negeri	Tahun						
	1975	1976	1977	1978	1979	1980	1981
Semenanjung Malaysia ..	2,238	3,006	2,906	5,313	5,854	5,610	4,672
Sabah .. .. .	250	250	367	337	398	454	431
Sarawak .. .. .	382	422	586	774	701	773	670
<b>JUMLAH ..</b>	<b>2,870</b>	<b>3,678</b>	<b>3,887</b>	<b>6,464</b>	<b>6,948</b>	<b>6,837</b>	<b>5,773</b>

### KEDAI TODI KERAJAAN

29. Tuan K. Kumaran minta Menteri Kewangan menyatakan:

- jumlah kedai tuak (todi) Kerajaan di negara ini;
- langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menubuhkan lebih banyak lagi kedai tuak; dan
- sama ada Kerajaan akan membenarkan dibawa balik untuk diminum di mana-mana sahaja.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Jumlah kedai todi Kerajaan di negara ini pada 1hb April, 1981 ialah sebanyak 68 buah. Bilangan mengikut negeri pula adalah seperti di bawah:

Johor .. .. .	5 buah kedai
Kedah/Perlis .. ..	Tiada
Perak .. .. .	32 buah kedai
Melaka .. .. .	1 buah kedai
Selangor .. .. .	Tiada
Wilayah Persekutuan	5 buah kedai
Pulau Pinang .. ..	18 buah kedai
Negeri Sembilan ..	7 buah kedai

Pengeluaran lesen kedai todi adalah di bawah kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan dan bukannya di bawah kuasa Kerajaan Pusat. Dengan itu Kerajaan pusat tidak boleh mengambil apa-apa langkah bagi menubuhkan lebih banyak lagi kedai todi. Kerajaan Pusat hanya mengawal harga todi dan juga memastikan bahawa kedai-kedai todi mengikut peraturan.

Di bawah Peraturan-peraturan Eksais (Kawalan Todi dan Kedai Todi) 1977 todi hanya dibenarkan dijual atau diminum di kedai todi sendiri. Adalah menjadi kesalahan bagi seseorang untuk membeli todi dan membawanya ketempat lain. Tujuan peraturan-peraturan ini ialah untuk membolehkan Kerajaan mengawal aktiviti, membuat dan menjual todi. Dengan itu Kerajaan tidak dapat membenarkan todi yang telah dibeli untuk dibawa balik dan diminum di mana-mana sahaja.

### KEMALANGAN DI LANDASAN KERETAPI

30. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Pengangkutan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh beliau bagi mengelakkan kemalangan tergilis oleh keretapi memandangkan ramainya penduduk yang tinggal berhampiran dengan landasan keretapi dan apakah jenis bantuan yang telah diberikan kepada mangsa-mangsa kemalangan ini.

**Dr Goh Cheng Teik:** Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kemalangan-kemalangan yang berlaku di landasan-landasan keretapi adalah berpunca dari kecuai dan kelalaian orang awam sendiri. Pihak Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu sentiasa berusaha untuk menyedarkan orang awam khususnya yang tinggal berhampiran di landasan-landasan keretapi mengenai bahaya berjalan atau melintasi landasan keretapi. Amaran-amaran ini sering diumumkan menerusi siaran televisyen dan juga suratkhbar. Dialog-dialog dengan ketua-ketua kampung dan penghulu-penghulu telahpun diadakan dari semasa ke semasa dan meminta

kerjasama mereka untuk menasihatkan penduduk-penduduk tersebut supaya mengelakkan perbuatan berjalan atau melintasi landasan-landasan keretapi. Selain dari itu, pemandu-pemandu 'locomotive' juga telah diarahkan membunyikan wisel 'locomotive' serta berhati-hati semasa menghampiri dan melalui kawasan-kawasan di mana terdapat ramai penduduk-penduduk berhampiran dengan landasan-landasan keretapi. Tiada apa-apa bantuan diberi kepada mangsa-mangsa kemalangan tersebut oleh kerana dari segi Undang-Undang Ordinan Keretapi 1948 mereka adalah dianggap sebagai penceroboh.

### PEMAJU PERUMAHAN BUMIPUTERA

**31. Tuan V. V. Aboo** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan jumlah bilangan pemaju-pemaju perumahan bumiputera yang diberi lesen; dan memandangkan bahawa kebanyakan kaum bumiputera adalah kurang dari segi kemudahan-kemudahan kewangan dan kemahiran untuk memasuki lapangan perniagaan, ini nyatakan bentuk bantuan yang diberikan oleh Kementerian kepada mereka.

**Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Jumlah pemaju-pemaju perumahan bumiputera yang telah diberi lesen sejak daripada tahun 1969 hingga Disember, 1980 ialah sebanyak 213 pemaju. Kementerian ini hanya bertanggungjawab untuk melesenkan pemaju-pemaju swasta dan oleh itu Kementerian ini tidak dapat memberi kemudahan-kemudahan atau pun bantuan-bantuan kewangan dan sebagainya. Walau bagaimanapun dari segi perlesenan, Kementerian memang menggalakkan pemaju-pemaju bumiputera untuk menciburkan diri di dalam lapangan ini dan bantuan yang diberikan ialah berbentuk khidmat nasihat. Tetapi lebih penting ialah Kementerian ini ada memberi kelonggaran-kelonggaran syarat daripada keperluan untuk mendapatkan lesen kepada pemaju-pemaju bumiputera yang dikira mempunyai keupayaan untuk menjalankan projek-projek perumahan. Perlu diingatkan di sini bahawa kelonggaran syarat perlesenan tidaklah semata-mata di atas asas bahawa satu-satu

syarikat itu adalah syarikat bumiputera. Kementerian apabila menimbangkan kelonggaran syarat ini perlu juga memastikan bahawa ini tidak akan menggugat kepentingan pembeli-pembeli rumah daripada projek tersebut.

### TANAH TERBIAR

**32. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Pertanian menyatakan sebab-sebab mengapa banyak tanah di seluruh negara yang terbiar dan nyatakan luas tanah yang terbiar ini dan di negeri mana.

**Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman):** Berdasarkan kajian Kementerian Pertanian sebab-sebab utama tanah-tanah (terutamanya tanah sawah) ditinggalkan terbiar ialah, antara lain;

- (a) kekurangan bekalan air dan infrastruktur pengairan yang kurang lengkap;
- (b) kekurangan tenaga kerja terutama dari golongan muda kerana mereka mendapat pekerjaan yang lebih menarik di sektor-sektor lain;
- (c) keluasan tanah yang tidak ekonomik bagi menghasilkan pendapatan yang lumayan;
- (d) kurang pengetahuan dan teknologi di kalangan petani-petani untuk mengusahakan tanah mereka secara yang menguntungkan;
- (e) persaingan yang kuat dari sektor ekonomi bukan pertanian seperti perindustrian dan perniagaan; dan
- (f) kemudahan pemasaran bagi hasil-hasil pertanian yang belum lengkap.

Di seluruh negara ditaksirkan sebanyak 2.2 juta ekar tanah terbiar yang mana 379,000 ekar adalah tanah sawah. Keluasan tanah terbiar yang terbesar didapati di negeri Pahang (356,970), Trengganu (356,970), Johor (344,484), Perak (233,751), Negeri Sembilan (137,927), Kedah (113,260) dan diikuti oleh negeri-negeri yang lain.

### BIASISWA KERAJAAN BAGI PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA

33. Dr Choo Kooi Fook minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) jumlah bilangan dan pecahan mengikut kaum, pelajar Malaysia yang mendapat biasiswa Kerajaan di Institusi Pelajaran Tinggi di seberang laut untuk tahun 1980 di peringkat Pra Universiti, Diploma, Universiti dan di peringkat lepasan siswazah; dan

<i>Peringkat</i>	<i>Bumiputera</i>	<i>Bukan Bumiputera</i>	<i>Jumlah</i>
Pra Universiti .. .. .	1,158	7	1,165
Diploma .. .. .	22	3	25
Ijazah pertama .. .. .	1,614	49	1,663
Lepasan ijazah .. .. .	116	16	132
	<u>2,910</u>	<u>75</u>	<u>2,985</u>

- (b) Jumlah perbelanjaan untuk membiayai penuntut-penuntut ini ialah \$67,214,622.24.

### OPERASI ISI PENUH

34. Tuan Haji Ariffin Salleh minta Perdana Menteri menyatakan berapa peratuskah jawatan-jawatan dalam semua peringkat telah diisi dalam 'GERAKAN ISI PENUH' yang dilancarkan tidak lama dahulu dan berapa ramai yang telah memohon.

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Semenjak Sistem Operasi Isi Penuh dilancarkan pada pertengahan bulan Jun, 1979 sebanyak 46,042 tawaran telah dibuat bagi semua kumpulan (A, B, C, D dan IMG) jawatan awam Persekutuan hingga Januari 1981. Ini bermakna sebilangan besar daripada kekosongan jawatan awam telah dapat diisi, dan tindakan juga sedang diambil ke arah pengisian jawatan-jawatan kosong pada masa ini. Bilangan peratus sukar diberi oleh kerana kedudukan kekosongan adalah sentiasa berubah-ubah daripada satu masa ke suatu masa, akibat

- (b) nyatakan jumlah perbelanjaan untuk penuntut-penuntut ini.

**Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak:**

- (a) Jumlah bilangan Pelajar-pelajar Malaysia yang mendapat Biasiswa Kerajaan melalui Kementerian Pelajaran, Jabatan Perkhidmatan Awam, RISDA, PETRONAS, Lembaga Letrik Negara, MARA di Institusi seberang laut pada tahun 1980 sahaja adalah seperti berikut:

daripada pengujudan jawatan-jawatan baru, persaraan, perletakan jawatan dan sebagainya.

Sebanyak 2.3 juta permohonan telah diterima melalui sistem Operasi Isi Penuh.

### PASARAN SAHAM KUALA LUMPUR (KLSE)

35. **Dato' Haji Mohd. Nor Mohammad** minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa Pasaran Saham Kuala Lumpur dibiarkan menjadi tempat berjudi dan mengadu untung dengan cara menjual beli kosong (short) dan menggunakan "wang hangat" kerana ini tentu menakut dan merugikan penanam modal yang tulin dan syarikat-syarikat yang betul-betul mencari modal untuk perkembangan aktiviti-aktiviti mereka berpandukan kepada Dasar Ekonomi Baru.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Pasaran Saham Kuala Lumpur (KLSE) ialah satu badan pertukaran saham yang bebas,

yang ditubuhkan sebagai satu syarikat berhad mengikut jaminan (a company limited by guarantee) di bawah Akta Syarikat, 1965. Pentadbiran Pasaran Saham ini adalah berasaskan kepada Memorandum dan Tertib Persatuan (Memorandum and Articles of Association) yang dikelolakan oleh satu jawatankuasa yang dilantik daripada ahli-ahlinya. Badan ini juga mempunyai peraturan dan undang-undangnya untuk mengawal aturcara perniagaan sekuriti oleh firma atau syarikat broker saham serta peniaga-peniaga saham yang menjadi ahlinya. Di dalam mengawasi keadaan pasaran ini, KLSE sentiasa membuat berbagai-bagai siasatan ke atas syarikat-syarikat yang disenaraikan dengannya jika saham-saham bagi sesebuah syarikat itu meningkat tinggi atau merosot. Baru-baru ini sebagai suatu tindakan mengurangkan spekulasi syarikat-syarikat broker saham telah mengenakan bayaran 50% hingga 100% harga saham apabila seseorang itu hendak membeli saham melalui KLSE. Penyiasatan yang dibuat oleh Pendaftar Perusahaan Sekuriti menunjukkan bahawa semua kontrak-kontrak sama ada membeli ataupun menjual disempurnakan dengan memuaskan.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perniagaan sekuriti adalah terbuka kepada orang ramai dan mereka yang ingin membeli atau menjual saham-saham bolehlah berbuat demikian melalui broker-broker saham. Sijil-sijil bagi saham yang hendak dijual diserahkan kepada broker-broker dan wang untuk menerima sijil-sijil itu dibayar oleh mereka yang membelinya. Harga bagi sesuatu saham itu ditentukan berasaskan kepada keadaan penawaran dan permintaan terhadap saham tersebut. Apabila ramai orang yang hendak membelinya, maka pasaran bagi saham yang berkenaan itu akan meningkat tinggi. Ini tidak bermakna bahawa jual beli yang disempurnakan adalah dengan cara kosong (short) atau menggunakan 'wang hangat'. Dalam pada itu, dalam urusan niaga penjualan dan pembelian saham adalah tidak mungkin untuk membezakan di antara "speculator" dengan pelabur modal tulen dan Kerajaan atau KLSE tidak boleh menyekat sesiapa pun daripada membuat spekulasi dalam pasaran

saham. Pada umumnya, spekulasi berlaku dari semasa ke semasa dalam pasaran-pasaran saham di seluruh dunia bukan sahaja di Malaysia dan walaupun tidak digalakkan ialah satu daya penggerak kepada perniagaan saham-saham.

Akhir sekali, saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kajian semula kepada Akta Perusahaan Sekuriti sedang dijalankan dan hasil kajian ini akan dibentangkan kepada Parlimen tidak berapa lama lagi.

## USUL

### RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT 1981-85

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini, mengambil perhatian atas kemajuan dan kejayaan yang telah dicapai dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dalam tempoh 10 tahun yang lalu:

bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan seterusnya untuk mencapai tujuan utama perpaduan negara melalui pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat Malaysia serta mempekukuhkan lagi ketahanan negara;

meluluskan Rancangan Malaysia Keempat yang telah dirangka dengan teliti untuk memenuhi cita-cita dan hasrat negara berasaskan kepada matlamat Dasar Ekonomi Baru melalui pelaksanaan usaha-usaha dan program-program pembangunan seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah No. 10/81; dan

seterusnya menyeru semua rakyat Malaysia dari semua lapisan supaya terus meningkatkan usaha dan sumbangan mereka untuk membentuk satu Negara yang bersatupadu, saksama, maju, kukuh dan aman damai selaras dengan objektif Rukunegara. (17hb April, 1981).

*Perbahasan disambung semula*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini ialah hari terakhir bagi Ahli-ahli sekalian membahaskan usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan. Memandangkan ramai Ahli-ahli yang ingin hendak bercakap, maka sekarang saya minta Ahli-ahli meringkaskan ucapan, walau bagaimanapun tidak lebih daripada 20 minit. Yang Berhormat Puan Rahmah Othman.

3.38 ptg.

**Puan Rahmah binti Othman** Tuan yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan atas namanya sendiri, iaitu membentangkan Rancangan Malaysia Keempat pada 17hb April yang baru lalu ini.

Saya ingin menyampaikan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato Hussein Onn yang telah berani sekali membentangkan satu rancangan yang amat besar jika dibandingkan dengan rancangan-rancangan Pertama, Kedua dan Ketiga dan dari segi perbelanjaan yang lebih dari \$42 ribu juta.

Tuan Yang di-Pertua, tidak siapa dapat menafikan bahawa negara Malaysia ini yang telah mencapai kemerdekaannya lebih daripada 24 tahun telah mencapai kemajuan yang besar dalam dekad yang lampau dan dapat pula mencapai kejayaan yang lebih besar lagi dalam dekad lapan puluhan ini.

Keyakinan ini jelas, Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang dibayangkan oleh Yang amat Berhormat Dato' Perdana Menteri kita dalam kata-kata aluan dalam dokumen Rancangan Malaysia Keempat ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan kita membincangkan Rancangan Malaysia Keempat ini kita tidak boleh melupakan matlamat Dasar Ekonomi Baru iaitu untuk menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Dengan yang demikian masyarakat akan mengukur kejayaan Rancangan Malaysia Keempat ini, bukan

dengan meneliti dari angka yang begitu besar, perbelanjaan yang begitu banyak atau melihat banyak industri-industri baru, tetapi yang menjadi pengukur ialah apakah Rancangan Malaysia Keempat ini akan dapat memberikan kesan ke arah mewujudkan sebuah negara yang makmur dan rakyat yang bersatu padu dan dengan itu dapat menghapuskan kemiskinan dan rakyat dapat disusun semula dengan baik.

Seperti yang kita semua maklur Rancangan Malaysia Keempat adalah bertujuan untuk mempercepatkan proses mencapai perpaduan negara. Itulah tema yang terjalin di seluruh dokumen rancangan ini. Maka kita mempunyai tanggungjawab yang berat. Setiap individu di negara ini telah diamanahkan seperti di dalam perenggan 64 ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan iaitu masa 10 tahun ke atas ini merupakan satu ujian yang mencabar keikhlasan kita terhadap matlamat menegakkan satu masyarakat yang adil dan makmur. Sama ada rancangan ini dapat memberikan sumbangan yang berkesan kepada rakyat, mengubah sikap rakyat supaya menjadi satu masyarakat yang bertanggungjawab dan dapat menilai diri terletaklah kepada kejujuran dan keikhlasan kita sebagai pentadbir, pelaksana dan penerimanya. Dengan itu jika kita lihat perenggan 329 dalam Rancangan Malaysia Keempat ini yang berbunyi:

“Dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu, perubahan-perubahan struktur dan pertumbuhan ekonomi yang pesat telah membolehkan rakyat Malaysia menikmati taraf hidup yang lebih tinggi. Walaupun matlamat meninggikan pendapatan, pengeluaran dan gunatenaga adalah penting, pencapaian perpaduan negara, merupakan matlamat utama pembangunan.”

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan rancangan raksaksa ini bergantung kepada ketabahan, dedikasi dan disiplin kedua-dua sektor iaitu sektor awam dan sektor swasta. Sektor persendirian memang sudah diketahui dengan kebolehan dan sentiasa bersedia untuk memainkan peranannya melaburkan wang yang begitu banyak yang telah

disebutkan dalam Rancangan ini iaitu 72.2% dari jumlah pelaburan yang ditentukan. Masalah sektor awam, harus bersedia memberi kerjasama yang sewajarnya dengan sektor persendirian ini untuk mencapai matlamat rancangan-rancangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berniat untuk hendak mengkritik satu-satu pihak itu atau hanya untuk tujuan hendak mengkritik tetapi pada pendapat saya ada lebih baiknya kalau kita semua sedar tentang mustahaknya dan pentingnya kejayaan Rancangan Malaysia Keempat ini dan dengan itu mengkaji semula peranan sektor awam menjalankan tugas mereka. Kita harus mengkaji dengan seriusnya tentang kapasiti dan kebolehan tiap-tiap jabatan Kerajaan, bermula dari peringkat bawah hinggalah ke peringkat atas. Kita patut sedar sekarang betapa banyaknya perprojek-projek dalam Rancangan Malaysia Ketiga gagal dan tergendala di masa lalu, bukan kerana ketiadaan wang, tetapi kerana kelemahan jentera pentadbir dan perancang di sektor-sektor yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali cuba kita lihat masalah kekurangan kakitangan dalam Jabatan-jabatan Kerajaan. Kekurangan itu menyebabkan banyaknya projek-projek tergendala seperti kekurangan kelengkapan dan kerja-kerja infrastruktur yang lain. Kita semua tahu bahawa baru-baru ini Kerajaan telah cuba mengatasi dengan mengadakan "Operasi Isi Penuh" dan ini saya lihat masih lagi diteruskan. Pada pendapat saya kelemahan-kelemahan ini sekarang dalam usaha untuk menjaya Rancangan Malaysia Keempat perlu di atasi dengan segera, tetapi awas kita juga patut sedar bahawa bukan sahaja tempat-tempat yang kosong harus dipenuhi, malah orang yang kita ambil untuk mengisi tempat itu haruslah yang betul-betul berkebolehan dan mempunyai disiplin dan bertanggungjawab.

Kelayakan tidak bermakna berkebolehan kerana kebolehan hanya timbul dari kerja bertahun-tahun lamanya di mana seseorang itu berpeluang untuk menggunakan secara rialistik pengetahuan akademiknya. Di samping itu pegawai-pegawai patutlah diberi peluang melanjutkan pengetahuan mereka dalam berbagai bidang lain supaya dengan

cara ini dapat menolong Kerajaan menjalankan kerja-kerja dan projek-projeknya yang tersusun.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah pada suatu ketika dahulu menjadi seorang Pegawai Kerajaan dan sehingga ke hari ini saya ada hubungan dengan pejabat-pejabat Kerajaan. Saya pernah melihat keadaan di mana kakitangan bawahan tidak mahu dan puas hati menerima arahan dan teguran pegawai-pegawai tinggi dalam hal-hal kerja. Keadaan ini menimbulkan masalah disiplin dan menyebabkan tergendalanya segala kerja-kerja di pejabat itu. Oleh itu, saya ingin mengesyorkan kepada Kerajaan dan kepada ketua-ketua pentadbir supaya mengadakan satu cara latihan untuk kakitangannya, terutama sekali apakala memegang sesuatu jawatan itu biarlah orang-orang yang kita ambil itu betul-betul mempunyai disiplin dan tatatertib dalam menjalankan tugas-tugasnya sehari-hari. Kerana pegawai-pegawai Kerajaan itu adalah menjadi cermin kepada masyarakat dan kepada merekaah nanti tempat masyarakat untuk mengadu dan bertanyakan sesuatu. Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai tinggi Kerajaan hari ini dinaikkan pangkat biarlah benar-benar kena pada tempatnya.

Baharu-baharu ini kenaikan pangkat pegawai-pegawai tinggi Kerajaan telah menyuarakan berbagai kegelisahan di kalangan pegawai-pegawai tinggi yang sama mahupun Tingkatan-tertinggi A, B dan seterusnya. Jika timbul keadaan demikian, agak susah bagi kita untuk melaksanakan, kerana sudah ada menyimpan perasaan tidak puasa hati, perasaan frust untuk menjalankan satu-satu tugas itu, kerana maklumlah sudah berkhidmat dengan Kerajaan berpuluh-puluh tahun tetapi apakala sampai kenaikan pangkat, mereka ini ditinggalkan.

Kita harus juga ingat bahawa pegawai dan kakitangan Kerajaan itu adalah tempat masyarakat mengadu maka ia patut menjadi contoh dan tauladan kepada masyarakat. Oleh itu, saya suka mengesyorkan supaya dalam usaha hendak melaksanakan Rancangan Malaysia Keempat ini kerjasama di antara kakitangan kedua-dua sektor tadi dengan masyarakat berjalan dengan baik dan pegawai-pegawai Kerajaan biarlah serius

dengan tugas masing-masing. Biarlah mereka itu betul-betul dapat melaksanakan Rancangan Malaysia Keempat ini supaya kita sampai kepada matlamat yang kita tuju. Kita tidak mahu mendengar lagi alasan-alasan dan keloh kesah yang disebutkan di dalam Dewan ini oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengatakan pegawai-pegawai Kerajaan kita cuai. Saya berharap dengan adanya pelancaran Rancangan Malaysia Keempat ini kita sama-sama bertanggungjawab untuk melaksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua, kita berbangga bahawa usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan dalam mempelbagaikan ekonomi pertanian negara telah berjaya meningkatkan taraf hidup sebahagian besar golongan yang bergantung kepada usaha-usaha pertanian. Akan tetapi perkembangan yang pesat ke arah mempelbagaikan ekonomi pertanian ini tanpa pengawalan dan pengusahaan yang rapi pada jangka masa yang panjang dari segi penggunaan tanpa mengambil kira kedudukan dan kestabilan ekonomi dunia akan melibatkan ketidak seimbangan hasil dan pendapatan negara.

Kita semua sedar bahawa kemiskinan berada pada mereka yang tinggal di luar bandar setengah daripada mereka sekarang adalah golongan orang-orang yang telah tua. Kerajaan adalah diharapkan dalam Rancangan Malaysia Keempat ini dapat mencari satu jalan supaya petani-petani, pekebun-pekebun kecil dan nelayan-nelayan mempunyai cukup tenaga pekerja, bantuan teknikal, latihan-latihan yang sesuai supaya dapat menjamin dan menambah pendapatan mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang terhormat ada 5 minit lagi.

**Puan Rahmah binti Othman:** Terima kasih. Saya patut memberi tahniah kepada Kerajaan kita yang telah menubuhkan satu Kementerian iaitu Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Tahun 1970 kita telah menyuarakan betapa mustahaknya sains dalam kehidupan sehari-hari dan tahun 1970 kita tumpukan perhatian kita untuk mengatasi masalah kemiskinan dan membetulkan usaha-usaha dan kelemahan kita dalam bidang ekonomi. Oleh yang

demikian, saya ingin mengambil perhatian Dewan yang mulia ini dan kepada Kerajaan di bawah Kementerian ini ada satu jabatan atau badan yang dinamakan SIRIM. SIRIM ini ditubuhkan dengan tujuan menjalankan penyelidikan dalam bidang teknologi perindustrian. Apakah tugas SIRIM dengan usaha-usaha untuk hendak mengatasi kemiskinan kaum bumiputra khususnya yang di luar-luar bandar.

Pada hari ini kita lihat SIRIM membuat kajian-kajian untuk industri-industri yang besar atau jentera-jentera untuk industri-industri yang besar. Tidaklah boleh hari ini SIRIM membuat satu kajian misal kata keropok. Keropok sungguhpun sudah berzaman diusahakan oleh masyarakat Melayu di Pantai Timur, tidaklah SIRIM boleh memikirkan suatu usaha mencari satu jalan supaya menggunakan satu jentera supaya produksinya banyak dan senang dan ini akan dapat meningkatkan pendapatan mereka di dalam bidang ini. Cuba kita lihat tembaga misal kata. Pewter telah sampai ke dunia luar. Pewter telah dapat kita lihat di Germany. Di Amerika dan di mana-mana tetapi di mana letaknya tembaga, bezanya kerana Pewter telah menggunakan sains, tetapi tembaga ini masih lagi menggunakan manual labour—kerja tangan manusia biasa. Jadi, pada pendapat saya. Tuan Yang di-Pertua, jika kita mahu betul-betul mengubah sikap masyarakat, meningkatkan ekonomi mereka terutama orang-orang Melayu di luar-luar bandar, ada baiknya kira pergunakan SIRIM dan mempergunakan saintis-saintis kita yang begini banyak di dalam bandar Kuala Lumpur ini. Kita ada Malaysian Science Association yang telah pun menubuhkan confederationnya dan sekarang mereka sedang berusaha untuk menubuhkan satu yayasan sains, saya rasa ada lebih baik kalau Kerajaan kita menggunakan tenaga kepakaran ini untuk kepentingan dan meningkatkan pendapatan masyarakat kita di luar bandar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat masa sudah cukup.

**Puan Rahmah binti Othman:** Satu perkara sahaja lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir penting iaitu dalam Kementerian ini juga terletaknya Zoo Negara. Zoo Negara ini pada saya adalah national asset, tetapi

malangnya Zoo kita ini dijalankan oleh sebuah badan sukarela. Kerajaan hanya dapat memberikan bantuan yang minima sahaja.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, dalam kita membincangkan Rancangan Malaysia Keempat ini, ada baiknya kalau kita dapat menubuhkan satu lagi Zoo yang mana dalam Zoo ini seperti kita dapat lihat di Australia Zoonya ada binatang yang ada di dalam negeri itu sendiri supaya anak-anak kita yang pergi melihat, orang-orang kita yang pergi melihat itu dapat mengetahui dan ini boleh dengan sendiri meningkatkan kesedaran di kalangan anak-anak muda kita bahawa kekayaan negara ini boleh dapat melihatkan kepada mata kepala mereka sendiri. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Dato' Hajjah Fatimah binti Haji Salim.

4.00 ptg.

**Dato' Hajjah Fatimah binti Haji Salim:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membahar beberapa perkara dari ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini pada hari Jumaat yang lalu.

Saya menyokong pendapat Kerajaan yang mana Kerajaan memang sedar bahawa proses pencapaian matlamat Rancangan Malaysia Keempat penuh dengan ranjau di sepanjang jalan dan Kerajaan sedar di dalam mencapai cita-cita ini kita tidak sunyi dari desakan dari berbagai pihak, ada yang ikhlas dan ada yang tidak.

Saya berharap Kerajaan bukan sahaja terus memerhatikan kehendak-kehendak rakyat seterusnya Kerajaan mesti menentang tuntutan-tuntutan yang melampau dan tidak menasabah, bahkan saya berharap Kerajaan bersedia dari sekarang menentang mereka yang berniat sumbang dan mementingkan kepentingan diri atau hendak menggagalkan Rancangan Malaysia Keempat ini.

Tuan Yang di-Pertua, pekerjaan curang, tidak jujur dan tidak ikhlas yang diumpamakan seperti ranjau di sepanjang jalan itu kita dapat buktikan yang nyata dalam menjalankan Rancangan Malaysia

Ketiga yang lalu. Saya dapat pengaduan dari pihak rakyat di majlis-majlis forum, perjumpaan, dialog dan sebagainya. Bukan itu sahaja, kadangkala terdedah di dalam akhbar yang berupa berita atau makalah, kesemuanya ini menjadi bukti adanya golongan curang, tidak jujur atau tidak ikhlas yang bertujuan menggagalkan atau menghalang rancangan program-program yang telah disediakan. Golongan yang tidak ikhlas ini kadangkala dari kakitangan Kerajaan sendiri, orang-orang politik, peniaga-peniaga dan lain-lain. Masing-masing menjalankan peranannya sendiri. Ada yang sengaja melambat-lambatkan projek pembangunan sehingga rakyat naik bosan. Ada yang mengkritik supaya rakyat bangun menentang Kerajaan, ada yang main sorok barang supaya harga barang naik melambung dan supaya projek itu gagal. Pegawai-pegawai penguatkuasa seolah-olah kurang tenaga untuk mencegah atau menghapuskan gejala-gejala buruk seperti apa yang saya sebutkan tadi. Walaupun ada tangkapan demi tangkapan akan tetapi pekerjaan curang itu kenapa masih berlaku satu demi satu. Sungguhpun pihak Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengadakan kempen perkhidmatan cemerlang, etika perkhidmatan dan ikrar sumpah setia yang mana tujuannya sangat baik dan saya menyokong sepenuhnya supaya perkhidmatan awam betul-betul mencapai matlamat khidmat cemerlang itu. Akan tetapi oleh kerana perkara ini suatu perkara yang rumit sepatutnya usaha seperti ini diperhebatkan lagi supaya kakitangan Kerajaan dapat meningkatkan disiplin perkhidmatan mereka untuk bertambah baik dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menambah kelancaran perjalanan Rancangan Malaysia Keempat, saya mencadangkan pihak Kerajaan hendaklah memperketatkan pengawasan dari segala segi misalnya:

- (1) Menyusun barisan penguatkuasa yang lebih lengkap dan teratur serta menjalankan kempen anti-sorok dengan cara yang lebih berkesan.
- (2) Mendisiplinkan kakitangan Kerajaan dengan cara memberi peluang naik pangkat mengikut kebolehan iaitu

kepada sesiapa sahaja yang perkhidmatannya betul-betul cemerlang. Saya kira kenaikan pangkat mengikut cara siapa lama di dalam perkhidmatan itu sudah lapok.

Tuan yang di-Pertua, satu perkara lain yang saya ingin membahaskan di Dewan yang mulia ini ialah tentang adanya tema Rancangan Malaysia Keempat iaitu bertujuan mempercepatkan proses mencapai perpaduan negara, merupakan satu gerakan raksaksa yang menyeluruh ke arah memperkukuhkan perpaduan negara. Saya mengakui sesungguhnya perpaduan negara itu sangatlah penting. Andaikata tiada perpaduan maka tidaklah kestabilan negara, apabila tiada kestabilan negara, keselamatan keamanan, kemakmuran dan keadilan akan hancur lebur. Bahawa perpaduan negara adalah nilai yang paling mahal, dengan adanya perpaduan dari semenjak merdeka sehingga sekarang kita dapat mengatur pembangunan dari segala bidang. Akan tetapi masih terdapat adanya pihak yang tidak jujur, pihak yang curang yang sentiasa menanamkan semangat pecah belah.

Saya ada menerima pengaduan dari rakyat yang mana adanya berlaku tekanan-tekanan sama ada di dalam sektor awam atau sektor swasta. Ada pengurus-pengurus bank, kilang dan sebagainya yang bersikap tidak jujur kepada pegawai-pegawai atau pekerja-pekerja bumiputra dan dengan adanya sikap demikian itu ada di antaranya minta tukar atau minta berhenti kerja. Mereka yang kurang bernasib baik seperti ini lantas putus asa, lalu menuduh Kerajaan, Kerajaan yang diburukkan seolah-olah Kerajaan sengaja membiarkan perkara ini berlaku.

Masih terdapat guru-guru atau pensyarah-pensyarah yang tidak jujur kepada kaum bumiputra, mengajar sambil lewa tetapi memperli dan mengata; Kamu anak emas, kamu bumiputra, kamu rakyat kelas satu, kamu senang dapat biasiswa, kamu senang dapat pekerjaan tak payahlah belajar. Mana yang tidak dapat menahan perasaan, anak-anak itu kecewa, akhirnya mereka menyalahkan Kerajaan, seolah-olah Kerajaan sengaja membiarkan perkara ini berlaku. Perkara tekanan seperti ini berlaku

juga di dalam Jabatan-jabatan Kerajaan, mana-mana yang malang seperti ini lantas menyalahkan Kerajaan dan menghasut yang lain membenci Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, apakah tujuan sebenar mereka melakukan tekanan atau diskriminasi itu, jawabnya tidak lain ialah hendak menimbulkan perasaan tidak puas hati sesuatu pihak yang mana akibatnya membawa kepada pecah belah. Saya berharap pihak Kerajaan hendaklah mengesan dan bertindak mengawal dan menguruskan dengan teliti dan teratur untuk menghapuskan perbuatan yang sedemikian ini baik di dalam sektor awam atau sektor swasta supaya seluruh masyarakat memberikan kerjasama bagi menjaga dan memelihara perpaduan sesuai dengan kehendak tema Rancangan Malaysia Keempat ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin membincangkan di dalam Dewan yang mulia ini ialah menyentuh soal pelajaran sejarah di dalam sekolah, untuk tujuan hendak menggembeling semangat perpaduan di kalangan rakyat berbilang bangsa di negara kita ini sudah sewajarnya bermula di sekolah-sekolah. Walaupun banyak kegiatan di sekolah-sekolah kita sekarang ini yang bertujuan hendak mencapai semangat perpaduan itu telah dijalankan akan tetapi masih kurang memberi kesan. Pada hemat saya pelajaran sejarah tanahair kita yang bercorak baharu yang benar-benar berlaku di tanahair kita sekarang hendaklah diajar di sekolah-sekolah supaya kesan pelajaran sejarah tanahair itu meresap ke dalam jiwa jenerasi muda yang betul-betul memahami kehendak-kehendak negara kita.

Apa yang saya ketahui bukan semua murid-murid di sekolah mempelajari sejarah, murid-murid yang mengambil pelajaran sains dan teknikal tidak langsung mengetahui hal ehwal tanahair Malaysia dan lagi setengah pelajaran sejarah itu tidak menggambarkan dengan jelasnya bagaimana negara kita ini dibentuk atau ditubuhkan oleh kerana ramai di kalangan pelajar-pelajar yang tidak mengambil mata pelajaran sejarah, mereka menganggap apa yang berlaku dan yang

sedang berlaku adalah merupakan tekanan Kerajaan daripada parti-parti politik yang sengaja diada-adakan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada buku teks sejarah yang baru iaitu sejarah yang tulin yang menggambarkan bahawa Semenanjung Malaysia ini dahulu jua juga Sabah dan Sarawak adalah kepunyaan orang-orang Melayu, orang Melayu yang menjadi hak ketuanannya dan apabila perjuangan merebut kemerdekaan dari penjajah Inggeris, baharulah Malaysia mencapai kemerdekaan iaitu dengan jalan persetujuan dari tiga bangsa yang terbesar iaitu Melayu, Cina dan India menerusi parti-parti politik UMNO/MCA/MIC. Ketiga-tiga bangsa ini telah menerima perlembagaan negara yang menjadi pegangan dan panduan cara mana dan bagaimana Malaysia ini ditubuhkan dan diperintahkan. Apabila pelajaran sejarah yang sebenar-benarnya diajarkan kepada murid-murid tanpa kecuali aliran sains dan teknologi dan sebagainya yang bermakna semua bakal jenarasi kita mesti tahu sejarah tanahair yang mana kita harapkan kesan daripada pelajaran ini akan menanamkan perasaan perpaduan. Oleh kerana kebanyakan pelajar-pelajar kita tidak faham dan tidak belajar sejarah tanahair, maka ada di antara mereka yang sentiasa mengkritik Kerajaan dan menimbulkan perasaan perkauman yang tebal yang mana lama kelamaan sukar hendak dibendung. Bukan sahaja buku sejarah baharu patut diadakan dan dipelajari di sekolah-sekolah bahkan saya mencadangkan buku perlembagaan negara kita itu dijadikan sebagai salah satu buku teks untuk dipelajari di sekolah-sekolah. Dengan ini kita mengharap proses mencapai perpaduan negara akan dapat dicapai dengan lebih mudah dan jelas.

Tuan Yang di-Pertua, satu hal lagi yang saya ingin bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini ialah saya menyokong dan bersetuju dengan kata-kata yang dihuraikan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan iaitu katanya: Tidak hairan kalau Malaysia disifatkan orang sebagai negara rahmat dan bertuah dan cabaran yang kita hadapi sekarang ialah bagaimana kita rakyat Malaysia dari segenap lapisan dan setiap

golongan penghidupan dapat berikhtiar lebih gihig lagi untuk mencapai hidup yang lebih mewah, lebih sejahtera dan lebih adil.

Saya juga bersyukur ke hadrat Allah s.w.t dapat menyaksikan kebenaran kata-kata Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan itu, kerana saya telah hidup menempuh beberapa zaman misalnya zaman penjajah, zaman Jepun, zaman Bintang Tiga, zaman perjuangan menuntut kemerdekaan dan zaman pembangunan sekarang ini. Saya menyaksikan bahawa betul sekarang ini zaman negara kita dapat mencapai taraf sebagai negara rahmat dan bertuah. Akan tetapi apakah ertinya kemewahan, kemewahan dari segi kebendaan lalu meninggalkan unsur-unsur kerohanian yang mana gejala seperti ini tidak membawa nilai-nilai Islam. Saya berterima kasih kepada pihak Kerajaan yang telah menyedari bahawa pembangunan kebendaan mesti diselaraskan dengan pembangunan kerohanian.

Saya berharap di dalam Rancangan Malaysia Keempat sudah sewajarnya nilai Islam di dalam pembangunan hendaklah diperhebatkan lagi. Baru-baru ini Kerajaan telah menganjurkan satu Seminar di antara pegawai-pegawai tadbir dengan pegawai-pegawai ugama untuk membuat penyelarasan dan meresapkan nilai Islam ke dalam bentuk pembangunan itu. Sungguhpun dengan adanya nilai Islam mudah-mudahan kemewahan yang akan dicapai oleh setiap golongan rakyat kita akan membawa rahmat dan tuah yang sebenar-benarnya yang kita kehendaki dan kita perjuangkan.

Tuan yang di-Pertua, baru-baru ini Kerajaan telah menubuhkan Perbadanan Perfileman Nasional. Badan ini akan membimbing Syarikat Perfileman memajukan industri perfileman mereka bahkan Kerajaan telah membelanjakan wang untuk memberikan sumbangan bagi meningkatkan kemajuan industri perfileman itu. Malangnya satu peristiwa telah berlaku apabila Malam Merak Kayangan dilangsungkan siarannya di televisyen ke seluruh negara maka timbullah berbagai-bagai kecaman dari mulut ke mulut dan kecaman di akhbar betapa rendahnya moral atau akhlak yang telah berlaku dan dilakukan

oleh seniman-seniman para artis (pelakun-pelakun), telatah para artis itu bercium untuk mengucapkan tahniah. Perbuatan itu melanggar tatasusila orang-orang Melayu dan juga batasan ugama Islam. Mengapa terjadi begitu? Jawabnya tidak lain dan tidak bukan kerana kemajuan yang dikejar oleh mereka mencontohi adat istiadat orang barat dan melanggar batasan Islam.

Saya suka industri perfileman maju dan jaya akan tetapi tidak merosakkan moral Islam, sepatutnya mereka menunjukkan akhlak yang baik menjadi contoh kepada orangramai. Saya berharap para artis menyedari hal ini dan tidak berlaku lagi di masa hadapan.

Saya tidak berhajat hendak menyentuh beberapa contoh bahawa kemewahan itu boleh membawa kecelakaan. Marilah kita mengkaji apa yang akan terjadi kepada masyarakat kita apabila sudah mewah mereka lupa daratan, sebaliknya pula mana yang hidupnya terdesak lalu memakan dadah.

Pada pendapat saya pelajaran dan pembelajaran ugama Islam di sekolah-sekolah rendah dan menengah kebangsaan kurang berjaya. Pelajaran agama dianggap tidak penting hanya sebagai pelajaran sampingan sahaja, bukan satu matlamat yang sebenar. Baru-baru ini Pengarah Pelajaran Negeri Sembilan menurut berita akhbar ada menyatakan peratus murid-murid Melayu sekolah-sekolah menengah yang tidak tahu membaca Quran terlalu besar dan lebih 50% tidak tahu sembahyang. Ini bermakna pelajar-pelajar di sekolah dan di pusat-pusat pengajian berlumba-lumba mengejar sijil mereka mahu kelulusan tinggi, mahu dapat pangkat tinggi, mahu gaji besar, kemudian tidak mengambil berat soal ugama, soal bangsa dan soal tanahair. Oleh sebab itu ada Menteri yang berkata pegawai-pegawai seperti ini suka minum dengan taukeh-taukeh dan tidak hiraukan hal masyarakat. Kemewahan yang seperti ini bukan membawa rahmat tetapi sebaliknya mendatangkan bala.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu saya sangat mengharapkan rumusan seminar di antara pegawai-pegawai tadbir dengan

pegawai agama yang dianjurkan oleh Kerajaan untuk menyelaraskan nilai-nilai Islam ke dalam pembangunan hendaklah diserapkan ke dalam Rancangan Malaysia Yang Keempat, semoga betul negara kita menjadi sebuah negara yang diredai Allah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada lima minit lagi.

**Dato' Hajjah Fatimah binti Haji Salim:** ....iaitu negara rahmat dan bertuah seperti kata Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato Haji Mohd. Nor Muhamad.

4.16 ptg.

**Dato Haji Mohd. Nor Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Keempat yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Perintah 10/81 menggambarkan kejayaan yang amat cemerlang atas pembangunan ekonomi negara dalam tempoh 10 tahun yang lepas. Laporan itu melahirkan kecekapan Kerajaan kita mencapai matlamat-matlamat yang dijangka dalam tempoh itu dari segi pertumbuhan ekonomi untuk negara dan mengurangkan kemiskinan rakyat jelata.

Dari segi melaksanakan rancangan pembangunan satu dekad yang lampau kecapaian bukan sahaja diperolehi mengikut rancangan bahkan kejayaan ini telah melebihi daripada matlamat-matlamat yang dirangka pada tahun 1970. Bagi pihak sektor swasta, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan kita yang begitu cekap menyempurnakan rancangan-rancangan itu dan juga telah berjaya memimpin sektor swasta dengan wajarnya kehalua pertumbuhan ekonomi yang begitu pesat dan segar yang kita nikmati sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam dasar dan program-program penyusunan semula masyarakat, perhatian yang lebih berat lagi patutlah diberi kepada bumiputra yang pada masa ini memiliki bahagian modal yang terlalu kecil berbanding dengan bilangan mereka dalam jumlah penduduk negara. Mengikut laporan 10 tahun lepas kemajuan

yang telah dicapai dalam penyusunan semula pemilikan modal dalam sektor syarikat adalah jauh lebih rendah daripada matlamat yang telah ditentukan. Saham-saham pemilikan bumiputra dari modal baru dalam Rancangan Malaysia Ketiga cuma 17% sahaja dicapai daripada matlamat 24%. Ini bermakna bahawa jumlah modal saham yang perlu diperolehi dalam jangka Rancangan Malaysia Keempat untuk mencapai matlamat adalah bertambah besar.

Baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, strategi untuk memastikan pencapaian pemilikan oleh bumiputra sekurang-kurangnya 30% dari jumlah saham dalam sektor syarikat adalah melalui pembelian modal saham oleh agensi-agensi amanah dan badan-badan pelaburan yang tertentu sahaja. Peluang untuk bumiputra perseorangan atau syarikat-syarikat kecil bumiputra tidak diberi membeli atau memiliki saham-saham yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat yang menyusun semula ekuiti mereka. Sama ada langkah ini wajar atau tidak, pada pendapat saya patutlah dikaji balik jika sekiranya Kerajaan sekarang membuat matlamat bahawa pemilikan oleh bumiputra perseorangan dan agensi-agensi amanah perlu berkembang pada kadar purata 21% setahun. Betul ada sedikit sebanyak bumiputra dan orang-orang memperalatkan bumiputra mengambil peluang berspekulasi dalam pemberian penawaran sebegini. Tetapi untuk mencegahnya langkah-langkah positif perlu diambil seperti dari segi Akta Penyelarasan Perindustrian (Industrial Coordination Act) dan jalan-jalan yang lain supaya dasar Kerajaan tidak terkeciwa. Tidak perlu menggunakan tukul untuk mendebak seekor nyamuk nanti badan merana dan janganlah bakar kelambu kerana nyamuk seekor. Banyak bumiputra perseorangan atau syarikat-syarikat kecil bumiputra yang sebenar-benarnya penanam modal yang tulen telah terkeciwa dengan langkah Kerajaan memberhentikan tawaran-tawaran saham kepada mereka. Saya berharap Kerajaan akan mengkaji balik kedudukan ini dengan wajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, dahulu ada juga kedengaran daripada suara Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri

bahawa pemilikan saham-saham oleh bumiputra dapat dipercepatkan lagi dengan mengadakan pasaran saham tingkatan dua untuk bumiputra sahaja.

Pada pendapat saya syor Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ini patutlah dilaksanakan secepat mungkin supaya peningkatan saham-saham yang dimiliki oleh bumiputra dapat diperkembangkan dengan eratnya menerusi pasaran saham ini. Jika di negara Jepun dan negara Philippines pasaran saham dua tingkat; satu untuk warganegara dan satu lagi untuk negarawan asing berjalan begitu lama dengan jayanya, mengapakah kita ragu-ragu lagi dengan mewujudkan pasaran saham tingkatan dua untuk bumiputra di Kuala Lumpur Stock Exchange? Dengan adanya pasaran baru ini maka individu bumiputra bolehlah menjual saham-saham mereka jika mereka berkeperluan wang sama ada untuk menukar tanaman modalnya kepada saham-saham lain yang lebih bermutu ataupun menukar tanaman modal kepada aktiviti-aktiviti yang lain. Juga, dengan adanya pasaran ini agensi-agensi amanah yang memegang saham untuk kepentingan bumiputra bolehlah juga menyalurkan saham-saham kepunyaan mereka itu supaya alihmilik dapat dilaksanakan serta-merta.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan satu Jawatankuasa ditubuhkan untuk mengkaji penubuhan pasaran saham tingkatan dua untuk bumiputra dan jika mungkin dilaksanakan serta-merta.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya kurang pasti mengapakah saham-saham yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat menyusun semula ekuiti mereka diwajibkan saham-saham ini tidak boleh dijual. Oleh kerana sekatan begini dan kekurangan saham-saham di pasaran saham, maka harga-harga saham syarikat-syarikat ini telah melambung dengan tidak menasabah lagi jika dikaji dengan nisbah harga pendapatan (price earning ratio). Oleh kerana terlalu tinggi harga saham syarikat-syarikat ini maka senanglah mereka menelan dan mengambilalih syarikat-syarikat lain yang mempunyai harta

atau asset base dengan mudah secara penukaran saham (share exchange) atau share swap.

Dengan penukaran saham-saham ini nisbah bumiputra akan menurun dan jurang perbezaan dasar 30% milik bumiputra berkurangan lagi. Dari segi penanam modal pula, mereka diperintah memegang saham yang begitu tinggi harga pasaran dan tidak menasabah dengan pendapatan bayaran untung. Mereka patutlah diberi peluang menjual saham-saham begini dan dengan wang itu dapatlah mereka membeli saham-saham yang lain yang berpatutan harga jika dibandingkan dengan harta kepunyaan (asset backing) dan pembahagian untung (yield) yang menasabah. Harga-harga saham yang terlampau tinggi jika tidak diberi kebebasan jual-beli kepada pemegang-pemegang akan menjadi satu bala apabila harga-harga saham ini menjunam turun.

Saya berharap Kerajaan tidak lagi akan memerintah yang saham-saham dibeli daripada syarikat-syarikat menyusun semula ekuiti mereka dipegang semati-matinya hingga ke pangkal malah penanam modal sendiri tidak diberi kuasa dan pilihan berfikir sendiri berkenaan saham-saham mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, yang anihnya penawaran saham-saham daripada satu syarikat yang menyusun semula ekuiti ini ditabur kepada banyak badan-badan dan syarikat-syarikat bumiputra tertentu. Apakah maksud saham-saham ini ditaburkan; saya kurang pasti. Jika sekiranya matlamat memiliki modal ekuiti dan penyertaan dalam sektor syarikat-syarikat maka penaburan ini tentu susah sekali bagi kaum bumiputra menyertai dalam pergerakan syarikat-syarikat. Saham-saham yang cuma sedikit dipegang akan menjadi pelaburan tidur sahaja. Saham-saham ini disimpan di dalam peti dan dikunci menunggu dividen sahaja. Cuma pemegang-pemegang saham yang banyak sahaja mengambil peranan dalam aktiviti-aktiviti syarikat.

Jika matlamat memiliki modal ekuiti dan penyertaan, saya ulang—penyertaan mesti diikuti maka janganlah saham-saham ditawarkan itu ditaburkan hingga menjadi

pemegang-pemegang saham yang tidak berkuasa (non-effective holding). Saya cadangkan saham-saham yang ditawarkan oleh satu-satu syarikat yang menyusun semula ekuitinya cuma diberi kepada satu syarikat bumiputra sahaja supaya syarikat bumiputra itu dapat kedudukan kepentingan kawalan (controlling interest position) dan syarikat bumiputra itu dapat bergiat dengan sepenuhnya dalam penyertaan dan aktiviti-aktiviti syarikat itu.

Saya juga cadangkan saham-saham satu syarikat yang bertaburan sekarang dengan badan-badan ditubuhkan untuk kepentingan bumiputra dan syarikat-syarikat bumiputra tertentu dikonsolidasikan dan dijual kepada satu badan atau satu syarikat bumiputra sahaja untuk mendapat kedudukan kepentingan kawalan (controlling interest). Pada kebanyakan saham-saham ini bolehlah dikeluarkan menerusi pasaran saham tingkatan dua yang saya sebutkan pada awalnya untuk lain-lain kaum bumiputra yang cuma hendak menanam modal dengan tiada penyertaan dalam syarikat-syarikat itu.

Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini kita mendengar hujah-hujah daripada pemimpin-pemimpin negara berkenaan dengan menanam modal daripada wang tabungan. Tidak payah saya memanjangkan lagi berkenaan ketiadaan tabung individu kerana perkara ini telahpun saya sebut dengan panjang lebarnya dalam ucapan saya menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia baru-baru ini. Kesimpulannya ialah inflasi dan cukai pendapatan telah mengutip semua tabungan daripada individu-individu terutama sekali tabung individu bumiputra.

Di zaman silam, Tuan Yang di-Pertua, seseorang menyimpan wang, kemudian bila mencukupi baru ia membeli harta benda. Di zaman moden seseorang membeli harta benda dahulu, kemudian baru ia membayar sehingga cukup. Susah saya hendak menerima hujah-hujah itu dan jika diikuti bolehkah kaum bumiputra menyimpan wang sebanyak \$30,000 juta menjelang tahun 1990 untuk memiliki sekurang-kurangnya 30% modal saham dalam syarikat-syarikat berhad? Pengertian saya dalam konsep pelaburan ialah pelaburan berkali (multiple investment) dengan cara menggunakan wang

atau harta permulaan sebagai pokok (base) untuk membeli dua kali ganda harga pelaburan dengan menggunakan pinjaman bank untuk memodalkan separuh daripada harga belian. Dengan cara ini sekurang-kurangnya dua kali pelaburan boleh dimiliki. Hasil pelaburan digunakan untuk faedah pinjaman dan dengan peningkatan harga saham-saham itu, pelaburan itu boleh ditambahkan pokok dengan cara berkali-kali. Umpamanya, tiap-tiap satu unit Amanah Saham Nasional yang berharga \$1.00 dijamin tidak akan turun harganya hingga tahun 1990 dan dividen juga dijamin tidak kurang daripada 10% setahun. Ini adalah sandaran pinjaman yang bagus sekali untuk keperluan bank. Apakah salahnya jika 50% daripada harga pembelian unit-unit Amanah Saham Nasional dikendalikan daripada pinjaman bank supaya dapat kaum bumiputra dipercepatkan memiliki modal saham sektor syarikat berhad.

Ekorannya saya mencadangkan untuk mempercepatkan lagi bumiputra memiliki 30% daripada jumlah modal saham dalam sektor syarikat-syarikat kemudahan pinjaman bank patutlah diberi kepada semua bumiputra membeli saham-saham syarikat di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal tanah di kawasan bandar, pelaburan Rancangan Malaysia Keempat menyatakan tanah-tanah kepunyaan bumiputra didapati semakin berkurangan. Satu kajian yang telah dijalankan bagi 15 bandar dalam tahun 1977 menunjukkan bahawa kekurangan bersih tanah-tanah bumiputra di kawasan-kawasan bandar adalah sebanyak 233.3 hekta atau lebih daripada 25 juta kaki persegi. Ini cuma di 15 bandar-bandar sahaja, banyak mana jumlahnya jika semua bandar-bandar di seluruh negara kita dikaji untuk menentukan kemerosotan tanah-tanah kawasan bandar yang telah dijual oleh bumiputra. Perkara ini amatlah membimbangkan. Jika langkah-langkah yang diambil sekarang untuk mencegah kemelesetan hak milik tanah-tanah bumiputra ini susahlah bumiputra nanti berkecimpung dalam sektor perdagangan dan perusahaan.

Mengenai perkara ini, saya mencadangkan satu Jawatankuasa patutlah ditubuhkan untuk mengkaji perkara ini dengan mendalamnya. Jawatankuasa itu patutlah juga menerima semua maklumat daripada Pejabat-pejabat Tanah mengenai permohonan tukar hakmilik tanah daripada bumiputra kepada kaum yang lain dan Jawatankuasa ini diberi option pertama untuk menyalurkan tanah-tanah itu kepada pembeli-pembeli bumiputra malah untuk mengemaskan lagi langkah-langkah ini Kerajaan perlu menubuhkan satu badan seperti Amanah Saham Nasional untuk membeli semua tanah-tanah hakmilik bumiputra yang dijual di kawasan bandar. Tanah-tanah ini bolehlah dijual balik kepada bumiputra selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang melemahkan jantung saya ialah kadar kemiskinan yang begitu tinggi di negeri-negeri Kelantan, Kedah dan Trengganu. Langkah-langkah yang tegas lagi patutlah diambil untuk mengurangkan jurang perbezaan taraf hidup dengan mempercepatkan lagi kadar pertumbuhan ekonomi di negeri-negeri ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada seminit lagi.

**Dato Haji Mohd. Nor Mohamad:** Banyak perkara yang menyebabkan negeri-negeri ini menjadi kurang maju dan Kerajaan patutlah mengatasi atau come to grips dengan semua masalah yang sedemikian selain daripada meningkatkan lagi kemudahan asas di negeri ini perkara-perkara yang menentukan dengan tepat dalam masalah pembangunan di negeri-negeri ini adalah kekurangan tenaga manusia dan juga kekurangan perdagangan.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan Rancangan Malaysia Keempat terdiri daripada satu delicate atau cohesive force daripada pegawai-pegawai pelaksanaan. Perasaan iri hati, tarik tali, atau jual mahal mestilah dibasmikan. Jika negara-negara yang kurang maju menentukan objektif penghujungan matlamat pembangunan tentu dicapai dengan cara berat sama dipikul ringan sama dijinjing di antara semua sektor jawatan awam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain.

4.34 ptg.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dengan masa yang berakhir ini dan dengan hari yang berakhir ini bagi saya juga Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini menjimatkan masa maka saya sekali tidaklah dapat saya hendak membahaskan Rancangan Malaysia Keempat 1981—1985 yang memakan sampai akhirnya bilangan yang ke 32.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun demikian rupa sebagai Ahli Dewan yang rasa tanggungjawab ialah dengan ringkasnya saya cuba seberapa patuh kepada waktu yang diberi oleh Tuan Yang di-Pertua untuk membahaskan Rancangan Malaysia Yang Keempat ini.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai Rancangan Malaysia Keempat hari ini sesudah berjalan dan dilancarkan rancangan kemajuan Malaysia Pertama, Kedua, Ketiga selama hampir 10 tahun yang lalu dan sekarang masuk keempat merangka selama empat tahun akan datang telah dipercepatkan, telah dipersoalkan, telah dikaji, telah dianalisa dan telah dihitung dan telah dirancangan sebegitu rupa, saranan, peranan, selaran dan sokongan sama ada lemah berjalan hampir-hampir masuk tiga bulan dalam mana dan dari siapa ke mana dan kepada siapa matlamat dan harapan yang hendak kita perkatikan sama-samalah kita maklumi dalam masalah dan sama-samalah telah kita fahami sebagai biasa antara pencadang dan penyokong telah banyak menimbulkan keadaan suasana pahit dan manis masing-masing dengan corak dan harapan yang telah terbentang luas maka saya bangun bercakap tidaklah sebagai permulaan dan bukanlah pula terakhir dalam sambutan rancangan ini. Tetapi lanjutan suasana yang lalu bagaimana kita meluahkan pandangan dan harapan dengan tujuan kebaikan belaka.

Tuan Yang di-Pertua, konsep pembangunan kita adalah pembangunan sepadu, pembangunan jasmani, pembangunan rohani sebagaimana yang

termaktub dalam buku Rancangan Malaysia Keempat ini meliputi segenap aspek pembangunan sama ada dalam dan luar negeri. Pada tahun-tahun yang lalu saya telah bercakap banyak dalam rancangan Rancangan Malaysia Ketiga dan saya banyak telah diberi ingatan dan selaran bahawa cakap-cakap saya tidak tepat dan tegas dan hari ini barangkali sebagai mengulangi lagi mengenai rancangan ini. Saya pernah mendengar dan pernah mendapati bahawa peratus kemajuan yang telah dicapai dalam rancangan dalam penyertaan bumiputra masih belum sampai kepada matlamatnya sebagaimana yang dikehendaki dan di idam-idamkan itu. Ini adalah cakap yang benar-benar bertanggungjawab dan pihak Kerajaan tentulah telah mengetahui di mana berlaku kesilapannya dan apakah sebabnya terjadi demikian. Walaupun rancangan tersebut telah dikemukakan, telah diterima dan telah dijalankan, hasilnya tentulah telah sama-sama kita maklumi dan sama-sama kita mengkaji hasil yang telah lalu itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rancangan pembasmian kemiskinan walaupun banyak diperkatakan oleh Ahli-ahli Dewan ini kerana ini menjadi satu matlamat, menjadi rasa resah gelisah kepada kita walaupun tingkatan kemiskinan agak berkurangan dan dapat diatasi maka kemiskinan ini tidak mestinya berlaku di luar bandar sahaja bahkan di bandar juga kemiskinan itu ada. Hanya corak kemiskinan itu sahaja berbeza antara bandar dan luar bandar. Tetapi kemiskinan luar bandar tetap mendapat tempat utama dan kemiskinan kurang mendapat simpati dari masyarakat setempat kerana keadaan masyarakat juga lebihnya tidaklah seberapa tetapi kalau masyarakat kota kemiskinan banyak didapati simpati-simpati kerana kedudukan masyarakatnya serba ada dan serba mewah maka tempat tumpuan bagi membentarkan kemiskinan ini juga adalah perlu dipertingkatkan lagi.

Di luar bandar yang kita tahu serba kekurangan dan serba tidak ada dari segi material dan mata benda. Lebih-lebih lagi diikuti oleh keadaan kenikmatan dan kekurangan bahan vitamin, bagi kenikmatan kesihatan penduduk-penduduk di luar bandar ini. Dalam masalah ini patutlah kita

memberikan contoh atau tauladan agar kemiskinan di luar bandar itu dapat diatasi dengan menambah pendapatan, menambah usaha pekerja-pekerja dan menambah di segenap bidang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha membentuk satu negara yang bersatu-padu, saksama dan maju, kukuh, aman dan damai Kerajaan hendaklah bersikap tegas. Bersatu-padu untuk apa? Adakah bersatu-padu sementara sahaja bagi muslihat diri, kaum atau kesempatan atau bersatu-padu bagi muslihat demi negara. Inilah yang patut Kerajaan mengambil berat dan mengambil sikap tegas kerana ada kelihatan pada umum pada satu-satu acara atau satu-satu sebab pada lahirnya kerana mahu bersatu-padu dengan ada muslihat merekalah yang benar-benar bersungguh-sungguh mengambil daya utama, tetapi apabila hasratnya atau cita-citanya, dirinya atau kaumnya berhasil, maka ada pula yang mengambil kesempatan dengan menabur fitnah bahawa ini tidak berguna atau berat sebelah atau tidak adil. Dalam masalah ini saya harap pihak Kerajaan mesti mengambil sikap tegas.

Umpamanya, dalam penggunaan bahasa negara ini, kita masih lagi dapat rungutan dan sungutan dan harapan agar dilaksanakan lagi perkara yang kita masih merasa ragu-ragu ini. Banyak lagi yang masih sangsi dan banyak lagi tidak mahu dan banyak lagi masih dibangkitkan dengan alasan kerana ada ketentuan. Jadi bagaimana cara untuk membentuk negara yang bersatu-padu sedangkan bahasapun tidak dapat disatupadukan.

Dalam bahagian ekonomi pula dan pembangunan dan dalam apa juga perlumbaan bagi diri dan kaum tetap wujud. Ini tidak dapat dinafikan. Dengan tidak silap lagi maka kalau ini masih diteruskan selagi itulah ada kepincangan, selagi itulah ada perasaan mahu menjatuhkan antara satu dengan lain, maka oleh itu hasrat Kerajaan hendaklah betul-betul dalam Rancangan Malaysia Keempat ini memperhatikan ini sebagai satu perkara yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, kadar pengangguran berkembang walaupun kemakmuran sentiasa kita mengatakan. Dalam soal pembangunan

ekonomi maju dan pesat tetapi perkembangan ekonomi dunia amat lembab. Maka kalau kita tidak berhati-hati dalam perkara ini maka negara kita juga turut akan menghadapi kemerosotan yang mana akibatnya rakyat di negara ini akan turut sama terlibat. Saya kluatir satu program saya tujukan kepada sektor pertanian yang disusun begitu rapi dengan hasrat untuk menjamin kepada matlamat kehidupan rakyat yang telah lalu masih boleh dipertikaikan, masih terdapat kalau tadi ada Ahli Yang Berhormat Dewan ini mengatakan ini sebagai tambahannya, masih lagi terdapat tanah-tanah sawah yang luas tidak diusahakan walaupun terdapat rancangan taliair yang baik dan ada tanah-tanah yang masuk dalam kelas pertama, ini telah jadi topik pada perbahasan dan menjadi idam-idaman dalam perhatian dan langkah-langkah kerana itu telah disusun satu program, apakah Kerajaan telah menyedari perkara ini yang telah berlaku? Apakah yang saya nyatakan? Di mana kawasan tanah sawah yang baik yang terletak di Pulau Pinang/Seberang Perai maka sudah mula ada cita-cita sekelompok manusia yang hendak ditukar menjadi projek pembangunan perumahan seperti di Pulau Pinang/Seberang Perai. Dalam masalah ini saya harap ambil perhatian kerana tanah sawah ini adalah tingkatan bagi kawasan yang pertama. Jadi ini kalau tidak Kerajaan mengambil perhatian amat merugikan tanah-tanah sawah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ulangi sekali lagi untuk menghapuskan kemiskinan dalam Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985 ini memang baik benar, tetapi sayang, kalau di dalam rancangan dahulu hendak menghapus kemiskinan tetapi hari ini apa yang berlaku yang kaya pun sudah berkali-kali mengeluh sebab semua harga-harga barang yang melampau kenaikannya. Ini orang yang kaya. Bagaimana pula kepada orang-orang miskin dalam menyusun rancangan ekonominya. Dalam menyusun Rancangan Malaysia Keempat ini kalau boleh Rancangan Malaysia Keempat ini segeralah dilaksanakan, jangan sampai timbul Rancangan Malaysia Kelima tidak habis-habis lagi dan tidak dapat diselesaikan

dan dapat diberi jawapan dengan alasan demi alasan supaya kami Ahli-ahli Dewan ini tidak lagi merasa ragu dan keraguan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, sayang di dalam masalah membincangkan Rancangan Malaysia Keempat ini, saya ingin hendak bercakap panjang berbalik kepada pembangunan rohani, tetapi apa boleh buat kerana masa terlalu singkat. Biarlah apa yang pernah saya perkatakan, di waktu yang lain saya akan kaitkan. Di dalam pembangunan rohani, secara ringkas saya perkatakan bibitlah, tanamlah di dalam jiwa anak-anak kita segenap peringkat manusia, masyarakat dalam negara kita soal pembangunan rohani ini. Tetapi hari ini kepada anak-anak diajar alhamdulillah, anak-anak kita sudah ikut. Tetapi apalah ertinya kalau yang sudah dewasa masih senang hati melihat perkara-perkara yang menjolok mata. Apakah perkara yang menjolok mata yang saya nyatakan? Bagaimanakah pendapat pihak Kerajaan dalam masalah pembangunan rohani yang disebut-sebutkan dan yang diagung-agungkan ini. Bagaimanakah pendapat pihak Kerajaan, apakah senang hati melihat seorang penari yang menjadi idaman ramai dan menjadi peminat ramai iaitu penari yang terdiri dari seorang yang beragama Islam dengan memeluk anjing dan dengan mencium anjing dan melagukan pula lagu anjing. Tidakkah ada binatang yang lain yang hendak dilagukan, dipeluk dan dicium? Tetapi untuk menonton penari yang menjadi peminat ramai ini pula tiketnya begitu hebat harganya. Kita sedang merancang Rancangan Malaysia Keempat, rancangan ekonomi. Dalam masalah ini patut dapat perhatian pihak Kerajaan.

Akhir sekali, biarlah saya patuh dengan waktu yang diberi oleh Tuan Yang di-Pertua, mana perkara yang saya bahaskan dengan ringkas tetapi apa yang penting dan yang serius harap pihak Kerajaan mengambil perhatian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan S. I. Rajah.

4.48 ptg.

**Tuan S. I. Rajah:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak bercakap panjang. Sebagai menyokong Rancangan Malaysia Keempat,

objektif-objektif Kerajaan untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira taraf hidup atau latar belakang rakyat perlulah diutamakan dengan sepenuhnya. Kita telah melihat tentang perkembangan yang dibuat oleh Kerajaan untuk memperbaiki pendapatan purata golongan yang berpendapatan rendah di dalam Rancangan Malaysia yang lalu.

Saya harap usaha-usaha ke arah ini untuk memperbaiki pendapatan golongan yang berpendapatan rendah akan dilaksanakan dengan usaha yang lebih gigih dalam tempoh lima tahun yang akan datang.

Selagi taraf kehidupan segolongan besar rakyat diperbaiki, objektif-objektif Kerajaan akan mendapat sokongan dari rakyat negara ini.

Sementara dalam usahanya untuk mencapai Dasar Ekonomi Baru, terutama sekali untuk memperbaiki penglibatan kaum Bumiputera dalam lapangan swasta atau perniagaan, perhatian, usaha-usaha dan pertimbangan perlu juga diberi kepada kaum bukan Bumiputera.

Saya juga merayu kepada mereka yang bertanggungjawab dalam menyelesaikan serta menjayakan Rancangan Malaysia Keempat untuk membina satu masyarakat berbilang kaum untuk generasi yang akan datang supaya berfikir dan mengingati yang mereka adalah rakyat Malaysia yang tulin.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perindustrian perumahan lebih banyak lagi rumah hendaklah digalakkan dibina oleh pihak swasta. Dalam konteks ini Kerajaan hendaklah menggalakkan penubuhan sebuah Bank Perumahan yang haknya menyediakan wang kepada industri perumahan. Pembukaan kredit ke atas bank-bank hendaklah dilonggarkan dan agensi-agensi Kerajaan seterusnya tidak mengenakan banyak syarat-syarat kepada pemaju-pemaju perumahan sebagai satu galakan kepada industri perumahan. Redtape hendaklah dikurangkan dan harga penjualan yang sama bagi rumah-rumah harga rendah hendaklah diadakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi kesemua negeri di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Perkhidmatan Awam pula lebih ramai lagi orang-orang yang berpengalaman hendaklah diambil bekerja bagi mempercepat lagi serta melicinkan pentadbiran.

Saya ingin mendesak dan merayu kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk mempercepat pencapaian bagi membaharui pasport, permit masuk semula serta pas-pas kerja. Dalam konteks ini saya ingin menyatakan tentang kelewatan yang selalu berlaku dalam Jabatan yang berkenaan. Saya juga telah difahamkan bahawa kuasa-kuasa membuat keputusan hanya diberi kepada beberapa orang pegawai sahaja dan tidak dapat sebarang kuasa tersebut diberikan kepada Pegawai-pegawai Kanan Jabatan tersebut. Keputusan-keputusan ini telah menyebabkan berbagai kesulitan kepada rakyat dan ada ahli-ahli keluarga yang sama diminta untuk meninggalkan negara ini. Terdapat beberapa peristiwa di mana keputusan tentang nasib mereka belum dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang Ketua dalam parti politik komponen Barisan Nasional berbilang kaum, saya sentiasa memberi ingat tentang masalah-masalah kaum yang kecil bilangannya, terutama sekali mereka yang dari keturunan Ceylon, Nasrani dan juga orang asing. Mereka mendapati sukar untuk mendapat pekerjaan dalam perkhidmatan awam dan juga mereka sukar untuk mendapat tempat di institusi-institusi pelajaran tinggi di negara ini. Orang-orang ini memerlukan segala pertolongan oleh kerana mereka telah menunjukkan peranan yang penting dalam pembangunan negara ini. Kita seterusnya hendaklah membantu pula hal ehwal mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Abdullah Salleh.

4.54 ptg.

**Tuan Abdullah bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rancangan Malaysia Keempat yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan.

Yang pertama sekali saya sentuh berhubung dengan pertanian. Lahirnya perbadanan-perbadanan atau agensi-agensi Kerajaan seperti Lembaga Pertubuhan Peladang, RISDA, MARDI dan FAMA telah banyak membantu para petani dan pekebun-pekebun kecil dalam usaha pertanian masing-masing. Berbagai kemudahan seperti bantuan nasihat, bantuan kewangan dan berbagai subsidi baja dan benih disediakan demi meningkat dan memajukan sektor pertanian. Sekalipun demikian wujud over-lapping atas perbadanan-perbadanan Kerajaan dalam pembahagian subsidi, misalnya baja, dengan kata lain tiap-tiap perbadanan tidak mempunyai pengkhususannya masing-masing. Hal ini kadangkala menyebabkan seorang petani itu memperoleh tiga sumber baja daripada tiga perbadanan yang berasingan. Maka dengan sebab itulah wujud sikap menjual baja subsidi di kalangan setengah-setengah petani.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya suka mengesyorkan supaya pihak Kerajaan menetapkan pengkhususan pada setiap perbadanan Kerajaan agar akan terhindarlah over-lapping atas pemberian bantuan kemudahan kepada rakyat. Misalnya LPP dikhususkan untuk mengeluarkan subsidi baja padi di samping tugas induknya, manakala RISDA pula ditugaskan untuk memberi racun lalang dan racun rumput rampai. Dengan ini Kerajaan akan dapat mengurangkan kes-kes penyelewengan yang terjadi disebabkan over-lapping atas perbadanan-perbadanan itu, di samping itu akan tersemillah sifat jimat-cermat di kalangan para petani agar tidak menyalahgunakan kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan. Dengan ini juga ketidak jujuran orang-orang yang telah dipertanggungjawabkan untuk berkhidmat kepada masyarakat akan dapat dikesan dan dibenteraskan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya ingin sentuh berhubung dengan Akta Penanam Padi, iaitu Akta Mengawal Sewa dan Menjamin Pemegang, Akta Parlimen No. 43/67. Akta tersebut bayaran sewanya mengikut kiraan gantang yang telah dicatat sejak tahun 1967, iaitu sejak 14 tahun yang

lalu. Akta ini tidak sesuai lagi dengan zaman sekarang kerana ini padi tidak lagi ditanam setahun sekali.

Untuk pengetahuan, Tuan Yang di-Pertua, di sini saya sarankan bayaran sewa mengikut Akta Parlimen No. 43/67:

Bagi tanah kelas I sewanya 140 gantang pada seekar.

Bagi tanah kelas II sewanya 115 gantang pada seekar.

Bagi tanah kelas III sewanya 70 gantang pada seekar.

Akta ini perlulah diubahsuaikan dan dikemaskinikan dengan sebab:

- (1) tanaman padi sekarang ini ialah dua kali setahun atau lima kali dua tahun;
- (2) sewa biasa telah naik kadar dua kali ganda dari kadar yang ditetapkan oleh Kerajaan;
- (3) pihak tuan tanah dengan seberapa boleh akan mengelakkan dari mengadakan perjanjian sewa yang rasmi.

Dengan sebab-sebab sepertimana saya nyatakan tadi adalah perlu dan wajar diubahsuaikan Akta Penanam Padi No. 43/67.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh berhubung dengan sawah berkelompok. Saya menyampaikan ucapan tahniah kepada Kerajaan kerana dapat melahirkan satu usaha yang positif ke arah meninggikan taraf hidup para petani di luar bandar. Sebagai contohnya saya ingin merujuk kepada kejayaan pelaksanaan sistem sawah berkelompok di negeri Kedah, iaitu di Kampung Assam Jawa, Daerah Kubang Pasu. Sistem ini ternyata telah dapat menyakinkan para petani bahawa pendapatan mereka telah bertambah manakala perbelanjaan dalam menguruskan tanaman dan menuai padi telah berkurangan. Oleh itu, saya harap agar sistem sawah berkelompok ini akan dapat dilaksanakan di negeri-negeri lain di Malaysia dengan secepat mungkin. Ini mendatangkan faedah yang akan dinikmati kelak dan dapat membawa

kemakmuran kepada para petani dan pesawah khususnya dan masyarakat desa umumnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita memandang sistem sawah berkelompok itu memberi hasil yang baik kepada para petani dan masyarakat desa. Maka di sini saya ingin mengesyorkan agar pihak Kerajaan dapat melaksanakan pula sistem kampung berkelompok di kawasan-kawasan luar bandar manakala rumah-rumah mereka didirikan dalam sistem yang teratur dan akan dapat memudahkan Kerajaan dalam mempercepatkan usaha membina kemudahan-kemudahan asas seperti air, jalanraya, api elektrik dan sebagainya kepada masyarakat luar bandar. Dengan cara ini hasrat masyarakat desa untuk mengecap nikmat pembangunan sepertimana yang dicita-citakan oleh Kerajaan akan segera terlaksana dan sebaliknya rakyat akan memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi dan kepercayaan yang penuh kepada Kerajaan. Inilah satu cara yang dapat mengurangkan penghijrahan penduduk-penduduk luar bandar kepada bandar sebab semua kemudahan-kemudahan asas yang perlu sudah dapat di luar-luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya suka menyentuh tentang pembangunan negara. Negara kita sekarang ini sedang melibatkan diri dalam kancah pembangunan. Aspek pembangunan ini sedang meliputi pelbagai bidang seperti ekonomi, sosial, pentadbiran dan seumpamanya. Memang tidak dapat kita nafikan bahawa usaha-usaha pembangunan Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga banyak memberi nikmat untuk dikecapi oleh setiap golongan rakyat di negara ini. Namun begitu tidaklah semua projek pembangunan itu memenuhi objektif yang kita cita-citakan. Tambahan pula dalam Rancangan Malaysia Ketiga kita telah kekurangan 10,000 projek sama ada terbengkalai di pertengahan jalan ataupun menemui kegagalan dalam usaha pentadbiran. Contoh yang paling ketara sekali ialah projek Gula Negeri Sembilan.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita tidak dapat menyangkal bahawa pelaksanaan setengah-setengah projek itu adalah

didasarkan kepada faktor politik dan sosial misalnya untuk mengadakan peluang-peluang pekerjaan dan mengurangkan kadar pengangguran di kalangan rakyat yang berbilang kaum.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang ingin saya tegaskan di sini ialah pihak Kerajaan perlulah terlebih dahulu membuat kajian yang teliti di atas sesuatu projek yang akan dilaksanakan, agar usaha yang murni itu menepati hasrat dan memenuhi matlamat demi untuk kemakmuran rakyat keseluruhannya. Kajian yang teliti amatlah penting untuk mengelakkan pengeluaran wang yang sia-sia manakala projek-projek pembangunan yang dilaksanakan itu menemui jalan buntu.

Tuan Yang di-Pertua, harapan saya agar pihak Kerajaan akan menjadikan kegagalan-kegagalan di masa yang lalu sebagai tauladan bagi mengorak langkah dengan lebih berhati-hati di dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Keempat semoga segala rancangan yang akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keempat dapat berjalan dengan lebih licin dan lebih sempurna lagi.

Dengan perancangan Rancangan Malaysia Keempat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 27hb Mac, 1981 saya yakin kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dalam tempoh lima tahun yang akan datang akan dapat dicapai dan dipertingkatkan lagi. Banyak usaha-usaha pembangunan telah dirangka untuk faedah rakyat. Oleh itu saya ingin meminta Kerajaan agar memberi keutamaan (priority) kepada target group, misalnya projek-projek pembangunan dibahagi dalam tiga kumpulan iaitu kumpulan (a), (b) dan (c). Kerajaan hendaklah mengutamakan projek untuk memberi kemakmuran kepada rakyat seperti nelayan, penoreh getah, penjaja kecil dan masyarakat setingan. Projek-projek ini perlulah diluluskan dan disiapkan. Jika projek-projek di kawasan bandar lewat disiapkan oleh kerana memberi keutamaan kepada target group yang pertama, maka tamparan dan implikasinya terhadap rakyat di kawasan bandar tidaklah begitu menyedihkan. Dengan kata lain, Kerajaan perlu memberi keutamaan terhadap pembangunan rakyat miskin di luar bandar

dan barulah disusuli kepada pembangunan rakyat di bandar-bandar. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir.

*5.04 ptg.*

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong Usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan berkaitan dengan Rancangan Malaysia Keempat dan oleh kerana masa tidak begitu mengizinkan, saya cuba memendekkan pandangan-pandangan saya di dalam Dewan yang mulia ini dengan harapan semoga dapat diambil perhatian oleh pihak Kerajaan terutama dalam usahanya hendak meningkatkan pendapatan-pendapatan atau membenteraskan kemiskinan di samping menyusun semula masyarakat yang ada di dalam negara kita ini sejajar dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru.

Saya merasa syukur dan terima kasih kerana selama ini Kerajaan dapat mengesankan beberapa buah negeri atau penduduk-penduduknya menghadapi kemiskinan, sepertimana yang disebutkan di antaranya ialah Kedah. Dan ditegaskan pula Kerajaan berazam dan berhasrat hendak menyumbangkan usaha-usaha demi untuk mempertingkatkan lagi darjah pendapatan penduduk-penduduk khususnya kaum-kaum tani. Walau bagaimanapun rasa saya, saya telah kemukakan masalah paras pendapatan kaum tani di Kedah namun begitu harus juga kita memberi penghargaan kepada petani-petani yang telah berusaha bertungkus lumus selama ini, bukan sahaja mereka dapat menambahkan pengeluaran hasil makanannya untuk rakyat negara Malaysia sebaliknya pula mereka dengan perbuatan yang sedemikian dapat kita lihat, dapat mengurangkan pembelian (import) makanan yang serupa daripada negara luar.

Bila bercakap masalah pertanian, saya harus menekankan supaya pihak Kementerian Pertanian mengambil daya usaha yang lebih untuk memperkenalkan usaha-usahanya kepada petani-petani kerana kelak akan menjadi satu masalah bila mana

usaha Kerajaan yang dicadangkan hendak diadakan dengan secara bersungguh-sungguh itu seandainya tidak difaham benar-benar oleh kaum tani maka usaha itu akan tinggal begitu sahaja kerana dari selama ini juga kita telah dapat lihat beberapa rancangan-rancangan yang tidak dapat dilaksanakan ataupun bila dilaksanakan akhirnya tidak mendapat kejayaan yang sepenuhnya. Pada pendapatan saya salah satu daripada puncanya ialah usaha-usaha Kerajaan belum meningkatkan ke arah memperkenalkan usaha-usaha tersebut, umpamanya di hari ini kita dapat hampir  $\frac{1}{4}$  bahagian keluasan tanah pertanian yang di biar begitu sahaja tidak ditanam dengan sesuatu ataupun dibiarkan tanpa mendatangkan sesuatu hasil. Walaupun Kerajaan bercadang hendak meningkatkan pengeluaran hasil pertanian dan hendak mempermodenkan kaum-kaum tani tetapi dengan arahan-arahan yang begitu tanpa dapat difahamkan oleh kaum-kaum tani itu maka tanah yang saya sebutkan itu akan harus terbiar begitu juga. Dengan hal yang demikian, adalah menjadi kewajipan Kementerian Pertanian di dalam usaha ini supaya berikhtiar mencari jalan setidak-tidaknya mengadakan beberapa kursus-kursus tertentu, mengadakan beberapa penunjuk-penunjuk, nasihat-nasihat yang berguna kepada mereka dan dengan yang sedemikian mereka akan kenal bahawa setiap inci tanah akan menjadi faedah untuk pertanian itu besar ertinya kepada kaum tani dan kepada negara kita.

Yang kedua, saya ingin bercakap mengenai dengan kesihatan yang ada kaitannya dengan Kementerian Kesihatan. Setiap tahun kita harus dengar dari kenyataan yang dikeluarkan dengan secara rasminya oleh pihak-pihak yang berkenaan sama ada daripada Kementerian Pelajaran ataupun daripada kenyataan akhbar universiti dan sebagaimana mengatakan sekian-kian banyak penuntut-penuntut universiti ataupun daripada institusi pelajaran tinggi, daripada Universiti Malaya kita dan lain-lain universiti mengatakan sekian banyak orang-orang yang telah mendapat kelulusan ijazah di dalam negara kita dalam bentuk di dalam pelajaran kesihatan, yang bermakna mereka ini akan diberi peluang berkhidmat sama ada secara kontrak ataupun sebagainya di dalam

perkhidmatan Kerajaan selama 5 tahun. Ada juga suara-suara daripada luar mengatakan alangkah baiknya satu jalan hendak menyekatkan para doktor ini selepas berkhidmat dengan Kerajaan daripada keluar meninggalkan perkhidmatan dan membuka klinik-kliniknya sendiri, kalau boleh ada baiknya dilanjutkan masa perkhidmatan mereka itu dengan Kerajaan daripada 5 tahun kepada 10 tahun atau seumpamanya supaya dengan demikian pertumbuhan penduduk, yang ada sekarang dengan kehendak-kehendak kesihatan yang berkembang sekarang bolehlah agakny sedikit demi sedikit dapat diatasi supaya tidaklah begitu jauh berbezanya sejumlah penduduk yang hampir 15,000 orang dapat dikawal oleh seorang doktor. Ini saya maksudkan doktor yang berkhidmat dengan Kerajaan.

Kemudian selepas daripada itu pula kita dapati ataupun kadang-kadang dapat soalan-soalan yang ditanya oleh kaum-kaum kita di luar-luar bandar tentang kebolehan, keupayaan para doktor kita dan juga alat perkakas yang ada di dalam negara kita ini hendak mengawali dan menerima pesakit-pesakit yang boleh diubat dan disihatkan mereka di sini kerana didapati pada masa-masa yang akhir ini banyak di antara orang-orang kita termasuklah pembesar-pembesar bila sahaja mendapat sesuatu penyakit, bila sahaja dikesan dengan satu penyakit sama ada darah tinggi, kencing manis itu dan ini mereka itu terus membuat perkiraan tidak lagi mendaftarkan dirinya menjadi sebagai seorang pesakit di negara kita sebaliknya terus berubat di luar. Perubatan demikian dipandang oleh masyarakat tani dan masyarakat luar bandar mengatakan seolah-olah keupayaan yang ada di hospital-hospital kita masih belum sampai kepada tahap yang secukupnya dengan kerana itu banyaklah pesakit-pesakit yang mengidap penyakit sedemikian lari berubat di luar-luar negeri.

Begitu juga bila kita dapat lihat kanak-kanak bila sudah dikesan penyakitnya—jantung berlubang itu dan ini, kanak-kanak ini tidak dapat lagi hendak diubat di sini melainkan terpaksa dihantar keluar negeri sama ada di Filipina, Australia dan lain-lain negara ataupun sebagainya, ini juga menjadi

persoalan dan tandatanya, mengapa perkhidmatan kesihatan kita tidak boleh hendak mencari pakar-pakar, doktor-doktor yang boleh mengubati penyakit ini pada hal didapati bahawa kenyataan-kenyataan yang ada pada kita, negara kita telah ada kemampuan dan keupayaan untuk hendak mengubati penyakit-penyakit itu dan inilah perkara yang biasa dibincangkan dan harus pihak Kementerian Kesihatan akan berusaha bersungguh-sungguh dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Keempat ini supaya setidak-tidaknya suatu wabak sama ada penyakit barah ataupun lain-lain boleh dikesan dan boleh diubati di negara kita sendiri tanpa kita menghantar orang-orang itu keluar negeri dan ini menunjukkan bahawa kita telah ada keupayaannya.

Kemudian saya beralih pula kepada masalah rancangan elektrik ke luar-luar bandar. Saya merasa gembira bila mendengar ada beberapa rancangan Kerajaan hendak mengalihkan kegunaan enjin elektrik ini daripada menggunakan minyak dan seumpamanya kepada penggunaan air yang dipanggil haidro dan sebagainya. Saya rasa ini adalah suatu langkah yang wajar dan harus diambil usaha lebih oleh pihak Kementerian yang berkenaan menyiasat beberapa tempat dalam negara kita ini yang boleh kita gunakan usaha-usaha itu supaya dalam negara menghadapi kekurangan minyak, tenaga dan sebagainya maka dapat kita gunakan dengan haidro yang saya maksudkan tadi.

Di Kedah saya dapat tahu barangkali bukan sahaja di Kedah dan negeri-negeri lain masih banyak terdapat tempat-tempat yang menarik di mana beberapa kawasan yang mengandungi air terjun yang biasanya dibiarkan begitu sahaja air itu, alangkah baiknya kalau usaha dapat dibuat supaya bentuk-bentuk mini-hydro ini boleh diadakan di situ dan dengan itu akan mengurangkan perbelanjaan samada pihak Kerajaan dan dengan itu akan memberi perkhidmatan yang lebih penggunaan elektrik kepada masyarakat ataupun penduduk-penduduk di luar bandar.

Satu perkara yang menarik sangat dewasa ini, Tuan Yang di-Pertua, yang biasa dibincangkan ataupun disebutkan dalam

surat-suratkhabar ialah mengenai dengan pelarian orang-orang Islam ke negara kita khususnya ke Kedah, Perlis dan juga ke Perak. Saya tidak tahu hendak sebut apa-apa di sini malah berharap pihak yang berkenaan iaitu Kerajaan kita—Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kita supaya lebih memerhati kesah-kesah ini walaupun telah disuarakan oleh pihak Kerajaan-kerajaan Negeri Kedah dan Perak mengatakan ini sebenarnya bukanlah satu beban yang harus dipikul oleh negeri-negeri ini tetapi adalah satu amalan ataupun tanggungjawab yang mesti dipertanggungjawabkan oleh pihak yang berkenaan iaitu Kerajaan Persekutuan tetapi malangnya, usaha-usaha ini nampaknya bukanlah saya kata gagal, nampaknya menjadi satu pikulan yang bertambah dari sehari ke sehari, kerana pelarian itu walaupun kita kesan mereka adalah sebagai pelarian orang-orang Islam tetapi menjadi tandatanya pula dan harus berbangkit kebimbangan benar-benar sama ada orang ini orang Islam atau benarkah orang ini pelarian hanya menjadi sebagai satu helah hendak mencari rahsia ataupun hendak membuat sesuatu dalam negara kita. Mungkin pada peringkat yang mula mereka itu datang oleh sesuatu sebab kerana pelarian yang kita sebutkan desakan ataupun perbuatan-perbuatan komunis. Tetapi dari semasa ke semasa bilangan ini telah bertambah dan saya melahirkan rasa bimbang kerana bila sudah disuarakan oleh pihak Kerajaan Malaysia bahawa kita akan memelihara mereka secara berperni kemanusiaan dan pada pendapat saya, harus di antara mereka itu sudah, bukan sahaja menjadi orang pelarian tetapi harus menjadi orang pengintip terhadap apa yang ada dalam negara kita dan apa yang sedang dan hendak dibuat oleh Kerajaan Malaysia terhadap orang-orang itu.

Jadi kita telah mendengar beberapa wawancara telah dikeluarkan di antara pihak Kerajaan atau pihak yang berkuasa dengan ketua-ketua mereka itu dengan mengatakan adakah tuan-tuan ingin balik setelah mendapat jaminan daripada Kerajaan Thailand, bahawa tuan-tuan akan balik ke sana dan akan dikawal keselamatan dan tidak akan diambil apa-apa tindakan. Begitulah lebih kurang maksudnya. Ketua-ketua

mereka itu, kita dapat mendengar menjawab dengan lantang mengatakan bahawa kami tidak mahu balik lagi selagi apa-apa yang telah dijanjikan oleh pihak Kerajaan mereka tidak ditunaikan. Mereka bukan sahaja takut kepada komunis tetapi ada satu lagi kumpulan yang mereka takuti ialah orang-orang yang menjadi orang Kerajaan juga. Jadi di sinilah timbul kepada kita keadaan serba salah bagi Kerajaan kita apa yang harus kita buat kepada mereka. Kalau kita hantar mereka pulang, mereka harus diburu oleh komunis, malahan bukan sahaja diburu oleh komunis tetapi mungkin diburu oleh satu kumpulan lagi yang kononnya orang-orang yang menganggap mereka itu membantu komunis dan pihak Kerajaan di sana tetap sekali akan mengambil tindakan terhadap mereka. Namun begitu, itu bukanlah soal kita sebenarnya dan saya tegaskan bahawa itu bukan soal Kerajaan Negeri. Soal ini adalah terletak kepada Kerajaan Pusat untuk menyelesaikannya supaya janganlah menjadi beban kepada dua buah Kerajaan Negeri iaitu Kedah dan Perak, sebaliknya kalau boleh diselesaikan lebih awal adalah lebih bermakna dan lebih berjaya kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya ramai juga saudara-saudara saya sudah bercakap mengenai dengan pegangan Islam sehingga diberi cadangan supaya Kerajaan bertindak mengenai dengan tatasusila bangsa Melayu, berketurunan Melayu dan beragama Islam. Saya tidaklah hendak menyentuh panjang, sekadar mengatakan, kita mempunyai hak sendiri, setiap orang mempunyai hak dan kalau dia sedar dan sayangkan kepada ugamanya, dia harus akan berpegang teguh kepada ajaran ugamanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, satu minit lagi.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir:** Ya, terima kasih, saya berkata terpulanglah kepada kita, kita tak boleh salahkan bahawa tahun ini ada orang memeluk anjing, memegang anjing dan mencium anjing dan menyanyi lagu anjing. Itu bagi saya siapa yang ingin hendak menyanyi lagu anjing-nyanyilah, tetapi siapa yang mahu

memegang dan memeluk dan mempercayai agama Islam, wajiblah ia patuh kepada ajaran agama Islam. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Alex Lee.

5.13 *ptg.*

**Tuan Alexander Y. L. Lee:** Tuan Yang di-Pertua, saya merasa sukacita kerana diberi penghormatan dan kesempatan untuk menyokong saranan yang telah dibentangkan di Dewan ini oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan atas kejayaan yang telah dicapai di bawah Dasar Ekonomi Baru. Di antara kita yang pernah menjadi Ahli Majlis Perundingan Kebangsaan dan Majlis Perpaduan Penasihat Kebangsaan dalam tahun 1970 tentu tidak dapat membayangkan bahawa Dasar Ekonomi Baru akan mencapai kejayaan yang sungguh cemerlang. Dasar Ekonomi Baru telah dua kali diuji dalam Pilihanraya Umum dan pada kedua-dua kali Barisan Nasional telah menang dengan mendapat sokongan majoriti.

Pada masa itu kita tidak dapat membayangkan bahawa perkembangan ekonomi, bumiputra akan mencapai kadar lebih 30 peratus setahun. Kita juga tidak dapat membayangkan kaum bumiputra dan agensi mereka akan dapat menguasai sebahagian ekonomi seperti kini. Kini kita dapati di dalam sektor perlombongan, kumpulan perlombongan yang terbesar sekali adalah dikuasai oleh sebuah Institusi Bumiputra. Dalam sektor perladangan beberapa syarikat ladang utama juga dikawali oleh Institusi-institusi Bumiputra, malah sebahagian besar kawasan-kawasan ladang-ladang ini dikuasai oleh pihak FELDA dan RISDA di mana sebahagian besar peneroka-penerokanya terdiri dari kaum bumiputra. Dalam sektor urusan bank Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah mengumumkan baru-baru ini yang lebih 70 peratus dari ekuiti bank-bank tempatan dipegang oleh kaum bumiputra dan Institusi-institusi Bumiputra. Malah dua buah bank yang terbesar di negara kita adalah dikuasai oleh Institusi-institusi Bumiputra. Dalam sektor petroleum pula, Petronas

adalah dikuasai oleh pengurusan bumiputra. Begitu juga dalam Industri Persuratkhabaran, Kumpulan Suratkhbar yang terbesar sekali adalah dikuasai oleh kaum bumiputra.

Malah jika kita lihat di sekitar Kuala Lumpur sebilangan besar daripada bangunan-bangunan tinggi sama ada yang telah siap ataupun yang di dalam proses pembinaan dimiliki oleh bumiputra dan Institusi-institusi Bumiputra. Sepuluh tahun yang lalu, tiada sebuah pun bangunan yang tinggi yang dimiliki oleh komuniti bumiputra. Kini boleh dikatakan hampir lebih \$1 billion daripada nilai bangunan-bangunan tinggi ini dimiliki oleh kaum bumiputra, mungkin lebih daripada yang dimiliki oleh kaum bukan bumiputra.

Jadi kalau kita berhenti sejenak dan mengkaji kembali kejayaan Dasar Ekonomi Baru, yang sepatutnya kita lakukan oleh kerana kita masih di separuh jalan dalam tempoh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, kita akan merasa kagum di atas kejayaan yang telah kita anggap seperti biasa.

Kejayaan ini juga wujud kerana adanya kerjasama dan sokongan Rakyat Malaysia sama ada dari sektor kerajaan ataupun swasta, bumiputra ataupun bukan bumiputra sama ada warganegara Malaysia ataupun tidak. Sebagaimana yang disarankan oleh sebuah majalah asing yang menerangkan kejayaan Dasar Ekonomi Baru adalah merupakan satu perubahan yang memerlukan revolusi tetapi kita telah mencapainya dengan semangat Rukunegara, kesabaran, persefahaman dan kemakmuran yang wujud di kalangan rakyat Malaysia.

Walaupun kita masih mendengar kritik-kritik dari Ahli-ahli politik yang tidak bertanggungjawab yang mengatakan bahawa pihak bukan Melayu tidak menyokong Dasar Ekonomi Baru, saya dapat tegaskan di sini Dasar Ekonomi Baru tidak akan dapat mencapai kejayaan cemerlangnya setakat ini tanpa sokongan penuh dari kaum bukan Melayu. Kaum bukan Melayu telah menerima Dasar Ekonomi Baru, dan kini telah menerima kaum bumiputra sebagai setaraf dengan mereka tanpa sebarang sekatan.

Kaum bukan Melayu juga gembira dengan pertambahan kekayaan di kalangan bumiputra. Kalau kaum bumiputra mendapat kekayaan, negara seluruhnya akan bertambah mewah dan ini akan menjadikan kaum bukan Melayu lebih meriah dan kita dapat lihat dari angka-angka di Rancangan Malaysia Keempat bahawa kadar kemiskinan telah turun bukan hanya di kalangan bumiputra tetapi juga di kalangan bukan Melayu. Walau bagaimanapun masih ada beberapa bidang lagi yang mana penyertaan bumiputra atau kadar peratus bumiputra masih belum mencapai kadar 30 peratus, tetapi kita ada 10 tahun lagi dan saya yakin dengan kadar pertumbuhan ini, pihak Kerajaan akan mencapai matlamat 30 peratus penyertaan bumiputra di dalam kegiatan-kegiatan ekonomi dalam tahun 1990. Saya rasa adalah satu perkara yang memalukan bahawa sebelum kadar 30 peratus dicapai telah ada pula pihak meminta bahagian 51 peratus daripada ekonomi negara. Ini bertentangan dengan Dasar Ekonomi Baru dan akan hanya mengecohkan keharmonian yang sangat perlu untuk kejayaan polisi yang ada.

Sebagaimana yang saya jelaskan tadi saya yakin bahawa statistik-statistik dalam tahun 1990 nanti akan mencerminkan kejayaan Dasar Ekonomi Baru. Walau bagaimanapun statistik dan angka-angka tidak mencukupi bagi mewujudkan perpaduan yang diperlukan. Kita tidak semestinya lupa bahawa Dasar Ekonomi Baru dirumuskan selepas kejadian 13 May 1969, di mana Majlis Perundingan Kebangsaan dan Majlis Perpaduan Penasihat Kebangsaan terpaksa mencari satu formula yang dapat mengekalkan perpaduan perkauman dan kemakmuran di dalam negara. Jadi dasar ini ialah suatu dasar untuk perpaduan dan juga telah diputuskan bahawa dua perkara penting dasar tersebut, iaitu menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dijadikan asas untuk mencapai perpaduan di antara kaum di dalam negara.

Rancangan Pembangunan yang dibentangkan di bawah Dasar Ekonomi Baru adalah rancangan perpaduan. Kita tidak dapat menafikan bahawa kita telah sedikit sebanyak mencapai kejayaan dalam

mewujudkan perpaduan dalam negara dan perasaan syak wasangka yang wujud di kalangan kaum dalam 1969 telah kini dapat dikurangkan. Suratkhbar negara asing yang selalunya bersikap critical juga telah mengaku akan kejayaan ini. Setelah mencapai kejayaan di peringkat awal dan kita kini di separuh jalan, decade yang akan datang akan menentukan sama ada usaha-usaha kita selama ini akan berjaya ataupun tidak.

Pada pandangan saya, kita tidak lagi menumpukan kepada statistik sahaja tetapi kita harus memberi tumpuan kepada kawasan-kawasan penyebaran supaya kita dapat meninggikan taraf kehidupan kaum bumiputra dan bukan bumiputra di seluruh negara. Anggaran purata pendapatan tidak semestinya memberi gambaran yang tepat. Contohnya, kalau seseorang mempunyai pendapatan \$1 juta dalam setahun dan seorang lain tidak mempunyai pendapatan langsung, pendapatan purata di antara keduanya ialah \$500,000 setahun dan ini adalah gambaran yang tidak benar oleh kerana salah seorang tidak mempunyai apa-apa pendapatan. Di kalangan kaum Cina tidak semestinya benar kerana distribusi pendapatan di kalangan mereka tidak sama rata. Ianya tidak menimbangkan bahawa lebih 50% daripada penduduk berketurunan Cina tinggal di bandar-bandar di mana kadar hidupnya lebih tinggi daripada kawasan luar bandar.

Saya berpendapat bahawa pembangunan masa depan hendaklah ditumpukan di kawasan-kawasan yang mempunyai taraf kemiskinan yang tinggi. Selepas 10 tahun Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan negeri-negeri yang miskin negeri-negeri Kelantan, Kedah, Trengganu dan Perlis. Malah kadar kemiskinan di negeri Kedah, Kelantan dan Trengganu melibehi 50% dan hampir 50% di Perlis. Dasar ini juga mengakui bahawa sektor-sektor yang paling miskin adalah sektor kaum petani dan nelayan. Jadi kita harus memberi tumpuan untuk meninggikan taraf hidup mereka yang tinggal di kawasan-kawasan ini tanpa mengira kaum dan oleh kerana sebahagian besar daripada penduduknya yang terlibat di dalam sektor ini adalah bumiputra sudah tentu bantuan yang diberi di salurkan kepada

mereka. Dengan demikian kita dapat menentukan bahawa kumpulan-kumpulan yang benar-benar memerlukan bantuan akan menerima bantuan yang terbanyak sekali.

Kerajaan sedar tentang perlunya distribusi yang lebih rata. Kerajaan telah berjaya dalam mengadakan ahli-ahli perniagaan bumiputra dan juga menambahkan bilangan pengurus dan pakar-pakar. Sektor bumiputra telah meliputi 51% bidang professional dan pekerja teknikal dan penglibatan kaum bumiputra dalam peringkat pentadbiran dan pengurusan telah meningkat daripada 24% kepada 32% dalam tahun-tahun 1971 hingga 1980 dan mereka juga meliputi 45% jumlah pekerja-pekerja pengeluaran, bukan pertanian dalam tahun 1980, jika dibandingkan dengan 34% sahaja dalam 1970.

Pelancaran Rancangan Amanah Saham Nasional adalah suatu langkah baik kerana ia membolehkan sebilangan besar daripada saham yang dipegang oleh Kerajaan sebagai amanah untuk bumiputra kini dapat disebarkan di kalangan masyarakat bumiputra dan saya sungguh berharap bahawa mereka yang kurang berada akan turut lebih-lebih lagi mereka dari negeri-negeri yang kurang maju oleh kerana rancangan ini akan membantu mereka untuk mengumpul modal sebelum tahun 1990.

Golongan sederhana bukan Melayu: bantuan yang diberi kepada kampung baru seperti dinyatakan di dalam Dasar Ekonomi Malaysia ialah hanya memperbaiki infrastruktur-insfrastruktur dan walaupun Rancangan Malaysia Ketiga telah menyediakan pertambahan golongan bukan Melayu di sektor pertanian dari statistik-statistik didapati penglibatan bukan Melayu dalam sektor ini telah sebaliknya berkurangan. Sangat sedikit tanah tambahan diberikan kepada penghuni-penghuni di kampung-kampung baru. Pendapatan di kalangan kaum Cina yang paling miskin meningkat di antara kadar 8.4% di antara 1971-1979 yang hanya melebihi sedikit kadar inflasi di dalam tempoh itu.

Sebilangan besar dari rakyat telah menyokong Dasar Ekonomi Baru kerana Dasar ini memberi mereka harapan dan ransangan. Telah terdapat tambahan kekayaan di negara secara am tetapi untuk memberi seseorang

penduduk rasa ia warganegara yang sebenar ia harus diberi peluang untuk memperbaiki dirinya dan bahawa anak-anaknya juga akan berpeluang untuk lebih memperbaiki diri mereka. Dari segi ini, kaum bukan bumiputera akan terus menyokong Dasar Ekonomi Baru jika ia ketahui harapan-harapannya akan tercapai. Ada beberapa segi tentang rancangan ini yang ingin saya sentuh yang saya harap menerima penjelasan dari Menteri-menteri yang berkenaan.

Pertamanya, saya ingin menyentuh mengenai perumahan. Kami semua telah mengharapkan bahawa suatu dasar kebangsaan tentang perumahan akan diumumkan di dalam Rancangan Malaysia Keempat. Tetapi malangnya bahagian mengenai perumahan sungguh mengecewakan, elemen utama dalam mengatasi masalah perumahan ini ialah menyediakan tanah yang cukup. Dalam bahagian mengenai perumahan tidak disebut langsung tentang bagaimana tanah akan diperuntukkan untuk perumahan. Kita semua ketahui bahawa satu daripada masalah terbesar di dalam pembinaan rumah ialah keengganan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menukar tanah pertanian untuk perumahan dan disalah sebuah negeri seorang pemaju perumahan terpaksa melalui 143 langkah sebelum pelannya diluluskan oleh Majlis Eksekutif Negeri. Di kebanyakan negeri kelulusan ini mengambil lebih kurang 3 tahun atau lebih, ini adalah perkara utama di dalam masalah tetapi langsung tidak disebut.

Keduanya terdapat peruntukan sebanyak \$1.4 billion untuk perumahan awam. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga \$1.7 billion telah diperuntukkan tetapi yang dibelanjakan hanyalah \$1.3 billion. Jadi hanya pertambahan \$100 juta yang sebenarnya dibelanjakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Dengan kenaikan kos pembinaan ini bermakna lebih kurang unit-unit rumah yang akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Keempat secara am kalau \$20,000 digunakan untuk membina sebuah rumah, hanya 70,000 unit dapat dibina, walaupun Rancangan tersebut memperuntukkan untuk 176,500 unit rumah kos rendah dibina oleh sektor awam.

Setakat ini sektor swasta sepatutnya membina sejumlah 525,000 unit. Kalau secara kasar pembiayaan seunit sebanyak \$50,000

ini bermakna pembiayaan bagi sektor swasta akan berlebihan sebanyak \$25 billion setahun. Jumlah bantuan kewangan yang disediakan oleh institusi-institusi kewangan hanya berjumlah \$3 billion di hujung tahun 1980 dan saya ingin mengetahui dari manakah pembiayaan yang lebih ini akan ditimbulkan bagi membolehkan sektor persendirian mencapai tujuan ini. Adalah jelas sektor bank terpaksa berkembang bagi memenuhi keperluan ini. Garis-garis panduan Bank Negara Malaysia ialah 10% daripada jumlah pinjaman institusi kewangan mesti disalurkan kepada peminjam perumahan dan kalau \$5 billion mewakili 10% sektor bank terpaksa mengeluarkan \$50 billion setahun. Jumlah pinjaman dan pendahuluan daripada keseluruhan urusan bank pada penghujung tahun 1980 meningkat hanya sebanyak \$20 billion.

Tentang soal pekerjaan saya hairan melihat jadual 9-6 di mana bilangan Cina dalam peringkat pentadbiran dan pengurusan pada tahun 1980 ialah 29,200, walhal dalam tahun 1985 bilangan ini dijangkakan jatuh kepada 28,900 dan pada tahun 1990 bilangan yang dijangkakan ialah hanya 29,400. Ini bermakna hanya terdapat pertambahan sebanyak 200 orang kaum Cina dalam peringkat pentadbiran dan pengurusan dalam 10 tahun akan datang. Saya tidak tahu sama ada kesilapan dibuat oleh pihak yang menulis Rancangan ini.

Bidang pelajaran merupakan bidang yang sangat sensitif di mana bilangan kemasukan bukan Melayu ke universiti ditetapkan pada kadar 32%. Dalam jadual yang disediakan jumlah pengambilan pelajar ke universiti di peringkat rendah termasuk bilangan yang ada di luar negeri. Sebagaimana yang kita ketahui kini telah menjadi kian sulit menghantar penuntut-penuntut ke luar negeri kerana pembiayaannya mahal dan untuk mendapatkan tempat juga amat susah. Kesulitan ini bertambah lagi dengan kemerosotan bahasa Inggeris kerana penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di segala peringkat sistem pelajaran kita. Masalah inilah yang mempengaruhi sikap bukan Melayu daripada yang lainnya. Seorang penjaja akan terus menjaja dan berdiri di tepi jalan dalam hujan atau panas kalau ia rasa dengan bekerja keras dia akan berpeluang menghantar anaknya ke

universiti untuk menjadi seorang doktor atau jurutera. Sekiranya ia dapati anaknya itu tiada harapan untuk berjaya ke peringkat ini dan anak itu akan menjadi seorang penjaja seperti ini maka sikapnya terhadap negara juga turut berubah.

Sepuluh tahun yang lalu, seorang penuntut dengan tiga atau empat 'A' dalam peringkat Sijil Persekolahan adalah seorang yang sungguh luar biasa dan sudah tentu mendapat tempat di Tingkatan Enam, tetapi pada hari ini tiga atau empat 'A' di kalangan bukan Melayu adalah perkara biasa dan walaupun demikian penuntut ini mungkin tidak mendapat tempat di Tingkatan Enam. Saya ingin mencadangkan, supaya pihak Kerajaan memberi pertimbangan yang serius mengenai masalah ini yang kini bertambah ketara di kalangan anak-anak muda negara ini.

Saya rasa sukacita kerana Menteri Pelajaran memberi perhatian berat kepada kurikulum pelajaran peringkat rendah dan sedang cuba memperbaiki tarafnya setelah didapati lebih kurang 50% daripada kanak-kanak di sekolah rendah masih buta huruf. Dalam konteks ini saya rasa hairan mengapa di peringkat sekolah rendah, bilangan murid-murid di antara lingkungan umur 6 hingga 11 tahun bertambah hanya 0.8% tetapi jumlah penduduk pada keseluruhannya bertambah pada kadar 2.8% setahun. Ke manakah perginya kanak-kanak tadi?

Bagi kaum Cina di luar bandar, langkah-langkah yang lebih harus diambil bagi mewujudkan peluang untuk ramai lagi penduduk-penduduk bukan Melayu berpindah ke luar bandar. Angka-angka yang diberikan di Dewan ini bagi soalan-soalan awalan tentang bilangan bukan Melayu di dalam rancangan-rancangan FELDA menunjukkan hanya sebilangan kecil saja yang menyertai rancangan-rancangan ini. Saya ingin meminta Kerajaan mengambil langkah-langkah tertentu untuk menambahkan bilangan pengambilan bukan Melayu ke dalam rancangan ini. Kebanyakan sayur-sayuran yang kita makan adalah hasil dari petani-petani kampung-kampung baru dan saya ingin menyeru Kerajaan supaya membuka lebih banyak tanah pertanian bagi mempertingkatkan pengeluaran makanan negara.

Akhir sekali kita mesti menumpukan bantuan kepada peniaga-peniaga kecil. Kekuatan masyarakat Malaysia terletak pada masyarakat menengah yang stabil dan golongan ini terdiri daripada beribu-ribu peniaga kecil dan ahli-ahli usahawan. Malah kekuatan masyarakat Cina ialah berdasarkan perniagaan keluarga secara kecilan. Janganlah kita ganggu sektor ini dengan mengenakan garis panduan dari Dasar Ekonomi Baru dan memaksa mereka merombak sistem mereka yang sedia ada. Sebaliknya biarlah kita beri mereka galakan melalui bantuan dan insentif supaya menjelang 1990 kita mempunyai kelas menengah yang kukuh menghadapi cabaran ekonomi 1980an.

Rancangan tersebut adalah sebahagian daripada polisi menyatu-padukan rakyat. Satu jalan yang pasti bagi tujuan ini ialah semua rakyat Malaysia sama ada kaya atau miskin mempunyai bahagiannya dalam negara. Masalahnya ialah dalam. . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

**Tuan Alexander Y. L. Lee:** Satu minit. Masalah yang akhir sekali ialah dalam mengurangkan kemiskinan dalam menyusun semula masyarakat. Program-program dalam menyusun semula masyarakat telah berjalan dan kedudukan bumiputera telah diperkukuhkan. Jangka kerja juga telah diadakan bagi menentukan jangkaan penglibatan bumiputera dalam sektor ekonomi dapat dicapai.

Sebagai penutup saya ingin sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Kerajaan di atas kejayaannya dan saya dengan sukacita menyokong Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan untuk meluluskan Rancangan Malaysia Keempat.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Dato Haji Mahmoud Salim.

5.44 ptg.

**Dato Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga walaupun terakhir bangun untuk

membahaskan Rancangan Malaysia Keempat sebagaimana yang telah diusulkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara Rancangan Malaysia Keempat ini adalah satu perkara yang besar dan satu perkara yang agung, satu perkara yang memang menjadi impian kepada rakyat seluruhnya di negara ini. Maka kedatangan Rancangan Malaysia Keempat adalah sebagai satu hadiah yang mana hadiah ini kalau sekiranya dapat kita gunakan dengan betul-betul maka insya Allah bumi Malaysia akan menjadi negara yang makmur, negara yang aman, negara yang kaya-raya, yang hilang daripada segala kejahatan dan penyakit. Tetapi kalau sekiranya sebagaimana perjalanan yang lepas kerana kita sedar dan kita sudah mengalami sebelum daripada kedatangan Rancangan Malaysia Keempat ini telahpun berlalu Rancangan-rancangan Malaysia Pertama, Kedua dan Ketiga. Walaupun rancangan-rancangan ini menemui kejayaan tetapi banyaklah perkara-perkara yang tidak dapat dijalankan di dalam Rancangan Malaysia yang lepas itu.

Perkara-perkara yang tersebut nyata diterangkan di dalam Rancangan Malaysia Keempat. Seumpamanya, Tuan Yang di-Pertua, masalah perumahan. Masalah perumahan adalah menjadi masalah pokok kepada kemajuan negara dan inilah yang dititikberatkan dalam Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga tetapi di dalam Rancangan Malaysia Kedua masih didapati 133,000 unit rumah yang ketinggalan tidak dibuat. Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga pula masih ada 235,000 unit yang berjumlah kedua-duanya 368,000 unit. Maka di dalam Rancangan Malaysia Keempat ini dianggarkan dalam bahagian perumahan ini adalah 923,300 unit, Tuan Yang di-Pertua.

Inilah yang sangat-sangat saya bimbang. Jang-jangan apa yang tercatat di dalam Rancangan Malaysia Keempat itu akan berlaku lagi sebagaimana yang telah berlaku di dalam Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga. Tetapi saya berpegang teguh kepada kata-kata di dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di dalam Dewan Rakyat pada 27-3-1981 dan kepada

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr Mahathir juga di dalam Dewan Rakyat, yang mana Dato Seri Dr Mahathir ada menyebutkan:

“Bagi melaksanakan Rancangan Malaysia Keempat yang besar ini, Kerajaan telah membuat beberapa perubahan dengan tujuan memperbaiki lagi jentera pentadbiran di segenap peringkat. Cara-cara pentadbiran yang lama akan diketepikan dan diganti dengan peraturan-peraturan baru.”

Jadi saya mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr Mahathir yang telah begitu tegas menyatakan di dalam ucapannya itu cara-cara pentadbiran lama akan diketepikan dan digantikan dengan peraturan-peraturan baru yang mana saya percaya peraturan-peraturan lama yang menyebabkan Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga tidak berjalan dengan begitu lancar, tentu sekali ada di dalam pengetahuan Jemaah Menteri lebih-lebih lagi di dalam hati Timbalan Perdana Menteri kita. Maka inilah yang akan dibaiki oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menerusi Jemaah Menteri, mudah-mudahan Rancangan Malaysia Keempat akan berjalan lancar dan terus dengan tidak ada apa-apa halangan dan boleh sampai kepada matlamat yang digariskan kepadanya.

Banyak perkara-perkara yang patut saya berucap di dalam Dewan yang mulia ini, tetapi oleh kerana masa dihadkan 20 minit, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak cakap, selain daripada menyebutkan butir-butirnya. Saya juga suka menyebutkan apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di dalam ucapan itu di dalam para 19 dan 23. Katanya, “Usaha-usaha bagi menambah penyertaan bumiputra di dalam lapangan perniagaan dan perindustrian akan ditingkatkan lagi melalui kemudahan pinjaman, bantuan teknik dan program pembangunan usahawan. Mutu kehidupan masyarakat di bandar dan luar bandar akan diperbaiki lagi. Kerajaan akan melaksanakan program-program perumahan kos rendah bagi keperluan pendapatan rendah”. Jadi Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri kita kasihan kepada orang-orang yang berpendapatan rendah apakala beliau melihat di dalam Rancangan Malaysia Kedua, Ketiga, begitu banyak ketinggalan rumah-rumah yang tidak dibuat. Jadi sekarang ini barangkali dengan langkah yang baharu dan dengan peraturan yang baharu dapatlah dilaksanakan.

Apa yang saya hendak mengingatkan kepada Kerajaan kita bukan sahaja dengan terdirinya rumah-rumah kos rendah, tetapi satu daripada rancangan yang ada itu ialah pemulihan kampung. Pemulihan kampung sebagaimana di dalam Rancangan Malaysia Ketiga adalah diberi bantuan kepada rumah-rumah orang yang miskin sebanyak \$1,000.00 untuk membaikinya. Wang ini telah dikeluarkan \$100 juta, maka alhamdulillah banyaklah rumah-rumah orang-orang miskin yang hampir-hampir tumbang ataupun hampir-hampir ranap itu telah dapat ditegakkan kembali, tetapi kemiskinan itu ada bermacam-macam cara, kemiskinan bukanlah boleh diatasi dengan \$1,000.00. Bantuan \$10,000.00 ini kemiskinan yang biasa sahaja, kemiskinan seumpama tangganya itu tidak berapa betul bolehlah diberi \$1,000.00 betulkan tangganya itu. Dindingnya barangkali condong maka boleh dibetulkan dinding rumah itu tetapi ada golongan yang miskin seumpama janda-janda tua, kita baca dalam suratkhobar, Tuan Yang di-Pertua, dia itu hendak menanggung anak-anaknya, rumahnya itu bukan disifatkan rumah tetapi seumpama dangau. Dangau orang-orang Asli di dalam hutan sahaja.

Adakah memada dengan \$1,000.00. Jadi inilah saya menyeru kepada Kerajaan kita jangan dihadkan \$1,000.00 untuk membantu orang-orang yang seumpama ini hatta \$10,000.00 pun harus dibelanjakan daripada wang negara. Tidak ada siapapun daripada penduduk-penduduk negara ini akan berasa marah apakala Kerajaan membelanjakan wangnya \$10,000.00 kerana menegakkan sebuah rumah kepada mak janda yang mempunyai anak-anak yang ramai dan menyara hidup mereka. Tetapi dengan keadaan hari ini kebanyakan pegawai-pegawai yang ada itu, sebagaimana yang dikatakan oleh sahabat-sahabat yang dahulu mereka terima perintah begitu, begitulah dia

buatnya dengan tidak menggunakan fikirannya sendiri. Katanya perintah ini ialah membelanjakan \$1,000.00. Apa boleh buat kita keluar \$1,000.00 padahal dia sebagai seorang pegawai patut membuat laporan, membuat report, dia membelanjakan \$5,000.00 dia belanjakan \$10,000.00 kerana ini biar dia bertanggungjawab. Apakah salahnya? Dia bertanggungjawab kepada pihak Kuala Lumpur ini dan orang sini takkanlah hendak soal (query) yang bukan-bukan kepada dia kerana duit itu bukan dia makan tetapi dia menyempurnakan tugasnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap pada masa yang akan datang rumah-rumah seumpama ini iaitu yang dikatakan pemulihan rumah-rumah sama-sama dipertahankan dan sama-sama diperjuangkan di dalam Malaysia Keempat. Adapun berkenaan rumah-rumah murah ini, sayapun tidak tahulah sebab banyak benar orang bercakap. Tetapi satu perkara yang saya hairan dan saya tidak tahu macam mana perkara yang seumpama ini boleh berlaku. Mengikut di dalam peraturan perumahan, Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang Perumahan tidak membenarkan pemaju-pemaju perumahan itu menaikkan harga rumah di dalam perjanjian. Tetapi ada di antara pemaju-pemaju perumahan itu tidak menghiraukan Undang-undang ini, mereka masih lagi meletakkan satu syarat di dalam perjanjian yang dibuat itu iaitulah pemaju perumahan boleh menaikkan harganya dengan alasan-alasan yang tertentu. Yang hairan sekali perjanjian itu disahkan oleh pihak Kementerian. Inilah perkara-perkara yang susah hendak kita memikirkan di sini bagaimanakah kalau sekiranya di dalam satu undang-undang menegah perkara itu tetapi perkara ini boleh berlaku dan disahkan oleh Kementerian apa dibuat oleh pemaju perumahan. Orang Trengganu kata bila hendak menjadi "sendek" perkara ini, bila hendak jadi molek perkara yang seumpama ini, perjalanan dalam macam ini, patutnya apa yang ada di dalam undang-undang ikutlah begitu, undang-undang telah dibuat dalam tahun 1966 dan tidak ada pindaan apa-apa. Undang-undang lain boleh dikatakan tiap-tiap kali Dewan bersidang ada sahaja pindaan hinggalah Perlembagaan Malaysia ini sudah berapa kali dipinda. Lusa hendak

dipinda Perlembagaan Malaysia tetapi Undang-undang Pelesen Perumahan dan Pemaju ini yang dibuat dalam tahun 1966 kekal begitu; tidak payah dipinda dan tidak payah diubah. Sayapun hairan juga, tentulah perkara ini sudah out of date. Patutlah dibawa ke sini untuk dipinda sebab zaman sekarang ini bermacam kerumitan sudah berlaku. Jadi saya harap pihak Kerajaan tolong tengok sedikit.

Saya tadi menegaskan, di dalam Dasar Ekonomi Baru ini ialah tiga perkara yang mesti dibasmikan. Yang pertama kejahilan, kedua kemiskinan dan yang ketiga penyakit. Kalau hilang yang tiga perkara ini baharulah rakyat negara itu akan menjadi aman, makmur dan riang-gembira.

Tentang kejahilan ini, Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya banyak sekali menegur Kementerian Pelajaran yang boleh dikatakan tiap-tiap kali bersidang ada sahaja saya menegur Kementerian Pelajaran, tetapi bukanlah saya menegur Kementerian Pelajaran itu kerana saya dengki ataupun kerana saya benci ataupun kerana sakit hati, tetapi semata-mata kerana ikhlas saya supaya pihak Kementerian mengambil satu kesedaran di atas apa yang saya telah timbulkan itu.

Maka saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pelajaran dengan sebab usaha dan jasa-jasanya telah mendirikan begitu banyak sekolah-sekolah di dalam Malaysia kita ini sama ada di Malaysia Timur ataupun di Semenanjung Malaysia. Macam mana kita tidak berterima kasih kepada Kementerian Pelajaran; di dalam Rancangan Malaysia Keempat ini Kementerian akan menyediakan 12,800 bilik darjah lagi—8,700 bilik darjah untuk Sekolah Menengah dan 12,000 bilik darjah untuk Sekolah Rendah; akan mendirikan lagi 9 buah Sekolah Menengah baru dan 7 buah lagi Sekolah Menengah, sebagai sambungan kepada Rancangan Malaysia Ketiga; 395 buah Sekolah Rendah baru dan 10 buah sekolah Menengah Rakyat yang diambil alih di samping 13 yang telah diambil dahulu.

Ini adalah satu perkara yang bagus, perkara yang patut kita puji iaitu mendirikan 395 buah Sekolah Rendah baru dan

rancangan Kementerian Pelajaran pula sekarang ini mencantumkan sekolah-sekolah menjadi satu.

Dahulu di dalam Dewan ini banyak dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan, saya sendiri acap kali telah membangkitkan bagaimana pihak Kementerian bertanggungjawab membiarkan anak-anak kita di hulu-hulu sungai dengan sebab jauh daripada sekolah, mereka itu menyeberangi sungai, sampannya terbalik, kanak-kanak itu mati; mereka itu berjalan di celah-celah lorong-lorong, bukit-bukit; maka mereka itu dihendap oleh harimau dan sebagainya. Maka inilah saya merayu; anak-anak kita yang di pendalaman, di hulu-hulu sungai dan sebagainya beginilah nasibnya, mereka tidak menikmati kemerdekaan. Tetapi alhamdulillah sama ada daripada inisiatif dia sendiri ataupun dia sedar daripada ucapan-ucapan Ahli-ahli Dewan dan sebagainya maka alhamdulillah sekarang timbul masalahnya, di luar-luar bandar sana hendak diadkan sekolah-sekolah yang berasrama; sekolah-sekolah rendah hendaklah dicantumkan, banyak-banyak sekolah jadikan satu, didirikan asrama. Kanak-kanak yang jauh itu bolehlah ditempatkan di situ. Di sini sekali lagi saya mengucapkan syabas dan mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran kerana usahanya itu adalah memberi kebajikan kepada anak-anak kita.

Selain daripada itu sebagai langkah yang kedua mendirikan pula sekolah-sekolah agama dan mengambil sekolah agama. Dahulu Kerajaan sudah mengambil tiap-tiap negeri sebuah Sekolah Menengah Agama dijadikan sekolah Kementerian, iaitu diajarkan matapelajaran agama Islam dan bahasa Arab di samping sekolah-sekolah Arab di negeri masing-masing. Sekarang ini Kerajaan akan mengambil 10 buah lagi dalam Rancangan Malaysia Keempat. Sepuluh dengan tigabelas menjadi duapuluh tiga. Sebagaimana yang saya baru berucap dalam Dewan ini, saya membawa kenyataan daripada Pengarah Pelajaran Negeri Sembilan berkenaan dengan anak-anak kita di Sekolah Rendah tidak pandai sembahyang, tidak pandai beruduk dan sebagainya. Saya percaya pihak Kementerian akan mengambil

langkah itu dan di samping saya memuji-muji langkah dia mengambil Sekolah Menengah Ugama ini, pada pendapat saya lebih baik jangan diambil begitu, telampau slow; 10 buah dalam Rancangan Malaysia Keempat padahal Kementerian Pelajaran telah sekarang ini merancang akan menubuhkan Jabatan Pelajaran di tiap-tiap Daerah. Ini sebagai melaksanakan satu rancangan kemajuan pihak Kementerian pula, bukan Pejabat Pelajaran akan diadakan di tiap-tiap negeri tetapi di tiap-tiap daerah. Buat masa sekarang ini dicadangkan supaya didirikan sekurang-kurangnya 57 buah Pejabat Pelajaran. Jabatan Pelajaran Negeri akan mempunyai seorang Pengarah, 2 Timbalan Pengarah, 9 Ketua Pengarah, 8 Penolong Pengarah dan Penyelia-penyelia. Yang ada sekarang ini seorang Pengarah, seorang Timbalannya, seorang Penyelia Kanan dan Penyelia dan kakitangan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** Sedikit lagi tidak boleh?

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Tidak boleh!

**Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** Jadi begitulah, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan banyak perkara yang saya hendak bercakap tetapi oleh kerana masa 20 minit, apa hendak dibuat. Saya berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya bercakap. Walau bagaimanapun, saya berharap walaupun rayuan saya ini pendek akan mendapat perhatian daripada pihak Kerajaan.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.05 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sains,  
Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng**

**Ding):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 10.00 malam.

**Tan Sri Lee Boon Chin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 10.00 malam.

### RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT 1981-1985

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Tan Chang Soong.

6.06 ptg.

**Tuan Tan Chang Soong:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangkit menyokong usul menerima Rancangan Malaysia Keempat. Bagaimanapun, saya ingin membuat beberapa komen.

Rancangan Malaysia Keempat (RME) menandakan permulaan dekad kedua Rangka Rancangan Jangka Panjang (1971-1990) dalam mana objektif Dasar Ekonomi Baru akan dicapai. RME merupakan kemuncak penyediaan beberapa bulan, dan ia merangkumi program-program sosio-ekonomi yang Kerajaan rencanakan. RME merupakan rancangan Kerajaan guna untuk memenuhi matlamat Rangka Rancangan Jangka Panjang. Memandangkan pencapaian dan pengalaman dari tahun-tahun yang lalu, adalah diharapkan RME terelak daripada kelemahan-kelemahan dan tidak akan menyeleweng daripada semangat dan persefahaman yang bertujuan untuk mencapai sebuah masyarakat yang adil dan saksama. Sayugia diingati, objektif keseluruhannya adalah perpaduan nasional, dan tiada mana-mana komuniti harus merasa kerugian atau dianak-tirikan. Objektif ini adalah mustahak dan harus diambil kira demi untuk kemajuan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia telah lama menceburkan diri dalam pembangunan sosio-ekonomi negara. Negara kita telah banyak mengalami perubahan, dan merupakan salah sebuah negara yang menikmati taraf hidup yang tinggi di rantau Asia ini. Kini, negara kita bersedia untuk kemajuan yang selanjutnya. Bagaimanapun, kesemua pencapaian hendaklah diukur berpandukan matlamat Rangka Rancangan Jangka Panjang, dan sama ada kita mencapai objektif keseluruhan perpaduan nasional atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, negara akan mencapai tahap-tahap baru dalam pembangunan sosio ekonomi, sekiranya kita terus memperkukuhkan harmoni dan persefahaman antara kaum sebagai benteng kestabilan politik. Kita tidak harus membenarkan perjalanan pembangunan negara dijahanamkan oleh segelintir anasir pelampau hanya semata-mata untuk kepentingan keagungan dan kenamaannya diri sendiri. Memang fahaman ekstrem adalah cara yang paling mudah untuk kemasyhuran politik. Terutama sekali apabila isu-isu melibatkan keseimbangan hak dan kepentingan yang sah di kalangan berbagai komuniti. Tetapi harga dalam menggoncang keseimbangan ini ialah ketidak-stabilan dalam negara. Fahaman ekstrem bukan jawapan masalah dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia. Kestabilan politik penting untuk pertumbuhan dan kestabilan ekonomi. Apatah lagi pencapaian objektif sosio-ekonomi negara adalah berlandaskan suatu pertumbuhan ekonomi yang cergas. Rancangan Malaysia Keempat menyedari bahawa demi mencapai berbagai objektif sosio-ekonomi, negara kita mesti mencapai paling kurang 8% kadar pertumbuhan tiap-tiap tahun.

Ini bermakna suatu iklim pelaburan yang sesuai hendaklah ditawarkan. Negara perlu berikhtiar untuk meningkatkan daya pengeluaran pertanian, pembelajaran dan pengembangan asas perindustrian dan pembuatan. Perlu juga untuk memoden sektor kewangan dan perkhidmatan dalam ekonomi. Sumber-sumber baru pertumbuhan perlu diketahui, dan usaha pembangunan

baru dibuat demi menjamin kadar pertumbuhan 8% itu dicapai. Oleh itu, adalah wajib kita mencuba sedaya upaya untuk mencapai sasaran ini. Kegagalan mencapai 8% kadar pertumbuhan ini akan membawa kesan-kesan yang tidak diinginkan di atas strategi dua mata serampang Dasar Ekonomi Baru, iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sendiri mesti terus merumus dasar yang pragmatik dan realistik demi memupuk pertumbuhan ekonomi ini. Sektor swasta telah diberikan suatu peranan yang penting dalam Rancangan Malaysia Keempat oleh Kerajaan. Adalah ditaksir 72.2% dari jumlah pelepasan dalam RME itu datang dari sektor swasta. Menawarkan kemudahan infrastruktur cuma merupakan satu aspek dalam memupuk pertumbuhan ekonomi. Apa yang sama penting ialah memberi keyakinan bahawa negara akan terus memperkukuhkan sistem perusahaan bebas, dan gangguan harus minima selagi perusahaan swasta memenuhi kehendak negara. Halangan dan kawalan ketat juga harus dikurangkan. Kerajaan hendaklah flexible dalam segala-galanya agar megujudkan suatu iklim yang bermanfaat dalam pertumbuhan sektor swasta. Ini berpengaruh dalam memperangsangkan pertumbuhan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, penyusunan semula pola gunatenaga untuk mencerminkan komposisi ras seperti terjelma dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang itu adalah agak besar. Ini bermakna akan terdapa mobiliti antara-sektor dan mobiliti geografikal. Sejak Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua dalam Mac, 1973, pengawasan pola gunatenaga dalam berbagai sektor ekonomi telah dilakukan. Jadual 3-10 dan Jadual 9-5 Rancangan Malaysia Keempat jelas menggambarkan perkembangan yang terdapat di dalam dekad pertama Dasar Ekonomi Baru menurut bidang kerja Rangka Rancangan Jangka Panjang 1971-1990.

Penyusunan semula gunatenaga untuk mencerminkan komposisi ras negara bermakna akan terdapat perubahan antara-sektor, di mana bumiputra memasuki sektor kedua dan ketiga ekonomi negara, dan orang

Cina serta lain-lain rakyat Malaysia memasuki sektor pertama. Melihat Jadual 3-10, saham orang Cina di dalam sektor pertama telah bertambah secara mutlak, iaitu dari 265,400 pekerjaan pada 1970 kepada 306,100 pekerjaan pada 1980, menambah 40,700 pekerjaan atau pertambahan 4,000 pekerjaan setiap tahun. Rangka Rancangan Jangka Panjang telah menetapkan supaya saham gunatenaga orang Cina dalam sektor pertama ditambah 11,000 pekerjaan tiap-tiap tahun. Dengan itu, bermakna terdapat kekurangan 7,000 pekerjaan tiap-tiap tahun dalam dekad pertama Rangka Rancangan Jangka Panjang. Bagaimanapun, dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat (1981-85), sebanyak 89,000 pekerjaan akan ditambah, agar meningkatkan penyertaan orang Cina kepada 24.9% dalam sektor ini. Ini bermakna dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat, purata 18,000 pekerjaan akan diwujudkan untuk memenuhi matlamat ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan, terutama sekali agensi-agensinya mesti merumuskan program-program bagi memastikan jumlah pekerjaan itu diwujudkan dalam sektor ini, demi memenuhi matlamat itu. Jika tidak penyusunan semula pola gunatenaga akan mengakibatkan lain-lain rakyat Malaysia salah ditempatkan atau diganggu di kawasan bandar melalui perpindahan antara-sektor. Intisarinnya bermakna harus ada lain-lain program yang akan mendorong mengujudkan lebih banyak pekerjaan untuk lain-lain rakyat Malaysia, khususnya orang Cina untuk memenuhi matlamat Rancangan Malaysia Keempat. Tidak dapat dinafikan adanya pertambahan dalam dekad pertama Rangka Rancangan Jangka Panjang. Akan tetapi, langkah kemajuannya adalah kecil. Kecuali program khusus dirumuskan, matlamat itu adalah sukar ditemui. Dalam hubungan ini, saya ingin mencadangkan Kerajaan mempertimbangkan dan melaksanakan Skim pengusahaan perkebunan yang terdapat dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Sebagaimana yang tersebut dalam Perenggan 581 Rancangan Malaysia Ketiga, skim-skim ini akan membolehkan lebih banyak unsur berdikari dan berkurangnya pengarah pusat sebagai sebahagian daripada

pembaharuan dalam strategi pembangunan tanah, demi untuk memudahkan lebih banyak penduduk dalam pembangunan pertanian. Ini akan menarik hati semua orang yang miskin dari semua kumpulan etnik.

Tuan Yang di-Pertua, saya kini ingin merujuk Jadual 3-14 mengenai pemilikan dan penguasaan sektor perbadanan. Perenggan 162 menyebutkan bahawa lain-lain penduduk Malaysia telah memilik 40% saham dalam sektor perbadanan pada 1980. Melihat jadual 3-14, adalah jelas saham yang dipegang oleh lain-lain penduduk Malaysia termasuk saham yang dipegang oleh nomini dan lain-lain syarikat. Sejak Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua pada tahun 1973 sehingga Rancangan ini, penjenisan ini masih tetap. Agar supaya memberi suatu gambaran yang betul, adalah wajib Kerajaan memperincikan saham yang dipegang oleh nomini dan lain-lain syarikat, demi untuk memperlihatkan kedudukan yang sebenar sektor perbadanan yang dipegang oleh lain-lain penduduk Malaysia dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita kembali kepada Jadual 4-7 Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua, kita akan dapat melihat angka perpecahan saham perbadanan yang dipegang oleh berbagai kumpulan etnik di negara ini pada 1970, tanpa termasuk nomini dan lain-lain syarikat. Saya berharap apabila masa tiba untuk Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, Kerajaan akan dapat memberi perpecahan saham yang dipegang oleh nomini dan lain-lain syarikat, serta status syarikat-syarikat ini, termasuk pemilikan saham komposisi ras. Semoga langkah-langkah tertentu diambil untuk memperlihatkan gambaran yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Keempat telah menetapkan bidang-bidang pembangunan dalam negara untuk lima tahun akan datang. Kejayaan Rancangan ini hanya akan tercapai jika kita mempunyai sumber tenaga manusia yang mencukupi bagi melaksanakan banyak program yang direncanakan. Ternyata pertumbuhan ekonomi nasional dalam tempoh lima tahun itu akan memerlukan lebih banyak pekerja terlatih di peringkat ikhtisas, sub-ikhtisas dan juruteknik.

Rancangan Malaysia Keempat memerlukan tenaga manusia yang bertambah berekoran dengan kemajuan negara. Yang penting ialah jangan hendaknya kekurangan tenaga manusia melembabkan usaha pembangunan kita. Rancangan Malaysia Keempat telah menitikberatkan keluaran tenaga manusia yang terlatih serta jumlah pekerja yang diperlukan. Meninjau kepada permintaan dan penawaran, ternyata negara masih memerlukan lebih banyak lagi tenaga manusia.

Sektor pertama ekonomi memerlukan lagi 71,500 tenaga manusia. Sektor peringkat kedua memerlukan kira-kira 8,600 dan 7,000 pekerja ikhtisas dan teknikal, serta pentadbiran dan pengurusan masing-masing, juga memerlukan kira-kira 320,700 pekerja pengeluaran, di mana dua pertiga adalah yang mahir dan separa-mahir. Sektor peringkat ketiga pula memerlukan 426,300 pekerja tambahan. Bagaimanapun, dalam tempoh itu, sejumlah kira-kira 27,400 siswazah dan 25,600 pemegang diploma akan tamat dari institusi pelajaran tinggi. Berbagai institusi awam yang terlibat dalam melatih tenaga manusia mahir dan separa-mahir akan mengeluarkan 94,500 orang yang terlatih.

Sayugia disebutkan, kecuali kita mempunyai tenaga manusia yang mencukupi bagi melaksanakan pelbagai program Rancangan Malaysia Keempat, maka adalah susah untuk mencapai matlamat Rancangan Malaysia Keempat dan keseluruhan objektif sosio-ekonomi negara, yang kita bertungkus lumus untuk memenuhinya. Kerajaan hendaklah menggunakan segala sumber manusia dengan lebih banyak program latihan dan pelajaran, sama ada sistem pelajaran formal atau informal, demi memenuhi kehendak negara. Kemudahan-kemudahan yang sedia ada hendaklah dikembangkan, dan suatu pendekatan yang lebih liberal dan pragmatik diambil untuk meninjau keperluan pelajaran dan latihan negara. Masih ada tempat untuk mengembangkan program-program ini bagi memenuhi tempat yang berkekurangan tenaga manusia di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Dato Hussein Onn telah menyebutkan dengan tepat

bahawa Rancangan Malaysia Keempat merupakan suatu lagi langkah besar ke arah menunaikan matlamat jangka panjang kemajuan negara dan perpaduan nasional. Keamanan dan kestabilan adalah syarat utama untuk pembangunan. Beliau juga mengingatkan supaya kita jangan tamak dan keterlaluan dalam perbuatan kita. Ini memanglah benar, sebab tamak haloba dan fahaman haloba dan fahaman ekstrim akan mendatangkan kekacauan yang akan menjejaskan seluruh usaha pembangunan sosio-ekonomi negara. Ini adalah suatu nasihat yang kena pada masanya, dan perlu kita ambil kira dalam perjalanan pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita yakin di bawah kepimpinan Perdana Menteri yang berkualiti, kita akan dapat mengatasi segala kesusahan dan cabaran. Kita mesti berikhtiar menjadikan Malaysia sebuah tempat yang lebih baik untuk hidup bagi semua orang. Biarlah kita bekerja ke arah menjayakan Rancangan Malaysia Keempat. Biarlah kita semua bermula sekarang. Sekian, terima kasih.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato Haji Khalid.

6.25 ptg.

**Dato Haji Khalid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang mengalu-alukan Rancangan Malaysia Keempat yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan yang pada hemat saya sudah tentu akan disambut oleh seluruh rakyat dengan penuh kegembiraan.

Pada keseluruhan perbelanjaan Rancangan Malaysia Keempat ialah berjumlah sebanyak \$50 billion. Ini bermakna pada tiap-tiap tahun kita akan belanja lebihkurang \$10 billion. Apa yang masih menjadi tandatanya sejauh manakah kemungkinan kita dapat mencapai matlamat perimbangan kedudukan ekonomi di antara kaum di dalam Rancangan Malaysia Keempat ini. Sebagaimana kita semua maklum kebanyakan kaum bumiputra merebut peluang yang disediakan di dalam rancangan pembangunan yang lalu amatlah tidak memuaskan dan masih jelas tanda-

tanda yang membuktikan kegagalan ini. Kerapkali pemborong-pemborong bumiputera khususnya telah menjadi tumpuan ejekan dengan cara yang tidak langsung mengenai kelewatan mereka menyiapkan satu-satu projek. Kalau kita mengambil halusi serta menyiasat dengan penuh minat sudah tentu kita akan menjumpai berapa perkara yang amat menyedihkan.

Saya tidaklah menafikan bahawa kesalahan-kesalahan yang perlu dibetulkan oleh bumiputra sendiri, walau bagaimanapun ada juga terdapat sebab-sebab yang besar yang mana perlu diperbaiki oleh Kerajaan. Saya merasa jelas bahawa kekurangan dan kelemahan bumiputra ialah khususnya di dalam bidang public relations (PRO). Jadi inilah sebab-sebab yang perlu diambil perhatian oleh Kerajaan untuk mengatasi kenapakah pihak bumiputra tidak dapat mengatasi masalah perhubungan awam ini, mungkin kerana mereka tidak mempunyai semangat-semangat nationalism atau patriotism yang kukuh maka mereka tidak tergamak melakukan sesuatu perkara yang boleh merosakkan perundangan Kerajaan atau boleh merosakkan moral pegawai-pegawai yang menjalankan penyiasatan di atas kerja-kerja mereka.

Satu perkara yang penting, Tuan Yang di-Pertua, di dalam buku Rancangan Malaysia Keempat, Kerajaan sendiri telah mengakui bahawa di dalam tahun 1971 hingga 1980 Kerajaan telah menumpukan usaha-usaha bagi meninggikan taraf ekonomi negara dengan memberi peluang yang lebih banyak kepada investors dari luar negeri. Kerajaan sendiri juga mengakui bahawa tumpuan yang kurang ataupun keperluan yang amat kurang telah dilakukan di dalam masalah meninggikan kedudukan sosial. Saya percaya kerana sebab-sebab yang Kerajaan tidak menumpukan ke arah meninggikan sosial inilah yang menyebabkan satu daripada kelemahan pentadbir-pentadbir kita.

Di dalam membahaskan Rancangan Malaysia Keempat ini berbagai-bagai masalah telah ditimbulkan oleh segenap pihak. Satu daripada perkara yang saya rasa

mudah diambil oleh mana-mana pemimpin ialah dengan menimbulkan sikap chauvinism yang mana membawa bukti-bukti yang tidak menasabah.

Kalau kita perhatikan di dalam Jadual 3-3 di dalam muka surat 42, kita akan dapati bahawa pendapatan khususnya kepada orang Melayu ialah sebanyak \$140.35 berbanding dengan pendapatan kaum Cina sebanyak \$280.11, ini bermakna pendapatan per kapita orang Melayu adalah rendah sebanyak 50% daripada pendapatan kaum-kaum lain. Saya percaya faktor-faktor ini perlu diambil perhatian dengan jujur dan dengan penuh tanggungjawab oleh mereka yang ingin mengemukakan hujah-hujah semata-mata untuk kepentingan chauvinism mereka.

Di dalam perkara pelajaran kalau kita perhatikan kepada Jadual 3-12 menunjukkan dengan jelas bahawa di dalam bahagian Jurubina kaum bumiputra 4.3% kaum Cina 80.9% dan kaum India 1.4%. Di dalam bahagian Akauntan kaum Melayu 6.8%, kaum Cina 65.4% dan kaum India 7.9%. Jurutera, kaum Melayu 7.3% dan kaum Cina 71% ini bermakna 10 kali ganda. Inilah data-data atau faktor-faktor yang diterangkan di dalam Rancangan Malaysia Keempat dan saya rasa perlu diambil perhatian oleh pihak-pihak yang ingin mengemukakan pendapat-pendapat yang hanya membawa kepada satu pertelingkahan yang tidak wajar.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin menyebutkan lagi sekali di sini ialah mengenai dengan pembangunan negara kita dalam Rancangan Malaysia Keempat yang mana saya perhatikan di dalam perenggan 881 Pengangkutan Udara, muka surat 362. Di dalam tahun 1970 hingga tahun 1980 permintaan pengangkutan udara bertambah sebanyak 15.8% tetapi apa yang disediakan oleh pihak MAS ialah menambahkan kapal terbang daripada 22 buah kepada 27 buah, ini bermakna hanya 5 buah ditambah berbanding dengan permintaan sebanyak 15.8%. Jadi saya rasa amatlah kesal kalau keadaan ini berkekalan. Maka peruntukan-peruntukan yang dibuat di dalam Rancangan Malaysia Keempat ini saya yakin akan menemui kegagalan kerana pengangkutan

Udara ini amat penting kepada mereka yang professional untuk berulang dari satu tempat ke satu tempat bagi membantu menjayakan Rancangan Malaysia Keempat. Walaupun di dalam Rancangan Malaysia Keempat ini telah diperuntukkan sebanyak \$612 juta mengikut Jadual 19-1 muka surat 378, saya berpendapat peruntukan yang begini besar sebanyak \$612 juta patutlah ditumpukan kepada pengangkutan di dalam negeri ini. Kalau perbelanjaan yang sebegini besar dapat ditumpukan kepada pengangkutan dalam negeri sudah tentu kita akan dapat melicinkan perkhidmatan udara di dalam negeri kita.

Lagi satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian tentang apa yang disebutkan di dalam Bab Pertama Latarbelakang DEB yang telah mengakui di dalam buku ini bahawa Kerajaan telah tidak menumpukan usaha-usahanya di dalam meninggikan bidang sosial. Sebagaimana kita semua maklum di dalam kita menggalakkan rakyat merebut kekayaan atau meninggikan pendapatan mereka maka hendaklah juga disamakan iaitu satu anjuran daripada Kerajaan supaya di samping merebut kekayaan ini janganlah juga melewati peraturan-peraturan atau kehendak-kehendak sepertimana yang dikehendaki oleh ugama Islam iaitu supaya tidak ada di dalam Rancangan Malaysia Keempat ini dapat diyakinkan kepada seluruh rakyat walaupun kita merebut kekayaan di dalam negara kita ini tetapi tidaklah semestinya di dalam rebutan ini akan mengurangkan kedudukan akhlak atau meringankan kepentingan-kepentingan moral sebagai rakyat Malaysia. Saya pernah mendengar pembesar-pembesar setengah-setengah negara menyebutkan bahawa di dalam Malaysia ini kedudukan moral semakin merosot walaupun negara ini memanggikan negerinya negara Islam tetapi pada sebenarnya kedudukan moral di dalam negara ini adalah lebih merosot daripada negara-negara yang bukan Islam seperti Jepun, Jerman dan sebagainya. Di dalam hal ini walaupun pembangunan ini tidak disebutkan sebagai satu pembangunan fizikal tetapi saya berharaplah Kerajaan akan mengambil satu langkah yang kemas dan

kukuh bagi meninggikan moral bukan sahaja di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan tetapi di kalangan seluruh rakyat jelata sekalian. Sekian, terima kasih.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang berhormat Dr Choo Kooi Fook.

*6.36 ptg.*

**Dr Choo Kooi Fook:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian membahaskan Rancangan Malaysia Keempat yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini pada hari Jumaat, 17hb April, 1981.

Saya suka mengambil peluang ini mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kerana Rancangan Malaysia Keempat yang akan menelan belanja sebanyak \$42,000 juta untuk mengwujudkan sebuah negara yang adil melalui Dasar Ekonomi Baru. Ini memang kita berasa bangga dan harus kita semua menyokong penuh bagi menentukan kejayaannya. Setelah beberapa kali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah menegaskan bahawa Rancangan Malaysia Keempat ini jika hendak mencapai kejayaannya bergantung kepada perpaduan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bagi menuju ke arah perpaduan setakat ini Lembaga Perpaduan haruslah menambahkan tugas-tugas yang lebih giat lagi. Kepentingan Lembaga ini masih belum diberi keutamaan yang cukup untuk membolehkan Lembaga ini memainkan peranan yang besar lagi. Saya harap peruntukan perbelanjaan bagi Lembaga perpaduan ditambah beberapa kali ganda dan tenaga manusia juga patut ditambah beberapa kali ganda. ini akan membayangkan betapa pentingnya perpaduan di negara kita dan tanpa perpaduan segala kejayaan kita telah capai setakat ini akan musnah. Jadi perpaduan adalah batu asas bagi segala kegiatan negara kita khasnya Rancangan Malaysia Keempat yang kita sekarang akan mula jalankan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kita berada di ambang dekad kedua dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru tahun-

tahun berikutan merupakan tahun yang lebih penting dan besar ertinya. Dalam dekad yang pertama keutamaan telah diberi kepada pembangunan ekonomi dengan menitikberatkan pengagihan semula kekayaan negara kita secara adil di kalangan kaum-kaum dalam masyarakat majmuk kita. Dalam hal ini tidak dapat dinafikan bahawa kita telah berjaya dalam banyak bidang seperti yang diperlihatkan dengan adanya Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato' Hussein Onn yang berjihad rakyat.

Saya memang sedar akan kesusahan dan beratnya beban yang dipikul oleh Perdana Menteri dan dengan keazaman dan dedikasi Kerajaannya, Rancangan Malaysia Ketiga telahpun mencapai kejayaan yang cemerlang. Kejayaan ini adalah disebabkan Kerajaan yang stabil, rakyat yang bekerjasama serta ekonomi yang kukuh. Ketiga-tiga faktor ini telah meningkatkan taraf hidup rakyat terutamanya mereka yang berpendapatan rendah seperti yang tertulis di dalam Rancangan Malaysia Keempat ini, kita semua lihat golongan yang berpendapatan rendah dengan tidak mengira kaum telah menaikkan taraf hidup mereka. Saya berharap dan berdoa semoga beliau diberkati Tuhan dalam kesihatan dan membolehkan beliau melanjutkan tugas menyatu padukan negara kita yang berbilang kaum ini. Justeru itu dalam dekad kedua ini apabila kita melangkah masuk gelanggang Rancangan Malaysia Keempat adalah wajib kita terus berusaha untuk mencapai serta memperkukuhkan kejayaan yang telah kita capai dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Adalah menjadi harapan saya dalam dekad kedua Dasar Ekonomi Baru ini kita akan mengambil langkah yang adil yang lebih serius iaitu langkah yang dapat mengikis perasaan perkauman dan jurang perbezaan yang wujud di antara kaum-kaum dalam masyarakat kita. Kita harus berganding bahu melangkah ke hadapan mencari nilai-nilai yang sama serta menyemaikan nilai-nilai ini di kalangan kanak-kanak kita di sekolah demi kepentingan masa hadapan mereka dengan harapan munculnya satu golongan jenerasi

muda yang mempunyai identiti ke Malaysian bukan ke Melayuan, ke Cinaan atau ke Indiaan.

Dalam hubungan ini ingin, saya mengucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri Penerangan kita, Yang Berhormat Dr Ling Liong Sik yang telah melancarkan kajian-kajian mencari nilai-nilai yang sama. Ini kerana ia membawa erti yang besar dalam usaha kita melancarkan Dasar Ekonomi Baru di mana keutamaan harus diberi kepada perpaduan kaum yang hanya boleh dicapai melalui pupukan nilai-nilai yang sama ini dan juga sifat hormat menghormati.

Tuan Yang di-Pertua, pernah dinyatakan sebutkan hormat menghormati, maka teringat saya balik kepada Dewan yang mulia ini. Di United Kingdom Dewan Negara dikenali sebagai House of Lords. Ahli-ahlinya adalah digelar senior statesmen.

Pada pendapat saya Dewan ini di Malaysia begitu juga, kita semua digelar senior statesmen. Ahli-ahli Dewan Negara dipilih berdasarkan sifat bertanggungjawab dan kematangan fikirannya. Jika Ahli-ahli Parlimen baik dari Dewan Negara mahupun di Dewan Rakyat membiarkan perasaan emosinya mengawal pemikirannya pembicaraannya dalam menentukan dasar-dasar, sudah pasti negara kita akan menuju ke arah kacau bilau. Mujurlah dalam Dewan yang mulia ini kebanyakan Ahli-ahlinya adalah bersifat ikhlas, jujur dan saling menghormati.

Satu perkara yang ingin saya jelaskan di sini ialah apabila seseorang membuat kritikan tidak bermakna ia tidak taat setia kepada negara dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, sebaliknya ia mengambil berat tentang sesuatu yang berlaku dan cintakan bangsa dan nusanya kerana kritikan yang dilemparkannya bertujuan untuk membina dan memperbaiki demi kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pernah dinyatakan oleh William Shakespeare: The eye sees not itself but by reflection. Maksudnya ialah seseorang tidak sedar atas kesilapan-kesilapan dirinya tetapi kesalahan-kesalahan orang lain mudah dikesaninya. Jadi oleh kerana itu terdapat orang yang pandai

menuduh orang lain bersifat perkauman, pada hal sifat perkauman orang itu lebih tebal daripada yang dituduh itu.

Elok diperlihatkan orang yang bersifat agung lazimnya dapat mengawal perasaan diri, hanya orang yang bersifat kerdil yang tidak dapat mengawal diri, kerana segala tindak-tanduknya dipengaruhi oleh emosi. Orang-orang seperti ini sangat merbahaya dan kemungkinan besar.....

**Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin Aljamrud:** Tuan Yang di-Pertua, adakah yang dikatakan oleh sahabat kita ini berkenaan dengan Rancangan Malaysia Keempat?

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya pun hendak tegur itu juga. Saya ingat sudah cukup perkara yang macam itu. Silalah cakap mengenai Rancangan Malaysia Keempat.

**Dr Choo Kooi Fook:** Terima Kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam Rancangan Malaysia Keempat dalam Jadual 2-1, Pertanian. Pertanian di negara kita ini adalah perkara yang mustahak sekali sebab pengeluaran itu dikehendaki oleh semua penduduk negara ini. Jadi nampaknya pada Rancangan Malaysia Pertama (1971-1975) itu dapat mengeluarkan hasil pertanian 4.8%, Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga (1976-1980) keluaran ini turun sedikit menjadi 3.9% dan dalam Rancangan Malaysia Keempat ia dianggap akan turun lagi kepada 3%. Jadi saya ingin bertanya kepada Menteri Pertanian, mengapakah berlaku penurunan pengeluaran dari segi ini. Adakah pengeluaran ini sudah lemah kerana penghijrahan penduduk-penduduk di luar bandar ke bandar ataupun adakah bantuan subsidi yang diberikan kepada petani-petani ini tidak menghasilkan kepada negara kita. Ini satu soalan yang saya hendak bertanya kepada Menteri Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang suka menyentuh sedikit mengenai masalah Wilayah Persekutuan. Di dalam Rancangan Malaysia Keempat di Wilayah Persekutuan kita harus mementingkan beberapa perkara umpamanya:

- (1) Kebersihan di Kuala Lumpur;
- (2) Penjaja-penjaja;

(3) Masalah rumah-rumah setinggan di Kuala Lumpur;

(4) Pengangkutan; dan

(5) Subsidi dari Kerajaan Persekutuan.

Kebersihan merupakan faktor yang paling penting kerana Wilayah Persekutuan sebagai ibu kota Malaysia merupakan tempat persinggahan pelancang-pelancang dan kesan para pelancang terhadap Malaysia sangat-sangat dipengaruhi oleh kesan mereka terhadap Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur. Di samping itu, kebersihan memang merupakan cara hidup yang sihat, tidak disangkakan lagi ia akan membawa faedah kepada kita sendiri. Dengan adanya kebersihan sudah pasti akan mengurangkan kadar pesakit khususnya pesakit dari kalangan kanak-kanak dan golongan yang berpendapatan rendah.

Mengenai perkara penjaja tidak dapat dinafikan penjaja merupakan cara hidup dan pembawa rezeki bagi beribu-ribu anggota masyarakat kita. Bantuan yang diberi kepada penjaja-penjaja boleh dianggap salah satu cara mencegah inflasi kerana yang menceburkan diri dalam penjajaan kebanyakannya terdiri dari golongan yang kebawahan, walaupun adanya yang terdiri dari golongan menengah dalam masyarakat kita. Saya ingin merayu kepada pihak-pihak yang berkuasa agar jangan menindas mereka ini dalam usaha mencari mata pencarian iaitu mengganggu perniagaan mereka hingga tempat yang sesuai dicari untuk mereka menjalankan penjajaan mereka. Harus disedar mereka ini bukan suka menjaja tetapi mereka terpaksa hidup dengan cara demikian.

Mengenai rumah setinggan, Tuan Yang di-Pertua, orang-orang tinggal di rumah setinggan kerana mereka tidak ada pemilihan yang lain, justeru itu saya ingin merayu kepada Menteri Wilayah Persekutuan agar jangan memaksa mereka berpindah hingga tempat-tempat kediaman yang sesuai diperuntukkan kepada mereka. Sekiranya mereka berjaya mendapat tempat perteduhan biarlah berpindah mereka, tidak terlibat perbelanjaan yang besar kerana mereka ini merupakan golongan miskin di ibu

kota kita, kalau boleh bantuan wang dan lain-lain harus diberikan kepada mereka.

Satu faktor yang penting harus diperhatikan ialah memandangkan penjaja-penjaja, berniaga di bandar, mereka ini eloklah diperuntukkan rumah pangsa di dalam Kuala Lumpur dekat tempat mereka berniaga, misalnya tidak menasabah memperuntukkan rumah pangsa di Cheras bagi seorang penjaja di Kepong. Keperluan mereka harus kita usaha untuk mencapainya kerana mereka juga insan.

Inflasi: sementara Kerajaan kita merayu kepada rakyat untuk mencegah inflasi ia harus membekalkan infrastruktur untuk menolong rakyat ke arah itu. Pada masa kebelakangan ini tindakan Bandaraya untuk menambahkan cukai-cukai pintu di Wilayah Persekutuan dan juga 3-4 kali ganda yuran lesen memang tidak menolong rakyat dalam usaha mereka mencegah inflasi. Kalau hasil cukai dari Wilayah Persekutuan yang diperolehi oleh Bandaraya tidak memadai untuk budgetnya, saya syorkan bahawa Kerajaan Persekutuan memberi peruntukan yang lebih dan tidak hanya memperolehi sumber wang ini dari rakyat jelata.

Sebagai penutup, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan syukur kepada Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato Hussein Onn dan saya harap rakyat Malaysia akan memberi sokongan penuh bagi menjamin kejayaan Rancangan Malaysia Keempat.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ditempoikkan sementara waktu selama 15 minit.

*Persidangan ditempoikkan pada pukul 6.56 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 7.16 malam.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

*Perbahasan disambung semula.*

*7.17 mlm.*

**Tuan S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul yang

dicadangkan oleh Menteri Kewangan untuk meluluskan Rancangan Malaysia Keempat.

Sehingga kini, setiap rancangan pembangunan negara kita termasuk Rancangan Malaysia Keempat ini, telah menjadi dokumen harapan dan inspirasi bagi rakyat negara kita. Sambutan baik bagi rancangan-rancangan pembangunan ini dari rakyat berasas atas kepercayaan rakyat bahawa Dasar Ekonomi Baru dan mewujudkan sebuah negara yang bersatu-padu, adil, saksama dan makmur.

Pada keseluruhannya semenjak permulaan Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan setelah mencapai prestasi yang sepatutnya dipuji. Dasar-dasar Kerajaan adalah bermutu tinggi. Program-program Kerajaan pada amnya adalah tepat dan sesuai untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan setelah mendapat faedah, secara terusan atau sebaliknya, seperti mana boleh dapat dilihat dengan meningkatnya pendapatan purata dan bertambahnya peluang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, akan tetapi ada juga terdapat kelemahan dalam sebahagian rancangan dan lebih lagi dalam perlaksanaan. Saya ingin menyentuh sedikit mengenai kelemahan ini supaya tindakan sewajarnya diambil dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Kemiskinan dalam negara kita telah terdapat dan masih wujud dalam semua kumpulan kaum, tetapi sebilangan besar golongan miskin adalah terdiri dari kaum Melayu dan Bumiputra yang lain. Oleh yang demikian, kepentingan telah diberi kepada kaum Melayu dan Bumiputra yang lain dalam rancangan-rancangan pembasmian kemiskinan. Maka rancangan-rancangan pembasmian kemiskinan telah dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kedua dan Rancangan Malaysia Ketiga untuk membasmi kemiskinan dalam golongan ini.

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga golongan-golongan tertentu telah dikenali sebagai golongan-golongan miskin, misalnya pekebun kecil, penanam padi, pekebun kecil

kelapa, nelayan, pekerja ladang, penduduk kampung baru dan program-program telah dirangka untuk dilaksanakan.

Kejayaan dalam pembasmian kemiskinan sehingga kini adalah kejayaan terbesar Kerajaan. Kerajaan telah berjaya menurunkan kadar kemiskinan dari 49.3% dalam tahun 1970 kepada kadar yang begitu rendah iaitu 29.7% dalam tahun 1980 walaupun Rangka Rancangan Panjang telah menentukan matlamatnya sebagai kadar 34% untuk tahun 1980. Kejayaan ini sepatutnya mesti dipujikan. Walau bagaimanapun, langkah-langkah seterusnya mesti diambil untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru untuk menurunkan kadar kemiskinan kepada 16.7% dalam tahun 1990. Akan tetapi, apakah rancangan-rancangan spesifik yang telah diamalkan untuk menolong golongan-golongan miskin yang tertentu yang disebut dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Dalam kes pekerja-pekerja estet, yang dikenali sebagai golongan miskin, apakah rancangan-rancangan yang telah dilaksanakan dan akan dilaksanakan untuk menolong menurun kadar kemiskinan mereka? Sampai sekarang dan juga dalam Rancangan Malaysia Keempat nampaknya tidak ada apa-apa rancangan yang dilaksanakan dan keadaan mereka terbiar bergantung sepenuhnya atas harga pengeluaran estet misalnya harga getah, kelapa sawit dan lain-lain untuk menambah pendapatan pekerja-pekerja ini. Tetapi harga-harga getah dan lain-lain pengeluaran estet adalah dipengaruhi oleh faktor ekonomi antarabangsa. Sepertimana diakui dalam Rancangan Malaysia Keempat pertumbuhan ekonomi pada tahun-tahun lapan puluhan dijangka lembab dan juga pula kadar inflasi ditambah. Akibat dari keadaan ini, jika harga pengeluaran estet turun, pekerja-pekerja tidak mempunyai resilience dan tidak boleh mengekalkan taraf dan qualiti kehidupan mereka sekarang.

Juga ada over dependence atas pengurusan untuk menyediakan kemudahan perumahan dan kemudahan-kemudahan sosial. Keadaan ini juga tidak memuaskan kerana usaha-usaha untuk menyediakan kemudahan-kemudahan tergantung kepada pengurusan

ladang-ladang yang sentiasa menukar polisi-polisi apabila harga pengeluaran estet turun naik. Kemudahan-kemudahan sosial dan lain-lain seperti bekalan air, elektrik dan kesihatan tidak dapat dibaiki atau ditambah di estet sepertimana diharap. Jika tanggungjawab untuk memberi kemudahan-kemudahan ini diletak kepada pengurusan sahaja, mungkin tidak dapat perubahan keadaan sekarang dalam lima tahun yang akan datang. Untuk mengubah keadaan yang terdapat sekarang, apa yang perlu ialah tindakan Kerajaan yang tepat dan co-ordinated. supaya memastikan bahawa pekerja-pekerja estet dapat menikmati kemudahan-kemudahan asas ini, Kerajaan sendiri hendaklah melaksanakan rancangan-rancangan luar bandar untuk memberi kemudahan-kemudahan ini serta menentukan bahawa pengurusan memenuhi tanggungjawab mereka dalam hal ini kepada pekerja-pekerja mereka. Selain dari kemudahan-kemudahan asas, apakah rancangan-rancangan tertentu dan tangible yang akan dilaksanakan bagi pekerja-pekerja ladang. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga tidak dapat apa-apa rancangan tertentu yang akan dilaksanakan untuk memperbaiki keadaan sosio-ekonomi pekerja-pekerja ladang dan melibatkan mereka ke dalam arus pembangunan. Apakah akan terjadi kepada mereka?

Saya fikir Kerajaan hendaklah melaksanakan rancangan-rancangan untuk menempatkan pekerja-pekerja di rancangan-rancangan tanah dan menolong golongan-golongan ini melalui pinjaman kewangan untuk mengambil bahagian dalam perniagaan kecil seperti kedai runcit, gerai-gerai dan lain-lain sebagainya. Saya harap sesiapa janganlah salah faham bahawa pekerja-pekerja estet hanyalah terdiri dari satu kaum iaitu kaum India. Komposisi kaum pekerja-pekerja estet telah berubah dan daripada keadaan 70% dari jumlah pekerja estet 20 tahun dahulu, pada masa sekarang kaum India hanyalah menjadi lebih kurang 50% dan 50% bakinya ialah terdiri dari pekerja-pekerja Melayu dan Cina.

Kemiskinan wujud dalam semua kumpulan kaum, dan usaha-usaha tegas perlu diambil untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira

kaum. Jika terdapat mana satu kumpulan kaum yang tertinggal dalam kemajuan negara berbanding dengan kumpulan lain, ianya tentu akan menjadi kelemahan dan beban atas keseluruhan masyarakat Malaysia. Oleh yang sedemikian program-program pembasmian kemiskinan harus melibatkan kesemua golongan-golongan miskin ke dalam arus pembangunan dan menambah perasaan ketenteraman dan cintakan tanah air serta mengurangkan perasaan diketepikan dan terasing. Selamanya terdapat perasaan diketepikan, mungkin terdapat ketidakpuasan dan pencapaian matlamat paling utama iaitu perpaduan akan menjadi lebih sukar.

Tuan Yang di-Pertua, bidang kedua yang penting dalam matlamat Dasar Ekonomi Baru ialah menyusun semula masyarakat untuk mengurangkan dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi. Dalam usaha ini terdapat dua matlamat:

Pertamanya, usaha tenaga di semua sektor ekonomi dan disemua lapisan pekerjaan mencerminkan komposisi kaum negara kita dalam tahun 1990. Keduaanya, pemilikan dan pengusahaan hakmilik harta disusun semula supaya dalam tahun 1990, kaum bumiputera memiliki dan mengurus sekurang-kurang 30%.

Oleh sebab pemilikan Bumiputera harta saham amatlah kurang, Kerajaan telah membentuk dan melaksanakan beberapa usaha-usaha dan program-program untuk menambah pemilikan dan juga untuk membentuk sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian dalam kalangan bumiputera menerusi penyertaan secara langsung dalam kegiatan sektor swasta. Untuk tujuan ini beberapa institusi-institusi termasuk MARA, PERNAS, UDA, PKEN, (Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri) FIMA, Bank Bumiputra, Bank Pembangunan Malaysia Berhad dan Tabung Pelaburan Bumiputra telah ditubuhkan.

Dengan tindakan-tindakan ini bahagian bumiputra dari jumlah modal saham dalam sektor Syarikat telah bertambah. Dalam tempoh tahun 1971 hingga tahun 1980 modal saham yang dimiliki oleh mereka yang bermastautin di Malaysia bertambah dari

38.3% kepada 52.5% dan, di samping itu, pemilikan saham oleh orang asing telah berkurangan dari 61.7% kepada 47.5%. Di kalangan mereka yang bermastautin di Malaysia agensi-agensi Amanah Bumiputera dan Bumiputera perseorangan telah menunjukkan kadar pertumbuhan tertinggi sebanyak 31.4% setahun. Bahagian Bumiputra dari jumlah modal saham telah bertambah dari 4.3% dalam tahun 1971 kepada 12.4% dalam tahun 1980, walaupun ianya lebih rendah dari matlamat 16% untuk tahun 1980 seperti tercatat dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang. Kemajuan juga telah dicapai dalam modal saham baru dalam sektor syarikat dan dalam hakmilik dan penyertaan dalam sektor-sektor perusahaan dan perdagangan.

Dalam masa ini hakmilik orang-orang lain yang bermastautin di Malaysia termasuk kaum Cina, India dan lain-lain telah bertambah dari 14% dalam tahun 1971 kepada 40% dalam tahun 1980 berbanding dengan matlamat sebanyak 40% dalam tahun 1990. Pertambahan ini dalam hakmilik orang-orang lain yang bermastautin di Malaysia dengan dukacitanya tidak menunjukkan pertambahan untuk tiap-tiap kumpulan kaum. Oleh sebab kaum-kaum Cina, India dan lain-lain telah dipersatukan dan oleh sebab hakmilik orang-orang lain yang bermastautin di Malaysia telah bertambah. Ini menimbulkan konsep salah bahawa semua kumpulan kaum orang-orang lain yang bermastautin di Malaysia telah meningkat keadaan hakmilik mereka.

Ini bukanlah satu "gambar yang benar. Kadar hakmilik kumpulan kaum India tidak bertambah dan sebaliknya telah merosot. Angka-angka yang dicatat dalam Rancangan Malaysia Keempat mengenai hakmilik dan penyertaan dalam sektor-sektor perusahaan dan perdagangan membuktikan kemerosotan ini. Kedudukan kaum India berkurangan dari tahun 1970 ke 1975 dalam Perusahaan, dalam Pembuatan, dalam Jualan Runcit, dalam Pengangkutan dan lain-lain. Jika hakmilik dan penguasaan sektor syarikat untuk tempoh 1970-1980 menunjukkan kedudukan kaum bumiputra, dan perpecahan bagi tiap-tiap satu kaum orang lain yang bermastautin di Malaysia, kita bolehlah dapat satu gambar yang terang mengenai pertambahan atau

kemerosotan hakmilik untuk kumpulan kaum China, India dan lain-lain. Maklumat ini adalah penting untuk rangka penyusunan semula hakmilik modal saham syarikat bagi tempoh sepuluh tahun yang akan datang.

Rangka penyusunan semula hakmilik dan penguasaan sektor syarikat bagi tempoh 1980-1990 dalam Rancangan Malaysia Keempat juga terdapat dibuat atas dasar yang sama. Dalam orang-orang bermastautin di Malaysia klasifikasi adalah dibuat sebagai bumiputra dan orang-orang bermastautin di Malaysia di mana kaum-kaum China, India dan lain-lain disatukan sebagai satu category. Sistem ini mestilah ditukar dan klasifikasi patutlah dibuat untuk kumpulan kaum China, India dan lain-lain. Dengan dibuat demikian, jika kita dapat satu kaum yang lemah dan tertinggal, maka langkah-langkah dan program-program boleh dirangka dan dilaksanakan untuk membaiki keadaan kumpulan ini. Pendapatan kaum India masih kurang dan mempunyai tabungan yang kecil, dan oleh sebab itu dengan sendirinya, tidak boleh mencapai kemajuan dalam bidang hakmilik saham modal. Oleh sebab itu sudah tentu bahawa campur tangan Kerajaan dan bantuan Kerajaan adalah perlu dan penting untuk meningkat kedudukan mereka. Jika perkara ini terbiar dan keadaan ini berlanjut, kaum India sebagai satu kumpulan tidak akan dapat mempunyai stake dalam pemilikan hakmilik dan memang akan merasa perasaan diketepikan dan terasing. Keadaan ini patut dielakkan dan saya suka menggesa Kerajaan mengambil tindakan yang segera dalam hal ini.

Satu lagi aspek penting dalam penyusunan semula masyarakat ialah dalam bidang pekerjaan. Matlamat penyusunan semula dalam pekerjaan ialah bahawa gunatenaga dalam semua sektor dan peringkat menggambarkan susunan penduduk mengikut kaum dalam negara. Gunatenaga bagi seluruh Malaysia telah bertambah pada kadar purata sebanyak 4.1% setahun antara tahun 1970 hingga 1980. Akibatnya kadar pengangguran bagi semua kaum telah berkurang, bagi kaum bumiputra dari 8.1% kepada 5.1% dalam tahun 1980, kaum Cina dari 7% kepada 5.3% dan kaum India dari 11% kepada 7.5%.

Kejayaan besar telah dicapai dalam dasar Kerajaan untuk mengurangkan pengangguran melalui program-program Kerajaan dan juga pihak swasta. Kadar pengangguran telah berkurangan dari 7.8% dalam tahun 1970 kepada 5.3% dalam tahun 1980. Akan tetapi, kadar pengangguran 7.5% bagi kaum India seterusnya makin tinggi sekali dan oleh demikian perlulah pelaksanaan program-program untuk menurunkan kadar ini selaras dengan kadar purata negara.

Di samping itu, walaupun kemajuan pesat telah dicapai dalam agihan gunatenaga dalam semua sektor dan peringkat untuk menggambarkan susunan penduduk mengikut kaum dalam negara, terdapat kemerosotan kedudukan oleh kaum India dalam beberapa sektor, misalnya:

	1970	1980
(1) pekerja perkeranian dan yang berkaitan	17.2%	6.9%
(2) pekerja pentadbiran dan pengurusan	7.8%	6.1%
(3) pekerja jualan dan yang berkaitan	11.1%	7.6%

Dalam ketiga-tiga sektor ini mereka telah berkurangan dari apa yang patut jika kita memikirkan susunan penduduk mengikut kaum dalam negara yang menjadi satu dasar.

Dalam kumpulan-kumpulan ikhtisas juga kedudukan telah dapati masih merosot. Umpamanya, jurubina, akauntan, jurutera adalah amat kurang sekali dari apa yang berpatutan.

	1970	1980
Jurubina .. .. .	1.4%	1.2%
Akauntan .. .. .	7.9%	7.3%
Jurutera .. .. .	13.5%	7.4%

Rancangan menunjukkan terus terang bahawa bumiputera masih merupakan golongan kecil di kalangan pekerja ikhtisas yang berpendapatan tinggi, walaupun terdapat meningkat peratusan di tahun 1980 berbanding dengan tahun 1970. Langkah-langkah telah diambil untuk

mengatasi kekurangan bilangan penyertaan bumiputra dalam bidang saintifik, teknikal dan pengurusan melalui tambahan kemudahan-kemudahan dan bilangan di Institusi-institusi Pelajaran Tinggi tempatan. Ini amatlah perlu dan mustahak untuk penyusunan semula pekerjaan. Di samping itu juga, perlulah monitoring setiap golongan kaum yang menunjukkan kemerosotan atau ketinggalan dalam mana-mana bidang. Kedudukan kaum India menunjukkan kemerosotan yang jikalau dibenar akan menurunkan keadaan kaum India ke bawah target-target yang ditentukan dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya pada tahun 1980 bilangan penuntut Malaysia di seberang laut dianggarkan seramai 39,080 orang di mana 60% darinya kaum China, 23% bumiputra, 15.9% India, dan 0.6% kaum-kaum lain. Daripada jumlah ini, seramai 19,515 mengikut kursus di peringkat ijazah, 4,953 di peringkat diploma, 5,263 di peringkat sijil dan 10,177 di peringkat menengah tinggi. Selain dari bilangan yang kecil, majority penuntut-penuntut ini telah terpaksa mengikuti pelajaran seberang laut kerana tidak dapat peluang membuat demikian di institusi-institusi tempatan. Di antara penuntut-penuntut di seberang laut, terdapat juga penuntut-penuntut per-sendirian dan yang ditaja oleh Kerajaan.

Dalam kiraan jumlah penuntut-penuntut di pelajaran tinggi, wajarlah kiraan dibuat termasuk penuntut-penuntut tempatan dan juga penuntut-penuntut di seberang laut, seperti terdapat dalam Rancangan Malaysia Keempat. Tetapi apakah cadangan Kerajaan berkenaan penuntut-penuntut seberang laut yang mengikuti kursus-kursus yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia? Saya sedar bahawa Kerajaan telah mengiktiraf beberapa ijazah-ijazah dari universiti-universiti negara asing, tetapi beberapa institusi-institusi walaupun telah diiktiraf, masih kita dapati penuntut-penuntut seberang laut yang mengikuti kursus-kursus yang tidak diiktiraf. Oleh sebab itu, saya ingin menggesa Kerajaan menghantar delegasi untuk menilai kolej-kolej dan universiti-universiti lain, khususnya di negara-negara di Asia Pasifik di mana perbelanjaan pelajaran tidaklah begitu

tinggi dan penuntut-penuntut yang ingin untuk melanjutkan pelajaran mereka di luar negara dapat melanjutkan pelajaran mereka.

Dengan ini, saya menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan.

7.35 mlm.

**Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyokong usul tersebut dengan memberi sedikit pandangan dan teguran membina.

Rancangan Malaysia Keempat memerlukan perbelanjaan yang banyak serta pelaksanaan yang meluas di berbagai bidang bagi menjayakan rancangan tersebut. Ini juga bergantung kepada sistem-sistem dilaksanakan yang licin dan efektif. Saya harap sistem birokrasi dapat dihapuskan kerana ini tidak menguntungkan serta mengambil langkah-langkah yang positif terhadap pegawai-pegawai yang tidak bertanggungjawab atau cuai dalam menjalankan tugas mereka. Saya harap semua projek-projek yang dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Keempat dapat dilaksanakan dengan jaya mengikut jadual yang ditetapkan dan tidak tinggal di dalam rancangan sahaja.

Peruntukan bagi menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, iaitu sebanyak \$42,829,050 telah disediakan dan saya harap peruntukan ini dapat digunakan dengan baiknya. Pada hari ini kita masih menghadapi satu penyakit yang sukar diubati, iaitu inflasi.

Sungguhpun pihak yang berkuasa mengatikan kadar inflasi di negara kita ini yang paling rendah sekali tetapi bagi penduduk-penduduk di luar bandar sedang mengalami kesulitan yang sangat berat bagi menghadapi keadaan yang ada sekarang. Saya ingin mengesyorkan supaya Kerajaan menghadkan kemasukan barang-barang yang tidak penting ke negara kita dan melabur serta menjual lebih banyak barang-barang pasaran Malaysia ke negara-negara asing. Saya juga ingin mengesyorkan pihak Kerajaan menghidupkan semula pelancaran

Buku Hijau serta mengawal harga barang-barang kegunaan harian. Kerajaan juga harus memberi kemudahan-kemudahan kepada petani-petani supaya setiap tanah yang kosong atau terbiar dapat digunakan dengan sepenuhnya serta mengawal dengan rapi supaya bantuan seperti benih, baja dan lain-lain tidak menjadi sia-sia sahaja.

Saya juga tidak lupa mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan yang telah berusaha membukukan satu buku yang begitu cantik mengenai Rancangan Malaysia Keempat dan juga saya harap tidak tinggal di buku sahaja.

Satu lagi untuk melaksanakan rancangan ini saya rasa sistem datang ke pejabat pukul 10.00 pagi haruslah dihapuskan, terutama kepada Pegawai-pegawai Tinggi, saya percaya yang kebawahan itu memang pukul 8.30 pagi sudah ada tetapi untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Keempat ini bagi tahun 1981 eloklah mereka sampai ke pejabat selewat-lewatnya 8.30 pagi, tidak pada pukul 10.00 atau 9.00 pagi.

Dalam kita menghadapi dan melaksanakan Rancangan Malaysia Keempat jangan kita lupa memperbaiki apa yang telah dilancarkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Kerana saya katakan begitu baru-baru ini saya dapati di dalam rancangan-rancangan FELDA masih lagi kita dapati jalan-jalan terbiar begitu sahaja, tidak diperbaiki. Ini juga tidak menyenangkan hati peneroka. Begitu juga sekolah-sekolah di dalam rancangan. Rasa saya adalah ketinggalan juga seperti saya dapati di kawasan-kawasan rancangan-rancangan ini adalah satu kawasan yang begitu panas tidak ada langsung pokok-pokok untuk melindungi murid-murid di sekolah-sekolah ini dan keadaan rasa saya tidaklah begitu selesa murid-murid hendak belajar kerana tidak ada mempunyai satu kipas pun di dalam bilik-bilik darjah. Begitu juga anak-anak mereka ketinggalan di dalam didikan agama kerana sukar hendak mendapatkan guru-guru agama.

Tuan Yang di-Pertua, saya berdoa segala cita-cita Kerajaan yang baik itu dapat dilaksanakan serta mendapat kejayaan yang gemilang. Sekian, terima kasih.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Lee Jong Ki.

7.41 mlm.

**Tuan Lee Jong Ki:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana dapat mempersembahkan satu rancangan yang lebih konkrit, komprehensif dan progresif jika dibandingkan dengan rancangan tahun yang lalu, demi pembangunan sosio-ekonomi negara kita. Saya sendiri bersukacita kerana dapat memerhatikan bahawa ciri-ciri perkauman yang seolah-olah menguasai rancangan-rancangan dahulu sudah banyak dikurangkan. Saya berharap ini adalah satu tanda yang bermakna untuk masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, kita janganlah lupa oleh kerana polisi tertentu dan pelaksanaan polisi yang lain dalam masa yang lampau, kita masih terdapat perasaan kurang senang dalam kalangan masyarakat. Biarlah kita mengaku bahawa usaha Perdana Menteri dan beberapa orang Ahli Kabinetnya dalam mencapai kesederhanaan sudah menghadapi kesulitan diakibatkan oleh keterlaluhan yang dilakukan oleh setengah pihak.

Tuan Yang di-Pertua, dari satu keterlaluhan timbul pula keterlaluhan yang lain. Dengan dukacitanya kita mesti mengaku juga bahawa walaupun dengan adanya usaha pemimpin, kita masih tidak dapat mengelakkan dari hala konfrontasi komunal. Sensitiviti komunal masih menjadi kebimbangan kita yang terutama dalam urusan kita di antara satu masa lain. Saya berharap Rancangan Malaysia Keempat boleh menjadi titik permulaan untuk mengurangkan pertimbangan yang berasaskan kepada perkauman dalam pembangunan sosio-ekonomi dan pembahagian hasil dari pembangunan itu.

Tuan Yang di-Pertua, sesuatu rancangan pembangunan hanya dapat dinilai dari hasil perlaksanaannya. Cita-cita dan projek-projek dalam sesuatu plan itu hanya boleh menjadi hakikat jika sekiranya kita menggunakan cara implementasi yang betul, dan berdasarkan kepada cita-cita yang sama, serta kebolehan untuk mencapai hasil dari segala rancangan itu.

Biarlah kita mengaku bahawa dalam pada itu, rekod kita yang lampau memperlihatkan pencapaian kita masih jauh daripada memuaskan. Nampaknya kita mempunyai suatu jentera implementasi yang mengandungi cita-cita tersendiri, tetapi berbeza dengan cita-cita pemimpin kita. Akibatnya banyak salah-faham dan perasaan kurang senang sudah timbul kerana wujudnya berbagai-bagai cita birokrat yang bertentangan dengan semangat nasional. Pada masa yang lampau, timbulnya keadaan ini sudah diberi alasan bahawa kakitangan Kerajaan terlalu kuat dalam mentakrifkan polisi Kerajaan. Akan tetapi keadaan ini tidak boleh dibiarkan begitu sahaja buat selama-lamanya. Jika sekiranya keadaan ini dibiarkan begitu, jentera birokrat yang kuat itu boleh memusnahkan cita-cita pemimpin kita yang tinggi itu.

Tuan Yang di-Pertua, tentang ketetapan dan kebolehan jentera implementasi kita, teringatlah kita kepada "Karton Lat" dalam *New Straits Times* baru-baru ini yang memerihalkan routine sehari-hari sebahagian kakitangan Kerajaan kita. Merekalah yang disifatkan sebagai 'dead-wood' oleh Timbalan Perdana Menteri kita. Saya tidak sangka "Karton Lat" merupakan bahan geli hati untuk Timbalan Perdana Menteri. Saya dapat merasai kekecewaan Timbalan Menteri-menteri dalam mengeluarkan amaran itu. Saya berharap Kerajaan dapat membuang segala 'dead-wood'.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan Rancangan Malaysia Keempat itu terletak pada kebolehan Kerajaan dalam memastikan pembangunan ekonomi dapat dijalan tanpa gangguan.

Strategi Dasar Ekonomi Baru mengakui bahawa kecepatan perkembangan ekonomik mesti dikekalkan. Polisi Kerajaan dan implementasi polisi ini haruslah sentiasanya ditujukan kepada pencapaian matlamat perkembangan ekonomi. Dahulu kita berpengalaman bahawa ada polisi Kerajaan yang menimbulkan perasaan tidak tertentu dan kebimbangan di kalangan pelabur dan dengan demikian bertentangan dengan strategi petumbuhan.

Pelaburan swasta menderita dengan adanya polisi serupa itu yang sama ada tidak membawa faedah ekonomi kepada pelabur, atau mengancam keselamatan pelaburan mereka.

Terlaksananya ICA (Industrial Co-ordination Act) adalah satu contoh yang sesuai. Salah satu sebab yang mengakibatkan kekurangan pelaburan swasta itu ialah kelulusan ICA dalam pertengahan tahun 1970an. Kerajaan sudah menyedari hakikat ini dan langkah pemulihan harus diambil supaya dapat mengurangkan kebimbangan pihak pelaburan dengan meminda Akta itu. Keadaan pelaburan sudah dirosakkan dan keyakinan hanya dapat dikembalikan semula dalam satu jangka masa yang tertentu. Implementasi polisi Kerajaan dari segi pelaburan swasta adalah satu faktor yang sama penting dalam mempengaruhi iklim pelaburan.

Pemahaman yang betul dan implementasi yang cekap adalah penting dalam menciptakan keyakinan dalam kalangan swasta. Sebaliknya pemahaman yang salah dan birokrat yang tidak cekap sudah pasti akan mengganggu pelaburan swasta.

Rancangan Malaysia Keempat mempunyai peranan yang penting terhadap kalangan swasta dengan kesedaran bahawa ianya membekalkan ini juga menyediakan penghasilan dan pekerjaan yang penting. Dengan ini amatlah mustahak bahawa polisi Kerajaan harus disesuaikan untuk menggalakkan perkembangan kalangan pelaburan swasta. Malangnya pertandingan di antara sektor Kerajaan dan sektor swasta dalam beberapa bidang yang tertentu sudah mengakibatkan Kerajaan mengambil tindakan yang mengkuatirkan kalangan swasta. Kalau sekiranya Kerajaan betul-betul hendak kalangan swasta memainkan peranan dalam pembangunan ekonomik, Kerajaan harus biarkan perniagaan sebagai perniagaan.

Saya selalunya menyukai rangkaikata prinsip McKinley yang elok dan sudah lama dihormati itu yang berbunyi:

"Less government in business and more business in government".

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau hendak menggunakan bahasa Inggeris, minta izin dahulu.

**Tuan Lee Jong Ki:** Ertinya dalam Bahasa Malaysia ialah "Kerajaan harus jarang bercampur tangan dalam urusan perniagaan, tetapi menambahkan usaha dalam perkerjaannya sendiri".

Saya percaya kalau sekiranya Kerajaan dan kalangan swasta dapat tolong-menolong di antara satu sama lain, matlamat Dasar Ekonomi Baru boleh dicapai dengan lebih licin dan tidak ada derita.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah pelaburan swasta dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat dijangka sebanyak \$74,111 juta atau 72.2% dari jumlah pelaburan berbanding dengan \$30,630 juta atau 63.2% dari jumlah pelaburan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Pertambahan dalam pelaburan swasta yang dijangkakan dalam kedua-dua tempoh rancangan tersebut adalah \$43,481 juta iaitu pertambahan sebanyak 142%. Ini merupakan satu matlamat Kerajaan yang penuh bercita-cita. Kalaulah kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar yang dijangkakan iaitu 7.6% setahun hendak dicapai, maka pihak swasta mestilah mencapai matlamatnya dahulu. Oleh itu Kerajaan haruslah menentukan bahawa satu iklim pelaburan yang baik dikekalkan dan juga memastikan bahawa sebarang peraturan yang akan mengurangkan pelaburan swasta tidak diperkenalkan. Ini merupakan satu perkara yang Kerajaan harus selalu mengingatkannya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar dari pelaburan swasta dijangkakan datang dari sektor bukan minyak, terutamanya sektor pembuatan dan sektor pembinaan. Di sini saya ingin menyentuh tentang sektor pembuatan. Kini Rancangan Malaysia Keempat memberi keutamaan kepada penubuhan industri berat dan industri perteknologi tinggi. Ini merupakan perkembangan logik dalam proses industrialisasi. Saya bercadang bahawa Kerajaan dengan sedaya-upayanya menggalakkan pertumbuhan industri kecil dalam negara. Dalam negara-negara yang

sedang menuju ke perindustrian serta juga negara-negara perindustrian, industri-industri kecil merupakan tulang belakang sektor perindustrian. Sungguhpun dalam rancangan-rancangan yang lepas, Kerajaan telah menyatakan bahawa usaha-usaha akan diambil untuk mengembangkan industri kecil tetapi usaha-usaha ini tidaklah begitu giat. Sebenarnya, bolehlah dikatakan bahawa industri-industri kecil negara kita telah diabaikan. Ini merupakan gejala yang tidak sihat dalam perkembangan industri, terutamanya sekarang, apabila kita sedang berfikir tentang industri berat dan industri berteknologi tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) telah menjalankan tugasnya dengan cemerlang dalam menggalakkan pertumbuhan perindustrian dalam negara kita. Akan tetapi MIDA telah dilibatkan dalam terlalu banyak aspek perkembangan perindustrian. Saya bercadang bahawa satu agensi yang berasingan ditubuhkan untuk membantu industri kecil khususnya. Agensi yang saya sifatkan ini telahpun wujud di negara-negara yang lain dan kini penubuhan agensi seperti ini merupakan perkara yang memerlukan tindakan segera. Industri-industri kecil sedang menghadapi berbagai-bagai masalah dan mereka tidak boleh dibiarkan untuk berkembang dengan sendirinya.

Sebagai kesimpulan, saya ingin mengulang apa yang telah saya katakan tadi, iaitu kejayaan Rancangan Malaysia Keempat bergantung kepada perlaksanaannya. Kerajaan kita telah menunjukkan azamnya dalam penyusunan satu rancangan yang baik dan juga harus mempunyai determinasi untuk melaksanakannya. Dengan ini, jentera pelaksanaan memainkan peranan yang maha penting.

Jadi, saya ingin menyudahkan ucapan saya dengan menggesa Kerajaan menumpukan implimentasi mengikut cita-cita pemimpin kita. Dengan itu saya percaya matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru boleh dicapai dengan licin dan tidak ada halangan. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin Aljamlud.

7.58 mlm.

**Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin Aljamlud:** Tuan Yang di-Pertua, saya turut bersama-sama menyokong cadangan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan bagi meluluskan Rancangan Malaysia Keempat. Tidak syak lagi bahawa kejayaan Rancangan Malaysia Keempat ini sepertimana yang telah dikatakan oleh sahabat saya sebentar tadi ialah kepada pelaksanaannya. Pelaksanaan-pelaksanaan program dan projek-projek di dalam Rancangan Malaysia Keempat ini adalah jatuh kepada perkhidmatan awam kita. Banyak telah dipersoalkan dan diperkatakan yang kebanyakannya mengkritik perkhidmatan awam.

Bagi pihak saya, saya memuji perkhidmatan awam. Saya memuji ini bukanlah kerana saya ini bekas pegawai Kerajaan yang telah bertugas dengan Kerajaan selama 35 tahun, tetapi apa-apa juga kemajuan dan pembangunan yang telah tercapai oleh negara kita di bawah Dasar Ekonomi Baru adalah sebahagian besarnya di atas usaha perkhidmatan awam. Sesungguhnya dalam golongan manusia tidak ada yang perfect, ada yang sombong, ada juga segelintir sahaja pegawai-pegawai Kerajaan yang menyeleweng, yang malas, yang dikatakan "dead wood", dan sebagainya. Maka perkara ini tentulah mendapat perhatian Kerajaan. Kerajaan mengadakan banyak kursus in-service trainingnya dengan Intan, dengan cawangan-cawangan Intan, dengan seminar, dengan simposium dan dengan forumnya kerana hendak melengkapkan perkhidmatan awam kita supaya mereka itu benar-benar dapat melaksanakan Dasar Ekonomi Baru kita dengan berbagai-bagai rancangan yang diadakan. Tetapi kepada "Dead wood" itu saya menyarankanlah sepertimana yang telah disarankan bersaralah. Kepada yang lemah, kepada yang ponteng, kepada yang suka main golf, mereka itu cubalah tukarkan sikapnya. Tetapi mereka yang rajin, yang dedikasi, yang jujur hendaklah diberi anugerahan, hendak diberi award yang setimpal dengan kebolehan mereka itu. Saya tahu setengah-setengah pegawai Kerajaan ini

bertahun-tahun marking time, tidak ada hadiah yang sepatutnya diberi walaupun dikatakan macam ini, macam itu semuanya.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh adalah sepertimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Mulia pada masa mencadangkan rancangan Malaysia Keempat ini adalah berasaskan kepada kestabilan negara kita, kepada perpaduan nasional antara rakyat-rakyat. Maka tidaklah salah, sudah sewajarnya untuk mengutarakan dan untuk menaikkan perpaduan kita ini kita rujuk kembali kepada apa sebab-sebabnya maka Dasar Ekonomi Baru ini diwujudkan oleh Kerajaan dalam tahun 1970.

Jika kita kaji ucapan yang dibuat oleh bekas Perdana Menteri Allahyarham Tun Abdul Razak maka di situ dapatlah kita mengetahui sebab-sebabnya dan sebab-sebab itu patut tiap-tiap rakyat dan khususnya pemimpin-pemimpin rakyat daripada berbagai-bagai parti politik atau daripada berbagai-bagai badan mengetahui sedalam-dalamnya dan di atas dasar prinsip dan pegangan inilah maka rancangan-rancangan Malaysia kita ini dikanunkan dan diprogramkan. Maka sekarang timbul, kita dengar kata-kata adil, kata-kata saksama itu selalu sangat diperlaungkan dan diperlagukan. Jika hendak adil, jika hendak saksama hendaklah berasaskan kepada 4-5 perkara yang telah kita persetujui yang telah dikanunkan di dalam Perlembagaan dan juga undang-undang semua sekali iaitu Bahasa Malaysia, ugama Islam, kedudukan hak istimewa orang Melayu dan kedudukan Rajaraja. Itulah dia rukun-rukun perinsip, pegangan-pegangan kita dan jika adil dan saksama yang kita laung-laungkan itu hendaklah berasaskan kepada lima perkara ini.

Kita juga selalu dengar berkenaan perkataan lain di Dewan ini dan juga di luar Dewan iaitu tamak dan haloba. Sesungguhnya perkataan tamak dan haloba ini tersebut di dalam Titah Ucapan Kebawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung. Janganlah disalah tafsirkan perkataan tamak dan haloba ini. Pada fikiran saya adalah tamak dan haloba ini ditujukan

kepada mereka yang hendak cepat kaya yang menyorok barang, yang menaikkan harga barang-barang. Itu dia yang tamak haloba mengikut tafsiran saya. Jangan dikaitkan tamak dari haloba ini dengan perkara yang lain yang berasaskan kepada hak bumiputra yang telah dipersetujui dalam Perlembagaan negara. Kita juga jangan khayal, bumiputra khususnya, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kemajuan-kemajuan yang telah kita capai daripada 1970 hingga 1980. Jikalau kita baca kemajuan bumiputra daripada buku Rancangan Malaysia Keempat yang telah disuarakan oleh sahabat saya sebentar tadi cukup bagus, cukup girang hati kita. Ini menunjukkan kejayaan Rancangan Malaysia untuk menolong bumiputra mengikut prinsip-prinsip yang tadi, tetapi hendaklah kita kenang bahawa matlamat 30% itu jauh sangat bezanya, Tuan Yang di-Pertua. Jikalau kita bandingkan kononnya kemajuan yang kita capai sekarang ini dengan nisbah kadar kemajuan yang diperolehi oleh rakyat yang lain jauh juga. Janganlah dengan kata-kata yang melaung-laungkan kemajuan bumiputra ini akan mengkhayalkan kita dan akan membuat kita ini merasa cukuplah, baguslah Melayu maju, tetapi matlamat 30% pada akhir tahun 1990 itu jauh lagi, Tuan Yang di-Pertua dan pada kita semua sekali bumiputra tahun 1990 itu adalah tahun sakti. Harapan bumiputra sangat tinggi untuk menghadapi tahun 1990 itu berpadukan kepada prinsip-prinsip yang saya katakan sebentar tadi itu jangan kita lupa.

Baru-baru ini ada satu banner terbentang di Petaling Jaya di kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua. Daripada banner yang terbentang di serata pekan Petaling Jaya itu empat benda yang saya faham daripada begitu banyak tulisan:

- (1) Bendera satu parti politik.
- (2) Tahun 1990—Saya tahulah 1990.
- (3) Tanda tanya (question mark).
- (4) Tarikh: 15hb Mac, 1981.

Itu sahaja yang dibentangkan di Petaling Jaya. Apabila saya nampak tahun 1990 dengan question mark itu dan disebelah kirinya bendera parti politik, saya bertanya kepada diri saya sendiri: Apa benda itu?

Bagaimana banner itu dipasang, boleh jadi dengan kebenaran Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Petaling Jaya yang intisarinya menjadi curiga kita. Perkara banner dengan tahun 1990 yang saya anggap menjadi tahun sakti kepada kita “di question marknya” dan ada pula tarikh 15hb Mac, 1981. Saya tak kuasa bertanya apa maknanya pada kawan yang mengerti kata-kata yang tersirat di banner itu dan kepada kita bumiputra tahun 1990 itu adalah tahun sakti. Cukuplah, Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap secara umum dalam perkara itu.

Sekarang saya hendak bawa kepada perkara detil sedikit iaitu berkenaan dengan pertanian. Bila kita sebut pertanian ialah Kementerian Pertanian, di mana pergerakan koperasi menjadi satu daripada portfolio Kementerian Pertanian. Kita tahu koperasi ini bukan badan alang-kepalang. Koperasi ini ada konsep, ada falsafah, ada prinsip-prinsip, ada rukun-rukunnya. Satu daripadanya ialah mengagihkan keuntungan dan kekayaan kepada seberapa ramai rakyat. Tujuannya ialah memberikan perkhidmatan kepada ahli-ahlinya, bukan mencari keuntungan dan berbagai lagi prinsip koperasi itu. Tetapi dengan cara sekarang ini entah macam mana sungguhpun di dalam Undang-undang Koperasi ada disebutkan koperasi itu boleh tubuhkan subsidiary company dengan kelulusan Ketua Pendaftar, maka banyaklah subsidiary company, anak-anak syarikat, anak-anak koperasi daripada koperasi yang ditubuhkan, yang kononnya putih bersih, murni berkenaan dengan falsafah dan idealnya koperasi itu ditubuhkan subsidiarinya yang didaftarkan di bawah company iaitu satu badan kapitalis. Bagaimanakah perkara ini? Tidakkah ada konflik dengan koperasi yang bersih, murni falsafahnya itu menubuhkan satu subsidiary yang berupa kapitalis, yang konflik dengan prinsip-prinsip koperasi. Jadi seolah-olahnya sudah kita cuba mengatasi restriction ataupun problem, masalah koperasi dengan cara kapitalis. Mengapa tidak koperasi itu yang putih bersih itu menubuhkan subsidiary kerana hendak mengadakan pengurusan yang berlainan atau accounting yang berlainan ataupun apa juga yang berlainan di bawah koperasi juga apa salahnya? Dan juga jikalau kita tengok di dalam Undang-undang

Koperasi dengan satu ayat sahaja; Koperasi boleh menubuhkan subsidiarinya dengan persetujuan Ketua Pendaftar Koperasi. Habis, tidak ada cara-cara (rules), peraturan-peraturan atau kaedah-kaedahnya untuk mengawasi anak syarikat koperasi itu dan kita tahu apabila anak koperasi atau subsidiary itu didaftarkan di bawah Companies Act maka dia itu sudah bertukar atau berubah corak menjadi satu company dan Ketua Pengarah Koperasi tidak lagi bertanggungjawab atas anak syarikat koperasi itu. Saya mintalah Kerajaan melihat perkara ini.

Dan lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh di bawah Potfolio Kementerian Pertanian ini ialah berkenaan dengan Lembaga Pertubuhan Peladang kerana saya nampak Lembaga Pertubuhan Peladang ini ialah satu badan kemuncak di antara badan-badan, agensi-agensi yang berkaitan dengan koperasi dan kita tahu Kerajaan memandang berat kepada Kementerian. Ada sebanyak lebih kurang 20 sama ada Jabatan-jabatan ataupun agensi-agensi yang berkaitan dengan pertanian. Ini menunjukkan bagaimana minat Kerajaan terhadap pertanian dan sebagaimana saya kata tadi kemuncak dan ibunya ialah pada saya Lembaga Pertubuhan Peladang kerana tugasnya ialah untuk membangunkan sosio-ekonomi peladang-peladang bukannya pertanian tetapi sosio-ekonomi insan, orang yang bertugas sebagai peladang-peladang. Tetapi jikalau kita tengokkan kekuatan, kemampuan Lembaga Pertubuhan Peladang untuk memikul tugas yang maha besar ini tidaklah seberapa sangat jika dibandingkan dengan tugas-tugas Jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang lain-lain.

Pegawai-pegawai kanannya tidak berapa sangat, wang yang diperuntukkan oleh Kerajaan kepada Lembaga Pertubuhan Peladang tidak berapa sangat dan satu perkara omission yang ada, yang telah berlaku di dalam Lembaga Pertubuhan Peladang walaupun disyaratkan dalam undang-undangnya yang Lembaga Pertubuhan Peladang boleh berbuat demikian tetapi tidak dibuat walaupun Lembaga Pertubuhan Peladang sudah

berumur lebih kurang 8 tahun iaitu Lembaga Pertubuhan Peladang ini hendaklah bertanggungjawab di atas pembangunan satu kawasan yang dinamakan kawasan Kemajuan Peladang yang digezetkan dan apabila kawasan itu telah digezetkan maka Lembaga Pertubuhan Peladang—yang tunggal—bertanggungjawab atas kemajuan pertanian, sosio-ekonomi dalam kawasan itu dengan perundingan dan kerjasama agensi-agensi lain dan Kerajaan-kerajaan Negeri. Maka kekuatan Lembaga Pertubuhan Peladang yang diwujudkan dengan harapan yang tinggi itu satu omission telah berlaku. Oleh kerana itu untuk membolehkan Lembaga Pertubuhan Peladang menjalankan tugasnya dengan 100% berkesan, dengan mendapat kerjasama dan bantuan daripada agensi-agensi lain untuk meninggikan taraf hidup peladang-peladang di kawasan itu, pendeknya kawasan itu menjadi monopoli kepada Lembaga Pertubuhan Peladang maka kawasan Kemajuan Peladang mesti diwujudkan di dalam networknya yang sebanyak 210 buah itu, jadi saya mintalah Kementerian Pertanian menimbangkan perkara itu.

Setakat itu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua, yang dapat saya ucapkan dan saya menyokong dengan sepenuhnya cadangan Yang Berhormat Mulia bagi meluluskan Rancangan Malaysia Keempat.

*8.14 mlm.*

**Tan Sri Datuk Dr C. Sinnadurai:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan kita kerana melancarkan Rancangan Malaysia Keempat.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa pelancaran Rancangan Malaysia Keempat adalah amat penting, ianya mengandungi beberapa program pembangunan untuk tujuan pembahagian pendapatan dan penyusunan semula masyarakat. Ahli-ahli Yang Berhormat marilah kita bersama menumpukan tenaga kita untuk melaksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri kita yang amat dikasihi telah menyeru rakyat Malaysia yang berbagai bangsa dan dari segala lapisan untuk berazam sepenuh hati

bagi memajukan masyarakat yang perpadu untuk adil, maju dan tahan lasak sejajar dengan semangat Rukunegara.

Tuan Yang di-Pertua, di sini ialah kita diingatkan (*Dengan izin*) Honourable Members, let me remind you, nothing will succeed if it is borne in the minds of few and carried in the hearts of none. Oleh itu tujuan untuk mencapai matlamat-matlamat perpaduan negara dan kemajuan adalah tergantung kepada usaha kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, kita mungkin menghadapi berbagai masalah tetapi yang mustahak sekali adalah hasil akhirnya. (*Dengan izin*) We may find the road rather bumpy but what matters is the end result. How successful we are in a multi-racial country and how one looks then will be true reflection of how one feels.

8.17 mlm.

**Tuan Ibrahim bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menyokong Rancangan Malaysia Keempat yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan Malaysia pada 17hb April, 1981 di Dewan yang mulia ini.

Saya juga mengalu-alukan segala usaha dan langkah-langkah Kerajaan yang telah memperuntukkan satu belanjawan yang besar khasnya memajukan negara dan membina satu taraf hidup yang lebih baik kepada rakyat di negara ini khasnya rakyat di luar bandar. Segala usaha-usaha dan langkah-langkah Kerajaan yang murni ini diharapkan akan dapat membawa negara kita ke satu peringkat yang lebih tinggi dalam semua bidang dan lapangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan masalah perumahan yang masih lagi dihadapi oleh rakyat di negara kita ini khasnya rakyat yang berpendapatan rendah. Adalah diharapkan supaya Kerajaan dapat mengambil tindakan yang positif untuk membasmi segala masalah ini. Kerajaan juga hendaklah mempercepatkan rancangan-rancangan rumah kos murah. Ini sedikit sebanyak dapat memenuhi hasrat Kerajaan supaya satu keluarga mempunyai sebuah

rumah yang sesuai dengannya. Dalam perkara ini saya berharap semoga Kerajaan dapat mengawal dan mengawasi harga-harga rumah yang dibina oleh pemaju-pemaju perumahan swasta supaya rakyat yang berpendapatan rendah juga mampu untuk membeli sebuah rumah yang sesuai dengan kemampuannya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya pula membangkitkan masalah kesihatan di negara kita ini. Dalam peruntukan belanjawan Kementerian Kesihatan telah diuntukkan dengan satu jumlah peruntukan yang begitu besar. Ini adalah peruntukan bagi memberikan satu taraf kesihatan rakyat yang sihat di negara ini. Adalah diharapkan semoga dengan peruntukan yang besar ini Kerajaan akan dapat memperhebatkan rancangan untuk memperlempang dan membina lebih banyak rumah-rumah sakit dan pusat-pusat kesihatan yang moden dan lengkap supaya dapat menampung jumlah para pesakit. Di dalam perkara ini adalah diharapkan semoga Kerajaan dan Kementerian Kesihatan khasnya akan menubuhkan sebuah badan petugas khas untuk menjaga perlaksanaan kemajuan sesebuah hospital atau pusat kesihatan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan tentang cadangan pembinaan sebuah rumah sakit atau Hospital Daerah Raub, Pahang. Beberapa tahun yang lalu Kerajaan telah mendapatkan satu tapak tanah yang sesuai seluas 30 ekar. Pada pendapat saya adalah perlu didirikan sebuah Hospital Daerah Raub yang besar bagi menampung pesakit-pesakit dan penduduk-penduduk di daerah Raub yang bertambah ramai itu. Keadaan hospital yang ada sekarang yang telah lama didirikan dan uzur adalah sangat-sangat mendukacitakan.

Hospital Daerah Raub yang sekarang difikirkan tidak mampu lagi menampung sejumlah pesakit-pesakit yang begitu ramai meminta rawatan pada tiap-tiap hari. Saya berharap moga-moga Kerajaan dapat membina sebuah Hospital Besar Daerah Raub yang baru ditapak yang telah Kerajaan sediakan itu dengan secara moden dan lengkap yang mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya membangkitkan masalah doktor-doktor yang ada bertugas di sekitar Raub sekarang. Apakala terjadi satu-satu kes, pesakit-pesakit ini selalu dihantar ke hospital. Kebanyakan pesakit-pesakit itu dihantar ke Hospital Besar, Kuala Lumpur. Ini adalah disebabkan kerana doktor pakar dan alat-alat keperluan tidak diadakan di Hospital ini. Perkara telah banyak terjadi dan beberapa kali terjadi, ada diantaranya bersalin di dalam ambulan sahaja; ada yang meninggal dunia di tengah perjalanan sahaja belum sampai ke Bentong, dan ada yang berlaku antara Bentong dengan Kuala Lumpur. Oleh itu saya berharap kepada Kementerian Kesihatan atau Kerajaan supaya menghantar doktor pakar dan kelengkapan dengan sepenuhnya alat-alatan keperluan dengan Raub dengan seberapa segera supaya perkara-perkara ini tidak berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang suka saya sebutkan di Dewan yang mulia ini projek-projek yang dijalankan oleh Kerajaan, umpamanya projek parit dan taliair. Ada projek ini dibuat di kawasan sawah-sawah tetapi malangnya banyak didapati parit air yang dibina lebih rendah daripada kawasan sawah yang ada. Cubalah renungkan dan saya percaya air tidak akan dapat mengalir ke dalam sawah-sawah itu. Dengan itu petani-petani tidaklah dapat mengusahakan sawah-sawahnya. Dengan itu sawah-sawah itu tinggal begitu sahaja dengan tidak dapat diusahakan.

Perkara ini berlaku di merata-rata tempat bukan di negeri saya sahaja, Pahang; tetapi berlaku juga di tiap-tiap negeri dalam Malaysia ini. Saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, supaya projek-projek seperti ini dapat Kerajaan membuatnya dengan memberi faedah yang besar dan teratur terutama sekali kepada petani-petani yang ada di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh penduduk-penduduk di kawasan luar bandar. Perkara ini terpaksa

Kerajaan memberi perhatian berat di atas keadaan kemudahan asas seperti jalanraya, bekalan api, bekalan airdan lain-lain kemudahan yang sepatutnya mereka nikmati. Dalam zaman sains dan teknologi ini di masa kita mendapat kemajuan pesat berlaku di seluruh negara tetapi kemudahan-kemudahan seperti ini masih lagi belum diberikan kepada mereka atau penduduk-penduduk di luar bandar yang sepatutnya menerima seperti di tempat lain juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan menyokong penuh Rancangan Malaysia Keempat ini. Sekian, terima kasih.

## USUL

### PENANGGUHAN MESYUARAT

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apa pun ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini petang tadi mengenai waktu persidangan, Dewan ini hendaklah ditangguhkan sekarang.

**Tan Sri Datuk Dr C. Sinnadurai:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apa pun ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini petang tadi mengenai waktu persidangan, Dewan ini hendaklah ditangguhkan sekarang.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang, hari esok, 21hb April, 1981.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 8.24 malam.*